

**MALAYSIA**

**DEWAN NEGARA**

**Khamis, 21 Julai, 2005**

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi**

**DOA**

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

---

**PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA**

**CUTI KEPADA AHLI – KEBENARAN**

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka hendak memberitahu majlis ini iaitu saya telah membenarkan cuti daripada menghadiri mesyuarat di bawah perkara 52(2), Perlembagaan Persekutuan kepada Yang Berhormat Datuk Nor Azah binti Awin dari 18 Julai hingga 26 Julai 2005.

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

**1. Datuk M. Ratnam** minta Perdana Menteri menyatakan apakah dasar Petronas bagi pemberian lesen ataupun pemilihan pemohon yang ingin mengendalikan stesen minyak bagi semua kaum.

**Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Mohd Johari bin Baharum]:** Terima kasih Yang Berhormat Datuk M. Ratnam. Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat antara syarat yang diperlukan dipenuhi oleh mereka yang berminat menjadi pengusaha stesen servis Petronas adalah seperti berikut:-

- (i) bersedia untuk mengendalikan stesen servis sebagai pemilik tunggal secara sepenuh masa;
- (ii) berumur di antara 25 hingga 45 tahun;
- (iii) mampu menyediakan modal sekurang-kurangnya RM150,000 dan jaminan bank minimum sebanyak RM60,000;

(iv) kelayakan minimum ialah SPM dan setaraf dengannya.

**Datuk M. Ratnam:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Mohd Johari dia atas jawapan itu. Tuan Yang di-Pertua, jawapan tulisan yang saya terima kepada soalan nombor 57 semalam saya telah diberi fakta berikut oleh Jabatan Perdana Menteri bahawa 747 stesen Petronas telah diluluskan hanya satu lesen dikeluarkan kepada kaum India. Saya bukan *racist* tetapi ingin tahu mengapa kaum India hanya diberi satu stesen sahaja. Manakala ada ramai orang India termasuk anak kawan saya berumur lebih 30 tahun telah pun memohon, kelulusan beliau LLB di Leeds, MBA di Cardiff, wang ada mencukupinya, memenuhi segala syarat yang dikehendaki oleh Petronas, beliau tidak dipanggil untuk temu duga pun. Jawapan yang diterima tidak berjaya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Pertanyaan yang berhormat.

**Datuk M. Ratnam:** Pertanyaan Tuan Yang di-Pertua, Petronas adalah salah satu syarikat kepunyaan kerajaan. Dengan polisi seperti ini macam mana ekuiti kaum India boleh dinaikkan sehingga 3% menjelang tahun 2010 kerana syarikat-syarikat GLC pun tidak beri peluang ataupun memberi pertimbangan kepada permohonan-permohonan daripada kaum India. Sekian, terima kasih.

**Dato' Mohd Johari bin Baharum:** Terima kasih Yang Berhormat. Untuk pengetahuan Yang Berhormat, dalam soal pemberian atau pemilihan untuk pengusaha servis stesen minyak bagi Petronas, Petronas tidak mempunyai kuota kepada mana-mana bangsa atau sesiapa. Kita berdasarkan kepada syarat-syarat yang telah ditetapkan.

Untuk pengetahuan Yang Berhormat juga apabila Petronas memulakan operasi Petronas kebanyakan menumpukan di kawasan luar bandar. Pada mula-mula kebanyakannya adalah terdiri daripada kawasan-kawasan dan tanah-tanahnya dimiliki oleh bumiputera, umpamanya di kawasan FELDA, di luar-luar bandar kebanyakan stesen minyak. Di dalam bandar kita bersaing juga dengan stesen-stesen minyak seperti ESSO, SHELL dan sebagainya dan biasanya permohonan ini bertindih atau kadang-kadang tempat itu tidak sesuai.

Untuk mendapat maklumat yang lebih lanjut saya rasa Yang Berhormat boleh jumpa saya selepas ini. Kita tengoklah kepada permohonan yang mana yang telah

disebutkan tadi saya akan cuba tengok dan saya akan cuba bagi jawapan yang lebih meyakinkan Yang Berhormat berhubung dengan perkara itu. Untuk pengetahuan Yang Berhormat kerajaan kita tidak ada diskriminasi dalam soal pemilihan stesen minyak ini. Terima kasih.

**Tuan Hassan bin Haji Shukri:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Berdasarkan kepada jawapan Yang Berhormat, adakah di antara sebab-sebab tidak berjaya itu kerana pemohon tidak dapat mengemukakan tanah yang dicadangkan untuk dijadikan stesen itu ataupun pemohon tidak dapat kelulusan tanah daripada kerajaan-kerajaan negeri. Jika mereka mengemukakan permohonan lesen stesen Petronas itu.

**Dato' Mohd Johari bin Baharum:** Sebenarnya ia banyak bergantung kepada selain daripada Petronas, kita bergantung kepada majlis daerah. Kadang-kadang tempat itu tidak sesuai, kadang-kadang terlalu kerap ada stesen minyak. Dekat itu dah ada stesen minyak ESSO, SHELL dan sebagainya. Di samping itu tidak berapa jauh dari situ kita ada satu lagi stesen minyak Petronas. Jadi sebab syarat-syarat itu kita perlu lihat. Banyak lagi kriteria-kriteria yang diambil kira dari segi kadang-kadang tempat itu bukan kawasan perniagaan tapi dalam kawasan perumahan dan sebagainya tidak sesuai. Itulah syarat di antara perkara-perkara yang diambil kira. Sebenarnya bukan bergantung kepada Petronas sahaja. Bergantung juga kepada syarat tanah, Kerajaan Negeri dan sebagainya.

**Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, sejauh manakah kemampuan PETRONAS dalam menghadapi persaingan dengan stesen-stesen minyak yang lain di seluruh negara, dan apakah kerajaan bercadang di masa akan datang, mengehendkan bilangan stesen-stesen minyak yang lain untuk melindungi stesen minyak PETRONAS?

**Dato' Mohd Johari bin Baharum:** Saya ingat soal itu tidak timbul sekarang ini. PETRONAS bukan sahaja dalam negeri. Kita di luar negara pun, kalau di Sudan, di South Africa kita telah mengambil alih stesen-stesen minyak yang dimiliki oleh syarikat-syarikat antarabangsa seperti MOBIL dan sebagainya. Jadi, di dalam negeri saya ingat tidak ada masalah kepada PETRONAS untuk bersaing dengan syarikat-syarikat yang telah sedia ada di negara kita ini. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat yang akur terhadap tuntutan tugas walaupun tarikan di lain lebih kuat lagi. Terima kasih. *[Ketawa]*

2. **Dato Sri Empiang Jabu** minta Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani menyatakan bilangan syarikat-syarikat di Sarawak yang telah mendapat kelulusan bagi aktiviti menangkap ikan laut dalam dan sama ada kesemua syarikat tersebut telah mengikut syarat-syarat bagi aktiviti menangkap ikan laut dalam di perairan Sarawak.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani [Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim]:** Tuan Yang di-Pertua, sehingga bulan Jun tahun 2005 sebanyak 83 buah syarikat di Sarawak telah mendapat kelulusan bagi aktiviti menangkap ikan laut dalam. Syarikat-syarikat ini didapati mematuhi semua peraturan-peraturan yang telah ditetapkan oleh kementerian. Namun begitu, masih terdapat beberapa syarikat yang melanggar syarat-syarat tersebut. Walaupun kes kesalahan yang berlaku hanya di dalam jumlah yang kecil, namun kementerian memandang serius akan perkara ini dan bagi individu atau syarikat yang didapati telah melanggar syarat dan peraturan yang ditetapkan, kementerian telah mengambil langkah yang sewajarnya terhadap mereka iaitu dengan cara rampasan bot, denda dan kompaun bersesuaian dengan kesalahan yang dilakukan.

Walaupun tindakan ini agak sukar diterima oleh para nelayan, tetapi pihak kementerian perlu melaksanakannya bagi mendisiplinkan nelayan-nelayan terbabit dan menghalang kes-kes kesalahan ini daripada terus berulang. Sebagai contoh, dalam tahun 2004 sebanyak 60 buah *vesse/* termasuk *vesse/* zon laut pantai di Sarawak telah didapati melanggar syarat dan peraturan yang ditetapkan seperti melanggar zon tangkapan, menggunakan nelayan asing tanpa permit dan lain-lain. Sehingga Jun tahun ini, sebanyak 17 buah bot telah melakukan kesalahan iaitu membabitkan 14 buah bot *chartered* dan tiga buah bot tempatan. Terima kasih.

**Dato Sri Empiang Jabu:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, sejauh manakah syarikat-syarikat bumiputera atau bukan bumiputera di Sarawak yang mendapat lesen menangkap ikan laut dalam ini telah memperluaskan aktiviti-aktiviti mereka daripada hanya menangkap ikan ke aktiviti pemprosesan dan sebagainya.

**Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim:** Terima kasih Yang Berhormat Dato Sri. Untuk maklumat Yang Berhormat Dato Sri, kebanyakan bot-bot menangkap ikan laut dalam ini, yang jumlahnya tadi yang saya katakan tadi, ada 83 buah, kebanyakannya hanya menangkap ikan dan belum lagi dari segi melipatgandakan usaha untuk pemprosesan. Namun demikian, sudah ada beberapa syarikat yang telah memulakan langkah, khasnya sekarang ini kita ada satu pelabuhan pendaratan ikan di Tanjung Manis yang insya-Allah, akan mula operasi sepenuhnya, akan siap sepenuhnya dalam tahun 2006.

Jadi sekarang ini, memang kementerian menggalakkan supaya pengusaha-pengusaha menangkap bot laut dalam ini juga melibatkan diri di dalam pemprosesan. Jadi sekarang ini ada segelintir Yang Berhormat Dato Sri yang telah melibatkan diri, walaupun kementerian berharap sehingga tahun 2006 nanti insya-Allah, lebih banyak lagi yang akan menceburkan diri supaya pelabuhan ikan laut dalam itu betul-betul memberi manfaat kepada semua nelayan yang ada di persekitaran perairan Sarawak. Terima kasih.

**Puan Wan Ubaidah binti Omar:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan ialah, berapakah agaknya pendapatan secara purata pekerja-pekerja ataupun nelayan-nelayan di atas kapal laut ini, dan adakah ianya berbaloi dengan masa mereka yang lama di laut? Terima kasih.

**Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim:** Angka yang tetap saya tidak ada iaitu kelasi-kelasi. Jumlahnya memang terpulang kepada tuan punya bot. Tetapi saya mengetahui bahawa jumlahnya, *ranging* daripada 15 hingga 30 orang pun ada. Ia terpulang kepada kapasiti bot sebenarnya Yang Berhormat. Kebanyakan mereka ini juga telah menggunakan kepakaran nelayan-nelayan asing khasnya daripada Thailand dan berapa lama mereka di laut, saya difahamkan bagi yang sebenar-benarnya, khasnya bot-bot *chartered* yang menggunakan pengusaha atau pekerja-pekerja asing, kebanyakan pekerja asing mereka boleh bertahan di laut sehingga tiga bulan. Tetapi, yang tempatan Yang Berhormat, kadang-kadang mereka boleh bertahan sehingga tiga minggu. Terima kasih.

**Dato' Dr. Chin Fook Weng:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya.....

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya bagi peluang sebab banyak membantu Dewan dengan pelbagai idea.

**Dato' Dr. Chin Fook Weng:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, adakah kementerian mempunyai satu rancangan supaya nelayan-nelayan pantai itu juga digalakkan melibatkan diri dalam penangkapan ikan laut dalam, supaya masalah di antara kedua-dua pihak ini dapat diselesaikan. Terima kasih.

**Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim:** Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya memang ada. Memang ada perancangan ini sebab nelayan tradisi atau nelayan pantai ini memang sudah ada berpengalaman dari segi menangkap ikan walaupun dinamakan nelayan pantai sebab mereka adalah nelayan yang kecil-kecilan. Yang sebenarnya, nelayan pantai ini satu keistimewaannya Yang Berhormat, dia boleh menangkap di mana-mana. Dengan lesen A itu, dia boleh menangkap di mana-mana. Tetapi, yang lain itu mereka dihad mengikut zon. Bagi nelayan pantai ini memang mereka terbuka luaslah sehingga ke zon mana-mana mereka boleh pergi. Tetapi Yang Berhormat, masalahnya iaitu perusahaan ikan laut dalam ini memerlukan modal yang begitu besar dengan peralatan yang canggih dan sebagainya.

Oleh yang demikian, sekarang ini kementerian ada satu rancangan dinamakan menubuhkan satu konsortium, di mana mereka ini boleh digabungkan untuk mengusahakan penangkapan ikan laut dalam di mana satu-satu gabungan memerlukan RM100 juta. Sebab itulah yang menjadi satu masalah yang terbesar dari segi kapital. Tetapi insya-Allah, dari segi kepakaran dan lain-lain itu sebenarnya, nelayan pantai ini memang sudah ada kecuali mereka berkurangan dari segi kapital. Jadi, dengan adanya konsortium ini kelak, masalah kapital atau modal ini insya-Allah, dapat diatasi. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Bermakna klasifikasi lesen A, B, C itu, sekali gus merupakan galakan kepada mereka.

**Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim:** Macam itulah Tuan Yang di-Pertua.

3. **Datin Paduka Jaya Partiban** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan sama ada kementerian akan membuat kajian berhubung kebenaran kepada restoran beroperasi 24 jam memandangkan mungkin faktor kebersihan akan terjejas jika restoran ditutup pada waktu-waktu tertentu.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Dr. S. Subramaniam]:** Tuan Yang di-Pertua, buat masa ini kementerian tiada sebarang cadangan berhubung mengawal restoran beroperasi 24 jam. Walau bagaimanapun, bagi tujuan kawalan terhadap operasi restoran tersebut, PBT menguatkuasakan Undang-undang Kecil Trade Perniagaan dan Perindustrian bagi tujuan pemberian lesen premis perniagaan. Manakala, Undang-undang Kecil Pengendalian Makanan bagi tujuan kawalan kebersihan.

PBT sentiasa memantau serta mengambil tindakan penguatkuasaan yang sewajarnya ke atas restoran yang beroperasi 24 jam kerana ia melibatkan kesihatan awam serta imej sesebuah bandar. Aspek kebersihan diberi perhatian khusus dalam Undang-undang Kecil Pengendalian Makanan. Di bawah undang-undang kecil tersebut, perkakas, tempat serta mereka yang terlibat dalam pengendalian makanan hendaklah sentiasa berada di dalam keadaan bersih. Tindakan kompaun menarik balik lesen dan penjara boleh dikenakan ke atas mana-mana pihak yang melanggar syarat-syarat yang dinyatakan dalam undang-undang kecil tersebut. Terima kasih.

**Datin Paduka Jaya Partiban:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kebanyakan restoran-restoran ini, kalau kita lihat mereka yang bekerja di pejabat dan juga di kilang ataupun di mana-mana, duduk di sana dengan secawan teh sampai 1 atau 2 pagi. Soalan tambahan saya, apakah produktiviti di pejabat ataupun di tempat bekerja tidak akan terjejas sekiranya mereka tidak dapat rehat dan tidur yang mencukupi? Terima kasih.

**Dr. S. Subramaniam:** Terima kasih Ahli Yang Berhormat. Memang ini tidak ada kena-mengena dengan kebersihan di dalam restoran itu. Walaupun ini terpulung kepada disiplin seseorang macam mana mereka gunakan masa lapang mereka. Kalau kita mengharamkan restoran 24 jam pun, mungkin mereka akan cari jalan-jalan yang lain untuk menghabiskan masa. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Kadang-kadang dia duduk di rumah dia kacau isteri.  
*[Ketawa] [Dewan gamat seketika]*

**Puan Hajah Samsiah binti Samsudin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya ialah, adakah kementerian peka dan sedar banyak perkara

negatif berlaku dengan adanya restoran yang beroperasi sehingga 24 jam ini seperti bunuh, langgar lari, gaduh, rompak dan sebagainya.

**Dr. S. Subramaniam:** Terima kasih Ahli Yang Berhormat. Memang seperti di kawasan-kawasan perniagaan yang lain, perkara-perkara antisosial ini boleh berlaku di restoran 24 jam. Tetapi itu tidak bermakna kita mesti mengharamkan restoran-restoran tersebut. Terpujanglah kepada pihak keselamatan dalam negeri untuk menjaga keselamatan di kawasan-kawasan itu, untuk memastikan bahawa walaupun kebaikan yang datang daripada restoran-restoran 24 jam boleh digunakan oleh rakyat jika keselamatan mereka boleh dijaga.

Memang restoran 24 jam selain daripada unsur-unsur negatif yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat tadi, ada kebaikan juga. Ini kerana, yang pertama ia memberi peluang supaya satu-satu bandar itu masih hidup pada waktu malam dan daripada segi itu pun mungkin ada memberi sedikit sebagai pengawalan untuk keselamatan.

Lagi satu Tuan Yang di-Pertua, kita tidak boleh menafikan bahawa restoran 24 jam telah memberi sumbangan untuk perkembangan politik di negara kita kerana di dalam restoran 24 jam dengan izinnya, *over a cup of* teh tarik, pelbagai jenis ideologi dan fikiran politik ditukar oleh saudara-saudara kita dan mungkin kalau kita mengharamkan teh tarik dan restoran 24 jam, ini akan mencacatkan perkembangan ideologi politik. *[Ketawa] [Dewan gamat seketika]* Terima kasih.

**Tuan Lee Sing Chooi:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, untuk menuju ke Wawasan 2020, adakah kementerian bercadang untuk mengadakan prosedur standard dan juga piawaian kebersihan untuk restoran-restoran yang beroperasi 24 jam supaya makanan yang dihidangkan itu selalunya selamat untuk kesemua orang juga pelawat-pelawat luar negeri. Terima kasih.

**Dr. S. Subramaniam:** Syarat-syarat yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat memang ada. Walaupun bukan khusus untuk restoran 24 jam, tetapi mesti dilaksanakan dan diamalkan oleh semua tempat atau restoran-restoran yang mengendalikan makanan. Pada masa sekarang, kerajaan tidak mempunyai apa-apa syarat yang tertentu untuk restoran 24 jam, walaupun ada negeri-negeri yang tertentu macam Selangor yang telah menetapkan bahawa cuma restoran-restoran yang



mempunyai grade A pada tahap kebersihannya diberi lesen untuk beroperasi untuk 24 jam. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Alangkah bahagiannya negara kita ini. Buka kedai kopi 24 jam pun jadi isu. Di Gaza saya ingat dia orang tak bincang soal buka kedai kopi 24 jam. Puan Siti Zailah.

**4. Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff** minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan langkah-langkah yang sedang dan akan diambil bagi meningkatkan pencapaian atlet wanita dalam negara. Apakah kementerian mempunyai satu dasar pakaian bagi atlet wanita, khususnya wanita Islam.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan [Tuan Sa. Vigneswaran]:**

Tuan Yang di-Pertua, memang menjadi tumpuan kementerian memberi penekanan terhadap penyertaan wanita yang lebih berkesan dan lebih kompetitif bagi meningkatkan prestasi mereka dalam sukan. Melalui program-program latihan atlet jangka panjang yang dirancang oleh Majlis Sukan seperti Program Jaya 98, Program Gemilang 2001, Program Gemilang 2006 dan yang terbaru Program Cemerlang 2010 adalah strategi yang digariskan adalah untuk memberi penekanan penyertaan wanita yang lebih berkesan dan lebih kompetitif. Oleh itu dalam setiap program yang dirangkakan bagi sukan-sukan yang memang mempunyai acara wanita, kementerian memastikan bilangan atlet wanita dimasukkan ke dalam program tersebut.

Sungguhpun begitu, kita memang mengalami kekangan yang ketara untuk mendapatkan atlet-atlet wanita yang betul-betul berpotensi kerana budaya sukan di kalangan masyarakat Malaysia masih belum kukuh apatah lagi di kalangan masyarakat wanita sendiri. Kementerian melalui Majlis Kecergasan Negara sekarang sedang giat melaksanakan program-program kesedaran dan aktiviti di kalangan masyarakat Malaysia mengenai kecergasan supaya masyarakat negara ini akan memberikan tumpuan kepada kecergasan masing-masing di samping akan menjana kepada budaya sukan yang lebih meluas.

Dalam pelaksanaan program-program ini tumpuan juga tidak dilupakan kepada kaum wanita supaya kaum wanita juga akan mengamalkan aktiviti kecergasan dan berbudaya sukan. Hasilnya nanti akan dapat mencungkil bakat-bakat sukan dari kalangan wanita kita yang lebih cemerlang.

**Tuan Yang di-Pertua:** Boleh Yang Berhormat memberi peluang untuk pertanyaan tambahan?

**Tuan Sa. Vigneswaran:** Satu lagi Tuan Yang di-Pertua. Kementerian tidak mempunyai sebarang dasar bagi pakaian atlet wanita khususnya bagi wanita Islam. Sehingga kini atlet-atlet wanita termasuk atlet Islam memakai pakaian yang sesuai dan mengikut peraturan sukan masing-masing.

**Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, daripada jawapan kita dengar tadi bagaimana kita lihat tidak ada satu dasar yang digariskan oleh kerajaan bagi pakaian wanita dan kita lihat hari ini pakaian atlet wanita ada yang singkat dan ketat dan ada yang amat menjolok mata. Jadi apa usaha kerajaan dalam melaksanakan pendekatan Islam Hadhari dalam bidang sukan dalam negara kita setakat ini.

**Tuan Sa. Vigneswaran:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Ahli Yang Berhormat. Kementerian tidak mempunyai dasar tidak bermakna kita tidak mengambil berat tentang pakaian yang dipakai oleh atlet wanita Islam. Kementerian sedang mengkaji pakaian-pakaian yang dipakai oleh atlet wanita Islam tetapi ada terdapat sukan yang tertentu yang memerlukan pakaian yang tertentu, oleh yang demikian sebelum kementerian mengeluarkan syarat maka kementerian sedang mengkaji dan akan membuat keputusan tidak lama lagi. Terima kasih.

**Puan Wan Ubaidah binti Omar:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, apakah pencapaian yang membanggakan negara yang telah dicapai oleh atlet wanita dalam tahun ini dan tahun lepas.

**Tuan Sa. Vigneswaran:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Ahli Yang Berhormat. Atlet-atlet wanita negara yang masih aktif dan menyinar di peringkat antarabangsa adalah seperti Nichol David – squashy, Shalin Zulkifli – *bowling*, Siow Yi Ting – renang, Leong Mun Yee – terjun, Wong Mew Choo – badminton, Durratun Nasihin Rosli – jimrama, Siti Zalina Ahmad – *lawn bowls*, Mon Redee Sut Txi – memanah, Nurul Huda Baharin – menembak, Elaine Teoh – taekwondo, Yuen Yu Fang – olahraga dan beberapa lagi nama yang telah mencipta nama di peringkat antarabangsa. Terima kasih.

**Dato' Dr. S. Vijayarantnam:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Adakah pihak kementerian membuat satu perhatian di atas pakaian olahragawan-olahragawan dari Algeria, Morocco, Tunisia, Mesir dan Indonesia di sukan Olimpik. Dan adakah ini selaras dengan keperluan agama Islam.

**Tuan Sa. Vigneswaran:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Ahli Yang Berhormat. Seperti yang telah dimaklumkan kepada Dewan yang mulia ini sebentar tadi, ada sukan-sukan tertentu yang memerlukan pakaian tertentu dan kita di negara ini sebuah negara Islam sepatutnya tidak menumpukan perhatian kepada negara-negara luar tetapi yang seperti yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat memang kementerian sedang mengkaji dan selepas pengkajian tersebut pakaian yang dipakai oleh atlet-atlet negara kita khususnya kaum wanita akan diberi tumpuan khas supaya dapat mengikut Islam Hadhari. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sudah dikatakan tadi bahawa bahagiannya negara kita di mana pakaian untuk atlet wanita pun jadi isu. Datuk Dr. Haji Mohd Fuad bin Haji Ahmad

**5. Datuk Dr. Haji Mohd Fuad bin Haji Ahmad** minta Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah menyatakan apakah strategi kementerian dalam memastikan projek-projek pembangunan tanah terbiar di luar bandar dapat menghasilkan kejayaan kepada masyarakat luar bandar terutama di kawasan-kawasan yang bersempadan dengan pembangunan industri baru seperti di negeri Kedah, Perak, Johor, Selangor dan Pahang.

**Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah [Datuk Dr. Tiki anak Lafe]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat. Dalam usaha kita mengusahakan tanah-tanah terbiar kita perlu lihat beberapa isu dan cabaran. Pertamanya adalah tanah yang di bawah bidang kuasa kerajaan Negeri. Jadi setakat ini kita tidak mempunyai data-data yang menunjukkan angka dan keluasan sebenar tanah terbiar khususnya di kawasan luar bandar.

Isu yang ketiga adalah di kampung-kampung, tanah-tanah yang dilihat terbiar didapati sukar diusahakan oleh sebab beberapa perkara termasuklah keadaan dengan izinnya dengan keadaan tanah yang tidak subur, kalau tidak menggunakan input seperti baja dan sebagainya. Keempat, tuan punya tanah enggan mengusahakan tanah mereka oleh kerana sebab-sebab tertentu seperti membahagikan kepada anak-anak

mereka dan juga ada di antaranya oleh kerana ada *overlapping claims*, dengan izin. Ada juga tuan punya tanah yang ingin memajukan tanah mereka tetapi mereka mempunyai masalah untuk mendapatkan modal.

Dan setakat ini modal-modal ataupun institusi-institusi kewangan sukar hendak memberi modal kepada tuan punya tanah yang mempunyai tanah yang tidak begitu luas melainkan daripada kerajaan. Pihak Kementerian Kemajuan Bandar dan Wilayah melalui program gerakan daya wawasan memang sentiasa memberi fokus kepada pembangunan tanah terbiar di kawasan luar bandar khususnya tanah-tanah pertanian.

Jadi pembangunan tanah-tanah terbiar adalah salah satu daripada program pertama yang dilaksanakan oleh kementerian dalam usaha meningkatkan taraf hidup masyarakat kawasan luar bandar namun sebahagian besar program pembangunan tanah terbiar setakat ini dilaksanakan oleh Felcra Berhad.

Di antara strategi yang diperkenalkan oleh kementerian setakat ini bagi memastikan semua projek itu berjaya ialah mendapatkan penyertaan seramai mungkin oleh pemilik-pemilik bagi menentukan keluasan tanah yang mencukupi.

Seterusnya menggalakkan pemilik-pemilik tanah dan juga anggota keluarga mereka menjadi pekerja-pekerja di ladang-ladang dan tanah terbiar yang dimajukan. Upah yang diperolehi akan meningkatkan lagi tahap sosioekonomi penduduk. Di samping itu mereka juga menerima pendapatan tambahan dalam bentuk bayaran dividen.

Seterusnya kementerian juga menyediakan kemudahan infrastruktur kepada projek-projek pembangunan tanah terbiar dan juga kementerian menggalakkan mekanisasi di ladang-ladang yang dibangunkan bagi meningkatkan kecekapan dan juga sekali gus mengurangkan kos operasi dan seterusnya mengurangkan penglibatan penduduk dalam pengurusan ladang melalui penubuhan syarikat usaha sama dengan FELCRA. Sekian.

**Datuk Haji Mohd. Fuad bin Haji Ahmad:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, setakat sekarang berapa peratus tanah-tanah terbiar yang telah dijayakan oleh pihak kementerian bagi faedah masyarakat luar bandar.

**Datuk Dr. Tiki anak Lafe:** Terima kasih Yang Berhormat. Seperti mana yang saya sebut sebentar tadi, kita tidak mempunyai data yang terkini dan khas bagi tanah-

tanah yang terbiar. Namun demikian FELCRA sehingga November 2003 seluas 234,050 hektar yang merangkumi 1,535 buah projek telah dimajukan dengan tanaman komoditi seperti kelapa sawit, getah, padi dan dusun. Jadi itulah jumlah setakat ini.

**6. Puan Hajah Samsiah binti Samsudin** minta Menteri Pengangkutan menyatakan sejauh manakah perkembangan kementerian dalam kajian semula Akta Pengangkutan Jalan serta cadangan peraturan baru bagi menghukum pesalah trafik yang kerap melakukan kesalahan.

**Timbalan Menteri Pengangkutan [Datuk Douglas Uggah Embas]:** Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kementerian memang ada mencadangkan beberapa pindaan di bawah Akta Pengangkutan 1987 bagi meningkatkan hukuman kepada pesalah yang kerap melakukan kesalahan trafik. Cadangan-cadangan tersebut telah dibentangkan kepada Jawatankuasa Kabinet Mengenai Keselamatan Jalan Raya pada 19 April 2005 dan Jawatankuasa telah mengarahkan kementerian menghalusi dan mengemas kini cadangan-cadangan tersebut.

**Puan Hajah Samsiah binti Samsudin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, sehingga tahun ini berapa peratuskah pesalah trafik yang sering mengulangi kesalahan dan apakah kesalahan trafik yang sering berulang.

**Datuk Douglas Uggah Embas:** Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, saya tidak ada angka mengenai jumlah pemandu-pemandu yang didapati mengulangi kesalahan-kesalahan trafik tetapi mengenai jenis-jenis kesalahan yang kerap kali dibuat oleh pemandu-pemandu kita ialah gagal mematuhi lampu trafik, itu yang pertama. Yang kedua cuai untuk mengawal kenderaan dan saya rasa yang pertama tadi adalah melebihi had laju.

**7. Puan Safinah binti Jusoh** minta Menteri Kewangan menyatakan apakah langkah-langkah keselamatan yang telah diambil oleh pihak kerajaan bagi memastikan masalah serangan virus terhadap chip kad kredit tidak merebak ke negara ini.

**Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Dr. Ng Yen Yen]:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih di atas soalan Yang Berhormat. Pihak kerajaan melalui Bank Negara Malaysia sentiasa mengambil langkah-langkah untuk memastikan keselamatan kad

kredit negara ini. Untuk makluman Yang Berhormat salah satu daripada langkah keselamatan adalah penggunaan cip berpiawaian *Europay, Mastercard and Visa (EMV)* dengan izin di dalam kad kredit. Sukacita dimaklumkan pada masa ini kesemua kad kredit di dalam negara ini telah pun ditukar kepada kad bercip berpiawaian EMV.

Program penukaran kepada kad kredit bercip daripada kad berjalur magnetik telah mula dilaksanakan semenjak awal tahun 2002 dan telah siap dilaksanakan pada akhir tahun 2004 manakala alat pembaca kad kredit akan siap ditukar sepenuhnya pada penghujung tahun 2005. Buat masa ini 95% daripada alat pembaca kad kredit telah ditukar kepada alat yang boleh menerima pakai kad kredit bercip.

Cip di dalam kad kredit mempunyai tahap keselamatan dan kekunci yang tinggi yang akan mengenal pasti dan menolak percubaan untuk mencerooh oleh virus. Ini akan memastikan maklumat di dalam cip tidak dikompromi dan seterusnya mengelakkan daripada sebarang penipuan dapat dilakukan.

Sepanjang kad kredit bercip diperkenalkan, penipuan kad kredit melalui pengklonan kad kredit yang bercip belum pernah dilaporkan. Walau bagaimanapun, Bank Negara Malaysia sentiasa memantau aktiviti penipuan kad kredit dan memerlukan institusi-institusi kewangan untuk membuat laporan menerusi sistem FIDS, dengan izin *fraud information database system* akan sebarang penipuan kad kredit. Buat masa ini tidak ada laporan yang dibuat oleh institusi-institusi kewangan berkenaan pencerobohan virus dalam kad kredit.

Tuan Yang di-Pertua, Malaysia merupakan negara yang pertama di Rantau Asia Pasifik yang melaksanakan penggunaan kad kredit bercip sepenuhnya dan di antara negara yang telah terdahulu dalam dunia sebagai contoh Perancis, UK dan Taiwan yang telah melaksanakan penggunaan kad kredit bercip. Dengan langkah proaktif kerajaan di negara ini secara keseluruhannya tahap keselamatan kad kredit di negara ini adalah terkawal dan pencerobohan virus atau penipuan melalui pengklonan telah dapat dibendung. Sekian.

**Puan Safinah binti Jusoh:** Terima kasih, di atas penjelasan Yang Berhormat Menteri, soalan tambahan saya, Tuan Yang di-Pertua ialah sejauh manakah permintaan penggunaan kad kredit cip daripada pengguna-pengguna? Terima kasih.

**Dato' Dr. Ng Yen Yen:** Terima kasih, pada masa sekarang kita sudah galakan semua institusi kewangan itu pasti guna cip ini. Jadi, sampai sekarang semua sudah guna cip ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih.

8. **Puan Wan Ubaidah binti Omar** minta Perdana Menteri menyatakan bilangan kakitangan awam peringkat JUSA yang diambil berkhidmat secara kontrak setelah mencapai umur pencen.

**Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Mohd Johari bin Baharum]:** Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, bilangan kakitangan awam peringkat JUSA yang diambil berkhidmat secara kontrak selepas mencapai umur pencen sehingga 30 Jun 2005, ialah seramai 99 orang. Pecahan adalah seperti berikut:

- (i) mengisi jawatan hakiki seramai 42 orang;
- (ii) jawatan yang tidak hakiki iaitu seramai 57 orang.

Semuanya jumlah 99 orang.

**Puan Wan Ubaidah binti Omar:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya ialah adakah kementerian akan meneruskan dasar ini dan adakah kementerian tidak merasakan pengambilan pegawai-pegawai yang telah berpencen ini akan menyekat peluang bagi pegawai-pegawai lain untuk naik pangkat serta menghadkan peluang pekerjaan terutamanya bagi siswazah kita yang sedang menganggur. Terima kasih.

**Dato' Mohd Johari bin Baharum:** Sebenarnya memang kerajaan sedar tentang perkara ini, tetapi walau bagaimana pun ada jawatan-jawatan tertentu yang kita perlu untuk disambung. Mereka ini, atas pengalaman mereka dan juga kadang-kadang mereka ini adalah pakar misalannya doktor, kadang-kadang ada juga daripada saintis dan sebagainya yang perlu kita sambung. Kalau doktor, misalannya pakar perubatan, kita tidak boleh mengganti pakar begitu sahaja ia memerlukan pengalaman dan sebagainya sebab itu mereka ini disambung. Untuk pengetahuan Yang Berhormat juga sebenarnya JUSA kita ada 746. Besar jawatan JUSA di peringkat Persekutuan. Jadi, hanya yang disambung ialah 99 orang. Saya rasa jumlah itu tidaklah banyak sangat.

Walau bagaimanapun, kerajaan sentiasalah mengambil berat tentang perkara ini dan kita akan memberi perhatian dari ke semasa ke semasa. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat sebut taklah banyak sangat.

**Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya. Agensi jabatan kerajaan manakah setakat ini yang banyak menggunakan perkhidmatan JUSA?

**Dato' Mohd Johari bin Baharum:** Yang Berhormat, saya tidak dapatlah hendak memberitahu berkenaan jabatan, tapi kebanyakan bukan semua jabatan terlibat terpulanglah kepada pegawai-pegawai mereka ini ditempatkan di mana. Jadi, ada yang dari Kementerian Kesihatan dan juga di tempat-tempat lainlah, jadi saya tidak dapat hendak bagi secara *detail* kepada Yang Berhormat.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih.

9. **Tuan Chua Kim Chuan** minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada sekolah jenis kebangsaan akan termasuk dalam program sekolah sepenuh masa

**Setiausaha Parlimen Menteri Pelajaran [Puan Komala Devi]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk maklumat Ahli Yang Berhormat program sekolah sepenuh masa yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat adalah kurang jelas kerana Kementerian Pelajaran Malaysia tidak pernah melaksanakan program sekolah sepenuh masa. Walau bagaimanapun, jika program sekolah sepenuh masa yang dimaksudkan ialah sekolah satu sesi, maka Kementerian Pelajaran pada dasarnya mempunyai sasaran untuk menjadikan semua sekolah iaitu termasuk sekolah jenis kebangsaan di seluruh negara beroperasi dalam satu sesi iaitu satu sidang sahaja.

Sehingga 2005, Kementerian Pelajaran telah berjaya menyediakan 87.7 peratus sekolah satu sesi pada peringkat rendah dan 62.6 peratus pada peringkat menengah. Untuk merealisasikan semua sekolah menjadikan sekolah satu sesi, Kementerian Pelajaran akan meningkatkan usaha menyediakan lebih banyak bilik darjah dan kemudahan pendidikan melalui pembinaan sekolah baru, bangunan tambahan dan gantian dalam Rancangan Malaysia Kesembilan. Terima kasih.



**Tuan Chua Kim Chuan:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya, bilangan SJKC yang bersekolah satu sesi dan bilangan SJKC yang bersekolah dua sesi. Terima kasih.

**Puan Komala Devi:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tersebut memerlukan perangkaan terperinci, saya memerlukan notis tetapi untuk makluman Dewan ini, saya ingin memaklumkan bahawa anggaran kasar tambahan perbelanjaan yang diperlukan untuk menjadikan semua sekolah rendah satu sesi adalah sebanyak 6.95 bilion bagi sekolah rendah dan 7.53 bilion bagi sekolah menengah.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih.

10. **Tuan Hii Tiong Kuoh** minta Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani menyatakan sejauh manakah bantuan yang diberi oleh pihak kerajaan kepada pekebun-pekebun kecil lada hitam dan buah-buahan di Sarawak, khususnya dari segi teknikal dan kewangan.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian [Datuk Hajah Rohani binti Abdul Karim]:** Tuan Yang di-Pertua, bantuan teknikal dan kewangan kepada pekebun-pekebun lada hitam iaitu dalam usaha membantu pekebun-pekebun kecil lada hitam di Sarawak, Kerajaan Persekutuan memperuntukkan sebanyak RM12.256 juta dalam Rancangan Malaysia Kelapan melalui Jabatan Pertanian Sarawak. Selain itu, Kerajaan Negeri juga memperuntukkan sebanyak RM19.665 juta.

Peruntukan ini adalah untuk bantuan penanaman baru lada hitam seluas 450 hektar dan penyelenggaraan ladang seluas 6,322 hektar. Di samping itu, Jabatan Pertanian Sarawak juga menjalankan aktiviti latihan dan pengembangan kepada pekebun-pekebun kecil lada hitam bagi meningkatkan kemahiran dalam aktiviti pengeluaran lada hitam. Antara program yang dirancang untuk dilaksanakan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan adalah seperti berikut:-

- (i) skim penanam lada hitam yang bertujuan untuk membantu pekebun kecil membesarkan kebun lada sedia ada dan menggantikan lada yang sudah tua dan tidak produktif;
- (ii) skim penyelenggaraan kebun lada yang bertujuan untuk memberikan insentif serta galakan kepada petani supaya terus mengusahakan kebun lada hitam sewaktu harga lada di pasaran dunia rendah;

- (iii) projek pemprosesan lada premium yang memberikan bantuan kepada pekebun dan usahawan yang mengeluarkan lada berkualiti tinggi seperti, dengan izin, '*creamy white pepper*', '*natural clean black*' dan lada berkualiti eksport;
- (iv) khidmat sokongan program lada yang memberikan perkhidmatan aktiviti pengembangan dan latihan petani termasuk menganjurkan latihan dan kursus in-C2 dan lawatan sambil belajar par petani dan menubuhkan tempat pemeliharaan semaian bahan tanaman bagi *variety* lada di Jabatan Pertanian.

Bagi bantuan teknikal dan kewangan untuk pekebun kecil buah-buahan. Penanaman buah-buahan merupakan satu tradisi di kalangan petani di Sarawak. Jumlah keluasan tanaman pelbagai buah-buahan di Sarawak adalah 34,400 hektar. Program pembangunan buah-buahan yang dilaksanakan di Sarawak memfokuskan kepada pembangunan industri secara komersial iaitu memberi tumpuan kepada buah terpilih seperti limau, durian, rambutan, langsung, cempedak, nanas, belimbing dan dua buah tempatan iaitu buah dabai dan buah isau.

Dalam Rancangan Malaysia Kelapan, Kerajaan Persekutuan memperuntukkan sejumlah RM3.55 juta untuk pembangunan buah-buahan di Sarawak dan melalui Jabatan Pertanian pula, RM17.9 juta. Dalam Rancangan Malaysia Kesembilan, program pembangunan industri buah-buahan dicadangkan adalah dilaksanakan melalui empat komponen:

- (i) projek penanaman buah-buahan komersial yang bertujuan untuk menggalak dan membantu penanam buah-buahan tropika secara komersial;
- (ii) projek penyelenggaraan dusun bertujuan untuk membaik pulih dusun yang masih .....

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak mahukah Yang Berhormat memberi peluang untuk pertanyaan tambahan?

**Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim:** Hendak memberitahu yang empat fokus itu Tuan Yang di-Pertua.

(iii) mengadakan pusat pengumpulan buah-buahan; dan

(iv) memberi khidmat sokongan industri buah-buahan.

Terima kasih.

**Datuk Haji Karim Ghani:** [*Bangun*]

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Tuan Hii.

**Tuan Hii Tiong Kuoh:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Lepas itu Datuk Karim.

**Tuan Hii Tiong Kuoh:** [*Masih berdiri*]

**Tuan Yang di-Pertua:** Tuan Hii dahulu, kemudian Datuk Karim.

**Tuan Hii Tiong Kuoh:** Soalan tambahan saya, memandangkan harga lada hitam turun naik dengan mendadak, bagaimana kementerian boleh memastikan pekebun kecil lada hitam boleh mendapat pendapatan yang stabil?

**Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim:** Terima kasih Yang Berhormat. Satu, komoditi ini adalah ditentukan harganya dengan pasaran antarabangsa. Jadi, memanglah ada beberapa langkah yang diambil untuk memastikan bahawa harga lada kita tidaklah turun begitu mendadak. Sebab itulah tadi saya memberitahu bahawa kita mengadakan *niche* kita, iaitu dua jenis lada, satu *creamy white pepper*.

Keduanya, *clear black pepper*, ini adalah *niche*, di mana ini adalah satu yang kita mempromosikan bahawa ini adalah lada yang begitu tulen dan insya-Allah setakat ini harganya tidaklah terlalu jatuh akibat tekanan pasaran antarabangsa.

Untuk makluman Yang Berhormat juga bahawa sebenarnya komoditi lada hitam dan lada putih ini adalah di bawah Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi, dan mereka ada satu jawatankuasa untuk memastikan bahawa harga lada ini insya-Allah akan dapat kita tetapkan di satu tahap yang masih menguntungkan kepada pengeluar lada-lada di Malaysia. Terima kasih.

**Datuk Haji Karim Ghani:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kerana kementerian memberikan bantuan kepada peladang-peladang untuk mengeluarkan hasil mereka. Tetapi sebagaimana

yang kita lihat, kerajaan telah memberi bantuan kepada peladang umpamanya untuk mengeluarkan durian.

Durian memerlukan masa tujuh tahun untuk berbuah. Dalam tujuh tahun kita berusaha dan memelihara, membaja dan sebagainya, tetapi apabila berbuah atas bantuan dan galakan kerajaan, sekarang orang yang menanam durian adalah lebih miskin daripada sebelum dia menanam dahulu. Ini kerana kemungkinan aktiviti *downstream* dan mencarikan pasaran tidak kita tumpukan seperti memberi bantuan untuk pengeluaran. Apakah usaha kerajaan supaya memastikan *downstream activities* itu kita perhebatkan, mencari pasaran diperhebatkan lebih daripada yang ada sekarang. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya akan minta Yang Berhormat Datuk Karim untuk bantu saya di kerusi ini sebentar nanti. Saya jangka kalau beliau duduk sini pun, beliau tidak akan membenarkan pertanyaan itu. Terpujanglah kepada Yang Berhormat.

**Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tetapi satu yang saya hendak *affirmkan* di sini, bahawa “terima kasih” itulah yang menjadi kerisauan kementerian dan inilah juga yang kita dapati bahawa begitu baiknya kita telah menyatakan perkembangan dan latihan sehingga melambak-lambaknya buah ini ada dalam pasaran. Tetapi pada masa yang sama, memang kita ada beberapa langkah untuk mengadakan *downstream activities*. Seperti yang saya selalu terangkan selain daripada segala-galanya keluar di suatu masa serentak, FAMA iaitu suatu agensi di bawah kita sebagai *buyer of last resort*, kita telah membeli segala buah-buah durian yang berlebih-lebihan dan sekarang ini kita telah mengadakan suatu pemprosesan supaya buah-buah ini kita keluarkan menjadi sebagai *puree*, sebagai sos, sebagai tepung dan bermacam-macam lagi sebenarnya untuk kegunaan industri seperti industri membuat kek, industri membuat ais krim, makanan, pemprosesan dan sebagainya.

Tetapi yang melambak-lambak itu Yang Berhormat adalah yang di antaranya buah yang dinamakan buah kampung, di mana kita dapati susah sedikit kita untuk meng*separatekan* di antara buah dengan isi sebab isi dia yang nipis, tetapi itulah sekarang ini yang terjadi dengan banyaknya, tetapi buah yang klon, dinamakan buah klon harganya masih di dalam RM2 atau RM3 sekilogram. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Pertanyaan asal dikemukakan untuk memberi fokus kepada soal lada dan buah-buahan di Sarawak. Saya cuma tidak mahu dianya diperluaskan kepada soal-soal pemasaran dan sebagainya. Terima kasih.

**11. Puan Hajah Che Jam binti Harun** minta Menteri Pelajaran menyatakan bagaimanakah nasib beratus-ratus Pembantu Prasekolah di seluruh negara yang diberhentikan kerja walaupun telah berkhidmat selama 16 tahun dan apakah tindakan yang telah dan akan diambil oleh kementerian untuk membantu mereka ini.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Pelajaran [Puan Komala Devi]:** Tuan Yang di-Pertua, Jabatan Perkhidmatan Awam telah memutuskan bahawa lantikan ke jawatan Pembantu Pengurusan Murid atau PPM hendaklah berdasarkan skim perkhidmatan yang berkuat kuasa sekarang.

Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran sebagai pihak berkuasa melantik jawatan tetap Pembantu Pengurusan Murid telah memutuskan akan memberi pertimbangan khas kepada semua Pembantu PraSekolah Sambilan dilantik ke jawatan tetap sebagai Pembantu Pengurusan Murid yang memenuhi syarat-syarat berikut:

- (i) memiliki SPM dan lulus Bahasa Malaysia;
- (ii) mengemukakan borang permohonan yang lengkap sebelum tarikh tutup iklan jawatan tersebut yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran pada 9 November 2004; dan
- (iii) telah dilantik secara sambilan atau kontrak pada atau sebelum 31 Disember 2003.

Bagi calon-calon yang dilantik sebelum 1 Januari 2004 dan tidak memenuhi syarat-syarat di atas, mereka akan dikekalkan sebagai penyandang sambilan sehingga memenuhi syarat-syarat di atas atau bersara atau meninggalkan perkhidmatan. Bagi penyandang yang dilantik pada 1 Januari 2004, calon-calon ini tertakluk kepada syarat-syarat skim baru Pembantu Pengurusan Murid yang berkuat kuasa mulai 1 Januari 2004. Terima kasih.

**Puan Hajah Che Jam binti Harun:** Terima kasih di atas jawapan. Soalan tambahan saya memang ramai yang telah diberhentikan walaupun telah ada syarat-syarat yang berkenaan dan ramai di antara graduan yang telah dilantik untuk memegang jawatan ini, tetapi kebanyakannya telah meletakkan jawatan secara serta-

merta kerana menyedari pendapatan yang tidak lumayan dan mereka juga tidak terlatih, bukan senang melatih atau berkhidmat sebagai guru TASKA. Terima kasih.

**Puan Komala Devi:** Tuan Yang di-Pertua, kami dapati bahawa seramai 2,349 orang buat masa ini telah mengemukakan borang permohonan yang lengkap, dan dari jumlah 2,349 calon tersebut hanya seramai 417 calon yang tidak mempunyai SPM dan Kementerian Pelajaran telah memohon supaya pengecualian khas diberikan kepada 417 orang ini dan JPA pun telah bersetuju untuk memberi pengecualian khas. Tapi kami cuba memberi sedikit masa untuk mereka ini lulus peperiksaan SPM dan untuk calon-calon yang telah lulus ataupun gagal di dalam peperiksaan SPM dan juga gagal dalam temu duga mereka dikekalkan sebagai penyandang sambilan.

Bagi mereka yang telah membuat keputusan sendiri untuk meninggalkan perkhidmatan ini, itu saya rasa adalah keputusan peribadi. Mereka pun telah mengetahui tentang apakah skim gaji untuk PMM ataupun Pembantu Pengurusan Murid dan kami tidak menghadkan calon-calon ini untuk memasuki skim perkhidmatan lain sebagai guru dan sebagainya, ia tertakluk kepada memenuhi syarat-syarat tertentu. Terima kasih.

12. **Puan Ooi Siew Kim** minta Menteri Keselamatan Dalam Negeri menyatakan terdapat berapa ramaikah pegawai polis berpangkat inspektor ke atas adalah terdiri daripada kaum bukan Melayu. Adakah mereka ini layak diberi peluang untuk menjawat pangkat seperti CP, DCP dan SAC 1.

**Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri [Tuan Chia Kwang Chye]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, keseluruhannya perjawatan PDRM sehingga 30 Jun 2005 adalah sebanyak 101,176 jawatan. Daripada jumlah ini sebanyak 7,988 jawatan adalah terdiri daripada pegawai kanan yang berpangkat dari Inspektor hingga Ketua Polis Negara. Pecahan jumlah pengisian jawatan pegawai-pegawai ini mengikut kaum pula adalah sebanyak 5,832 orang ataupun 73% terdiri daripada pegawai berketurunan Melayu, manakala jumlah selebihnya sebanyak 2,156 orang ataupun 27% diisi oleh pegawai berketurunan bukan Melayu.

Tuan Yang di-Pertua, dari segi kenaikan pangkat pula, kerajaan tidak menetapkan sebarang kuota bagi sesuatu bangsa ke atas pangkat-pangkat yang sedia

ada di PDRM. Proses kenaikan pangkat adalah tertakluk kepada syarat-syarat kenaikan pangkat seperti penilaian prestasi kerja, kelulusan akademik dan kekosongan.

Oleh itu semua bangsa diberi peluang yang sama rata untuk menjawat jawatan-jawatan tertinggi dalam PDRM seperti *Commissioner of Police, Deputy Commissioner of Police (DCP), Senior Assistant Commissioner 1 (SAC 1)*. Jawatan-jawatan tersebut pernah dan sedang disandang oleh pegawai bukan keturunan Melayu seperti Ketua Polis Pulau Pinang dan Komandan Maktab PDRM Kuala Lumpur. Sekian, terima kasih.

**Puan Ooi Siew Kim:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, adakah bilangan pegawai polis yang tersebut mencukupi atau berkurangan di seluruh negara buat masa sekarang? Terima kasih.

**Tuan Chia Kwang Chye:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pada dasarnya perjawatan di peringkat tinggi dan keseluruhannya adalah mencukupi. Walaupun nisbah antarabangsa bagi penduduk dengan polis ialah 250 orang tetapi di negara kita nisbahnya ialah lebih kurang seorang pegawai polis bagi 275 orang penduduk. Kalau mengikut nisbah ini mungkin perjawatan tidak mencukupi. Pada keseluruhannya bolehlah dikatakan mencukupi setakat ini.

**13. Puan Siw Chun a/p Eam** minta Menteri Pengajian Tinggi menyatakan:-

- (a) berapakah bilangan Institusi-institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) yang tidak diiktiraf oleh Kerajaan tetapi masih beroperasi dalam negara kita mengikut negeri setakat Mac 2005; dan
- (b) berapakah bilangan yang telah dikesan dan apakah tindakan-tindakan yang dikenakan terhadap institusi-institusi itu.

**Timbalan Menteri Pengajian Tinggi [Dato' Fu Ah Kiow]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk maklumat Ahli Yang Berhormat bahawa setiap IPTS yang hendak beroperasi adalah dikehendaki berdaftar dengan Kementerian Pengajian Tinggi mengikut Akta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta 1996 Akta 555 Seksyen 24(1). Susulan daripada ini terdapat 559 buah institusi pendidikan tinggi swasta yang berdaftar dengan kerajaan di mana 26 buah adalah bertaraf universiti, manakala 533 buah bukan bertaraf universiti. Oleh itu setakat ini tidak ada IPTS yang masih beroperasi tanpa kelulusan penubuhan.

Untuk bahagian (b), sejak tahun 2002 hingga Mei 2005 terdapat 46 buah IPTS yang didapati beroperasi tanpa kelulusan penubuhannya. Tindakan yang telah diambil terhadap IPTS ini adalah seperti berikut.

- (i) mengarahkan IPTS berkenaan menghentikan operasi dengan serta-merta; dan
- (ii) memindahkan pelajar terbabit ke IPTS lain yang ada kelulusan penubuhan dan pengendalian kursus yang sama;

Setakat ini tindakan yang telah diambil itu didapati berkesan kerana kesemua IPTS yang terbabit itu akur dengan arahan kementerian. Sekiranya mereka ingkar, mereka boleh diambil tindakan undang-undang di mana jika sabit kesalahan boleh didenda tidak melebihi RM200,000 atau dipenjarakan selama tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya sekali. Justeru itu sijil diploma atau ijazah yang dikeluarkan oleh IPTS tidak sah, sudah pasti tidak diiktiraf oleh kerajaan kerana kaedah pengajian dan kualitinya boleh dipersoalkan.

Tindakan ini diambil adalah semata-mata untuk memastikan IPTS yang beroperasi itu mempunyai jaminan kualiti dan meyakinkan orang ramai dan dengan demikian akan dapat menarik lebih ramai pelajar untuk belajar di IPTS dan seterusnya dapat membantu IPTS beroperasi secara berterusan. Sekian, terima kasih.

**Puan Siw Chun a/p Eam:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, adakah pihak kementerian menubuhkan satu unit khas bagi memantau IPTS-IPTS dalam negara kita dari semasa ke semasa? Terima kasih.

**Tuan Chia Kwang Chye:** Tuan Yang di-Pertua, memang wujud satu bahagian iaitu Bahagian Penguatkuasaan di bawah Kementerian Pengajian Tinggi yang sentiasa memantau aktiviti IPTS di negara ini. Penguatkuasaan itu termasuklah misalnya memastikan mereka mengendalikan kursus-kursus yang telah diluluskan oleh kementerian dan juga tentang ketetapan iklan yang diambil oleh IPTS. Kalau mereka mengadakan iklan-iklan yang mempunyai maklumat yang tidak tepat dan mengadakan iklan yang mempunyai unsur-unsur seperti *misrepresentation* dengan izin, maka tindakan penguatkuasaan akan diambil terhadap mereka.



14. **Datuk Agnes Shim Tshin Nyuk** minta Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menyatakan berapakah peratusan mereka yang ditinggalkan suami, balu dan ibu tunggal yang kini berpendapatan rendah di Sabah dan apakah usaha kementerian untuk membantu mereka berdikari terutama di dalam bidang perniagaan dan industri kecil dan sederhana untuk membolehkan mereka membina kehidupan yang lebih bermakna dan sejahtera.

**Timbalan Menteri [Datuk G. Palanivel]:** Kajian yang dijalankan oleh Jabatan Perangkaan Negara pada tahun 2000, jumlah ibu tunggal yang terdapat di Sabah adalah seramai 7,126 orang. Pendaftaran ibu tunggal turut dijalankan oleh kementerian melalui Jabatan Hal Ehwal Wanita Sabah dan seramai 4,000 orang ibu tunggal telah didaftarkan sehingga 31 Disember tahun 2004. Daripada jumlah 4,000 orang tersebut 80% daripada mereka adalah golongan yang berpendapatan rendah.

Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, pelbagai langkah telah dijalankan oleh kementerian untuk meningkatkan keupayaan wanita termasuk ibu tunggal dalam pelbagai bidang melalui pelaksanaan program-program latihan pembangunan wanita dan keluarga. Program-program ini merangkumi latihan peningkatan kemahiran untuk wanita dalam pelbagai bidang termasuk undang-undang, teknologi maklumat dan komunikasi, jahitan dan kraf tangan. Ilmu-ilmu kemahiran yang telah dibekalkan kepada golongan ini secara tidak langsung dapat membantu mereka berdikari terutama dalam pelbagai bidang termasuklah bidang perniagaan dan juga industri kecil dan sederhana bagi membolehkan mereka membina kehidupan yang lebih bermakna dan sejahtera.

Tuan Yang di-Pertua, di samping itu juga kementerian ini sedang merancang untuk melaksanakan dua program latihan kepada golongan wanita. Program-program tersebut adalah Inkubator Kemahiran Ibu Tunggal (I-KIT) dan Inisiatif Kemahiran Untuk Wanita Dalam Bidang Jahitan (I-KEW). Program I-KIT dicadangkan untuk memberikan latihan kemahiran khusus kepada ibu tunggal dalam lima bidang kemahiran yang telah dikenal pasti iaitu kursus pembuatan pakaian wanita, kursus kraf tangan, kursus pelancongan, kursus terapi kecantikan dan kursus asuhan kanak-kanak.

Program I-Kid akan membantu ibu tunggal menyediakan diri dengan kemahiran tertentu bagi memenuhi pasaran pekerjaan. Manakala program IQ adalah bertujuan untuk memberikan latihan kemahiran dalam bidang pembuatan pakaian dan langsung kepada golongan wanita. Setelah menjalani latihan kemahiran ini peserta dapat menggunakan kemahiran yang diperolehi untuk menjahit pakaian atau langsung bagi

keperluan diri sendiri dan keluarga atau mengambil upah yang boleh menghasilkan sumber pendapatan.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada ini Jabatan Kebajikan Masyarakat juga membantu sehingga Jun tahun ini 6,911 orang wanita mendapat bantuan kewangan di bawah skim bantuan am berjumlah RM3,025,587. Sekian, terima kasih.

**Datuk Agnes Shim Tshin Nyuk:** Soalan tambahan saya, Tuan Yang di-Pertua. Selama ini berapakah peratusan mereka yang berjaya dalam bidang perniagaan?

**Dato' G. Palanivel:** Tuan Yang di-Pertua, ini adalah satu soalan yang sangat luas, saya tidak ada angka-angka di sini.

**Puan Siw Chun a/p Eam:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, adakah pihak kementerian bercadang supaya menubuhkan konsortium khas disertai oleh kaum-kaum ibu tunggal mengikut kawasan-kawasan Parlimen dalam negara ini termasuk juga di Sabah dan Sarawak supaya mengajar mereka kemahiran-kemahiran tertentu mengikut keperluan semasa, di mana ia akan lebih berkesan lagi. Terima kasih.

**Dato' G. Palanivel:** Tuan Yang di-Pertua, sehingga ini kementerian tidak ada cadangan seperti itu tetapi kita akan kaji cadangan Yang Berhormat.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya rasa bertuah kerana dapat dipaparkan isu negara ini di depan generasi muda yang berada bersama kita bahawa negara mereka *address even issues of* ibu tunggal, yang banyak negara tidak *address* secara pemerintah. Jadi, masa cukup.

***[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan telah cukup]***

**RANG UNDANG-UNDANG****RANG UNDANG-UNDANG SYARIKAT KAPAL LAYAR ANTARABANGSA  
LANGKAWI 2005****Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah “Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.” [20 Julai 2004]

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan, Dato’ Dr. Chin Fook Weng.

**11.12 pagi.**

**Dato’ Dr. Chin Fook Weng:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. memandangkan rang undang-undang ini begitu panjang, maka semalam tiga jam pun tidak cukup saya membahaskannya dan saya mungkin perlukan satu jam lagi untuk memberi komen saya. Tetapi saya pun sedar, Tuan Yang di-Pertua, bahawa ada beberapa rakan yang sedang menunggu untuk memberi pendapat mereka dan saya cuba memberi ruang kepada mereka.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, ada satu karya yang bernama “*Wider than the Sky*”. Ini adalah karya mengenai *consciousness* oleh ahli neurofisiologi yang terkemuka – “*Wider than the Sky*”. Maksudnya otak manusia itu lebih luas daripada langit. Tidak hairanlah idea dalam kepala Yang Berhormat tidak cukup kalau bercakap tiga jam. [Ketawa]

**Dato’ Dr. Chin Fook Weng:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, tetapi saya anggap itu sebagai satu kewajipan dan tugas. Bila saya menerima pemilihan sebagai Ahli Dewan Negara maka saya pun bersedia, saya pun cuba mendapat pengalaman supaya apabila saya datang ke sini, saya dapat memberi sumbangan membantu dari segi perundangan negara. Bagi saya, ini amatlah penting.

Oleh kerana itu, maka kita kena meneliti sebarang cadangan yang dikemukakan kepada kita supaya kita dapat melaksanakan satu perundangan yang cukup bijaksana dan juga memberi kita kesan yang baik supaya dapat membantu kerajaan kita dalam usahanya untuk menjadi satu negara maju menjelang tahun 2020. Semua kita yang

berada di sini bersama-sama akan berkongsi pengalaman supaya kita dapat mencapai wawasan itu.

**Tuan Pengerusi:** Bukan maju infrastruktur sahaja tetapi maju mentaliti.

**Dato' Dr. Chin Fook Weng:** Kita juga perlukan satu pemindahan minda, Tuan Yang di-Pertua, kalau kita hendak sampai ....

**Tuan Pengerusi:** Pernah pemimpin kita katakan jangan kita ada hanya *first world infrastructure* tetapi *third world mentality*.

**Dato' Dr. Chin Fook Weng:** Ya. Dari segi infrastruktur, Tuan Yang di-Pertua, saya sudah setuju bahawa kemudahan prasarana kita begitu canggih dan sebagainya tetapi sama ada kita benar-benar sudah sampai satu tahap di mana kita menghargai perkhidmatan-perkhidmatan dan juga peralatan-peralatan itu ataupun kita masih tidak tahu bagaimana menggunakannya.

Sebagai contoh, Tuan Yang di-Pertua, kita lihat dalam masyarakat kita sekarang bahawa kebersihan tandas masih menjadi satu masalah.

**Tuan Pengerusi:** Masih *third world*.

**Dato' Dr. Chin Fook Weng:** Masih *third world* dan mungkin *fourth world*, Tuan Yang di-Pertua. Itu lebih ke belakang lagi.

**Tuan Pengerusi:** Jadi, kita keluar daripada *highway first world*, masuk tandas, masuk *third world* balik.

**Dato' Dr. Chin Fook Weng:** Itu satu masalah yang dihadapi oleh negara, bagaimana kita dapat mendidik rakyat kita. Usaha kerajaan, Tuan Yang di-Pertua, saya nampak tidak boleh disalahkan di sini kerana kita satu negara yang memperuntukkan dari Budget kita satu amaun yang besar sekali, mungkin di dunia untuk tujuan pendidikan. Tetapi dari segi sama ada maklumat ini sampai ke tahap yang telah diharapkan itu masih diragui.

Oleh kerana itu, kita dapati bahawa kemudahan-kemudahan itu tidak dihargai. Kalau kita ke Eropah, ke Britain dan sebagainya, kita nampak bunga yang begitu cantik, yang ditanam itu tidak diganggu oleh sesiapa tetapi di sini telah dicuri, hilang dan kemudahan-kemudahan awam itu dirosakkan dan sebagainya. Inilah satu masalah kita dan kita bersama-sama berkongsi pengalaman bagaimana kita dapat mengatasinya.

**Dato' Dr. S. Vijayarajam:** Minta laluan, Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Dr. Chin Fook Weng:** Sila.

**Dato' Dr. S. Vijayarajam:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Dato' Dr. Chin. Saya amat tertarik kepada perbincangan sahabat saya di atas sikap dan minda orang tempatan khususnya macam contoh yang diberi, bunga pun dicuri dan vandalisme, memusnahkan telefon awam, papan tanda dan sebagainya. tetapi macam mana negara jiran kita iaitu Singapura boleh menguatkuasakan dan memastikan bahawa vandalisme dan sebagainya tidak berlaku. Apa caranya, apa pandangan Dato' Dr. Chin.

**Dato' Dr. Chin Fook Weng:** Tuan Yang di-Pertua, bagi saya itu tidak benar, itu tidak berlaku, mereka juga menghadapi masalah sedemikian. Bukan semua itu begitu beres, begitu baik sehingga tidak ada wujudnya masalah semacam ini, masih ada. Tetapi mungkin bilangan mereka yang melakukan perkara yang kurang sopan dan kurang memikirkan masyarakat itu, mungkin itu adalah satu bilangan yang lebih kecil kalau dibandingkan dengan Malaysia.

Ini adalah satu perkara yang kita harus mengawasi. Tuan Yang di-Pertua, kita tidak payah jauh, kita dalam Dewan ini sebagai contoh dan mungkin ini melibatkan Ahli-ahli Parlimen dan juga pegawai-pegawai tertinggi yang datang ke sini. Kita mengunjungi tandas lelaki di sebelah kanan saya, kalau kita buka tingkap itu, kita lihat rokok semua di luar. Siapa yang melakukan perkara ini?

Tuan Yang di-Pertua, itu di keliling kita, di kawasan kita. Parlimen begitu cantik, tengok peralatan yang ada, hiasan yang ada dan sebagainya semuanya begitu canggih, begitu baik. Tetapi dari segi menggunakan kemudahan itu. Mungkin di sini juga kita masih mempunyai *third world mentality*, Tuan Yang di-Pertua.

Bagi pihak yang atasan sekali, adakah kita sedar itu berlaku? Kalau kita tidak mengajar sendiri, bagaimana kita boleh mengajar rakyat kita yang mungkin tidak sedar tentang mustahaknya tidak merosakkan harta benda awam, tidak mengotorkan tempat-tempat awam dan sebagainya. Itu adalah satu...

**Tuan Yang di-Pertua:** Mari kita juruskan kepada soal putung-putung rokok yang terlempar di situ, di mana masalahnya, bagaimana boleh menyelesaikannya? Saya harap Yang Berhormat tidak mencadangkan supaya orang lain yang bersihkan. Bagaimana kita menghindari daripada ianya berlaku?

**Dato' Dr. Chin Fook Weng:** Saya mungkin mahu mencadangkan...

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya dengar bisikan jangan merokok tadi.

**Dato' Dr. Chin Fook Weng:** Ya, jangan merokok itu sudah kata 'tak nak, tak nak, tak nak' pun tak berjaya. 'Tak nak' masih 'nak'. Saya tak tahulah adik-adik di sana [*Sambil memerhati ke arah murid-murid sekolah di ruang tetamu*] sama ada 'nak' atau 'tak nak'. Saya harap 'tak nak'lah, ya kerana itu adalah satu kempen yang begitu penting. Tetapi di Dewan ini pun 'tak nak' 'masih nak', itu yang 'nak' pun....

**Tuan Yang di-Pertua:** Katalah sudah 'nak' bagaimana kita hendak menghindari keadaan itu berlaku?

**Dato' Dr. Chin Fook Weng:** Dari segi tindakan yang diambil oleh kerajaan seperti menaikkan cukai dan sebagainya dan mencatatkan dalam kotak itu bahawa 'Merokok membahayakan kesihatan', itu semua telah menentukan kita sudah menyedari pihak-pihak tertentu, tetapi dari segi sama ada masih membenarkan atau tidak ini adalah satu keputusan, dan saya berharap satu hari ini nanti Ahli-ahli Dewan ini akan membuat keputusan semua 'tak nak' dalam Dewan ini.

Kalau di Parlimen semua 'tak nak' maka masalah yang saya sebutkan tadi itu tidak timbul lagi Tuan Yang di-Pertua. Kalau kita memasang kamera dan sebagainya saya kata kemungkinan besar yang ditangkap itu ialah Ahli Parlimen, [*Ketawa*] dan pegawai-pegawai tinggi kerajaan yang datang ke sini. Itu saya yakin akan berlaku. Jadi, dari segi perundangan kita dapati ini adalah satu aspek yang baru. Oleh kerana itu, kita harus memberi tumpuan yang sepenuhnya kepada perkara ini supaya pada akhirnya kementerian dapat melaksanakan satu set perundangan yang cukup baik dan akan memberi negara kita kesan yang baik dan akan menarik lebih banyak syarikat supaya berdaftar di Langkawi, dan kemudian itu akan membawa banyak faedah kepada penduduk kita bukan sahaja dari Langkawi, tetapi mungkin di tempat-tempat lain di Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, saya balik ke peranan dan kuasa pendaftar. Itu ada disebut di bawah Seksyen 61, di mana kuasa pendaftar ialah supaya menghalang orang daripada menguruskan Syarikat Langkawi kalau beliau berpendapat bahawa pihak itu sudah bersabit kesalahan, telah melakukan *fraud* atau kecurian atau telah menjadi bankrap atau tidak *solvent*, itu adalah tiga sebab yang diberi di bawah Seksyen 61 di

mana kuasa pendaftar boleh diguna untuk melarang sebarang orang untuk menguruskan Syarikat Langkawi.

Tuan Yang di-Pertua, dalam perkara ini kita harus sedar bahawa mereka yang terlibat itu mungkin bukan rakyat kita. Kalau rakyat kita mungkin kita boleh tahu dari pemegang amanah itu atau Pejabat Pemegang Amanah sama ada orang itu muflis atau tidak atau menghadapi masalah. Tetapi kalau orang ini adalah luar daripada Malaysia, bagaimana kita dapat menentukan taraf dan status seseorang itu sama ada dia layak atau tidak layak. Adakah kita hanya mengharapkan maklumat-maklumat semacam ini sampai kepada pengetahuan kita ataupun kita ada satu proses untuk memeriksa sama ada seseorang itu layak atau tidak layak.

Oleh kerana itu, saya ingin mencadangkan dalam borang permohonan seseorang itu untuk menguruskan mungkin kita adakan satu deklarasikan yang mengatakan dengan terus terang bahawa pihak itu tidak terlibat dalam ketiga-tiga perkara yang disebutkan di sini, dan mungkin borang itu juga kena ditandatangani di hadapan seorang Pesuruhjaya Sumpah di negara kita ataupun mereka kena membuat satu *affidavit* di mahkamah untuk menjelaskan perkara ini. Kalau tidak, kalau kita hanya mengharapkan bahawa kita cari maklumat itu maka bagi saya, ini satu tugas yang sukar dilakukan oleh pendaftar dan mungkin ada kes-kes yang mana tertinggal, terkeluar daripada pengetahuan pendaftar ini dan bahagian 61 ini tidak dapat dikuatkuasakan dengan kebijaksanaan, Tuan Yang di-Pertua.

Berkaitan dengan tugas pendaftar juga, Tuan Yang di-Pertua, di bawah Seksyen 58(3) yang menyatakan kalau sesuatu syarikat itu tiada pengarah yang masih kekal kerana di sini, rang undang-undang ini hanya memerlukan seorang pengarah untuk syarikat seorang sahaja. Kalau orang ini meletak jawatan maka tiada lagilah siapa pengarah dalam syarikat ini.

Dalam situasi sedemikian ada diperuntukkan bahawa pendaftar boleh atas permohonan oleh seorang anggota syarikat itu melantik pengarah iaitu di bawah Seksyen 58(3) di mana apabila tiada pengarah kerana bilangan minimum pengarah ialah seorang sahaja. Jadi kalau orang itu letak jawatan, maka ada kekosongan dan kekosongan akan diisikan oleh pendaftar. Pendaftar akan berbuat demikian atas permohonan oleh seorang anggota syarikat itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya bagaimana pendaftar itu membuat keputusan? Kalau ada ramai anggota dalam syarikat ini dan seorang daripada mereka ini membuat permohonan, adakah pengarah akan memberi layanan kepada pihak ini ataupun syarikat itu kena maklumkan kepada pendaftar bahawa sudah ada kekosongan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, mohon izin mengganggu. Ahli-ahli Yang Berhormat, mengikut Peraturan Mesyuarat 6(3) dengan ini saya ingin menjemput Yang Berhormat Datuk Haji Karim Ghani mempengerusikan Majlis Mesyuarat Dewan Negara selanjutnya, terima kasih.

[Datuk Haji Karim Ghani *mempengerusikan Mesyuarat*]

**Datuk Haji Karim Ghani:** Teruskan Yang Berhormat.

**Dato' Dr. Chin Fook Weng:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tadi saya telah membincangkan perkara kekosongan dalam lembaga syarikat itu sekiranya tidak ada pengarah lagi. Oleh kerana rang undang-undang yang dicadangkan ini hanya memerlukan seorang pengarah, maka atas apa sebablah sama ada letak jawatan, meninggal atau sebab-sebab lain, maka ada kekosongan dan kemudian bagaimana ia akan diisi. Ada diperuntukkan bahawa penasihat atas permohonan oleh seorang anggota syarikat itu. Calon yang akan dipilih untuk pendaftar, untuk mengisi jawatan pengarah itu, bagaimana calon itu ditentukan?

Apakah kriteria yang akan diguna sebagai garis panduan kepada pendaftar? Kerana saya lihat di bawah Seksyen 58 itu tidak ada disebutkan bagaimana beliau itu dapat membuat keputusan, apakah garis panduan yang diberikan kepada beliau dan kalau beliau membuat satu pelantikan di atas budi bicara sendiri, mungkin itu akan menimbulkan masalah di kalangan anggota syarikat itu. Ini mungkin satu yang boleh berlaku kalau pendaftar menggunakan budi bicara sendiri tanpa apa-apa garis panduan yang jelas yang boleh membantu ahli syarikat atau anggota syarikat dalam pengisian jawatan kosong ini.

Bolehkah kita diberi tahu dari segi pemikiran kementerian ini, bagaimana isu ini boleh diselesaikan demi kepentingan negara kita dan juga demi kebaikan syarikat berkenaan supaya *businessnya* dapat diteruskan supaya orang yang bijaksana itu dipilih sebagai pengarah dan sama ada ini juga akan tertakluk kepada amaun pegangan syer yang ada dalam syarikat itu oleh mana-mana pihak. Biasanya dalam keadaan lain,



maka mereka yang memegang syer majoriti itu akan membuat cadangan dan juga ada pemegang syer minoriti yang boleh buat cadangan, tetapi perkara ini diselesaikan di atas satu pengundian dalam mesyuarat syarikat itu. Tetapi apa yang diperuntukkan ini ialah pendaftar membuat keputusan. Pendaftar boleh atas permohonan seorang anggota syarikat itu untuk membuat pelantikan dan saya dapati kalau tidak ada satu garis panduan yang jelas yang boleh digunakan untuk pendaftar itu, mungkin ahli-ahli syarikat itu pun kurang pasti sama ada keadilan telah dicapai atau tidak dalam pengisian kekosongan pengarah itu. Memang ini adalah satu perkara yang saya lihat tidak ada satu set garis panduan yang jelas dan mungkin terpulang kepada budi bicara pihak pendaftar untuk membuat keputusan.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi perkara yang saya fikir penting dan menunjukkan bahawa itu adalah satu perkara yang kita tidak harus tolak ansur ialah tentang notis mesyuarat anggota itu seperti dicatatkan di bawah Seksyen 68. Seksyen 68 ada menyatakan bahawa notis tidak kurang daripada 7 hari. Setahu saya, di bawah Akta Syarikat 1965 itu, maka kalau notis itu tidak mencukupi, maka mesyuarat itu tidak sah. Saya pernah menerima notis daripada syarikat yang katakan. Mesyuarat yang dipanggil itu kena di tangguh oleh kerana masalah notis. Oleh yang demikian, maka peruntukan notis mesyuarat anggota sebanyak 7 hari itu adalah satu peruntukan yang baik. Tetapi, bahagian dua, 68(2) telah menyatakan notis itu boleh diketepikan sekiranya 90% itu bersetuju.

Tuan Yang di-Pertua, bagi saya banyak daripada perundangan ini ialah untuk melindungi hak-hak pemegang saham minoriti dan kalau kita ada kelonggaran di bawah subseksyen 2 seperti saya sebutkan itu, maka kepentingan minoriti itu saya lihat tidak diberi perlindungan yang mencukupi dan ini adalah satu kekurangan pada pendapat saya.

Dan kita tidak harus membenarkan satu kompromi mengenai notis mesyuarat anggota kerana kita mementingkan notis dalam Akta Syarikat tetapi di bawah rang undang-undang ini kita bagi kelonggaran, maka rasionalnya adakah ia begitu mustahak supaya kita boleh mengetepikan sesuatu perkara yang selalunya dianggap penting. Dalam mana parti politik juga kita memerlukan notis untuk mesyuarat. Ada disebutkan dalam perlembagaan mereka berapa hari kalau dalam keadaan-keadaan tertentu

mungkin boleh dipendekkan tetapi semua itu disebutkan dengan jelas. Dan ROS - Registrar of Societies ia pun selalu kalau ada apa pertikaian ia selalu mengguna ini sebagai asas untuk membuat keputusan sama ada sesuatu mesyuarat itu sah atau tidak sah berasaskan kepada notis yang diberi.

Dan dalam banyak hal kita perlukan notis untuk menjaga kepentingan mereka yang akan datang ke mesyuarat untuk mengambil bahagian. Dan kalau di sini ada dicadangkan bahawa kalau 90% itu setuju maka kita tidak payah hiraukan. Saya dapati ini satu perubahan yang tidak baik dan kalau dibandingkan dengan Akta Syarikat maka ini adalah satu kelemahan yang ketara dan harus tidak dibenarkan dalam rang undang-undang seperti yang dicadangkan itu.

Bersabit dengan Seksyen 68 subseksyen 3 tentang isu notis mesyuarat anggota ini ada disebutkan bahawa kegagalan yang tidak sengaja pengarah untuk memberikan notis, 'kegagalan yang tidak sengaja' apa itu, saya selalu kalau sengaja pun saya kata tidak sengaja. Siapa mahu mengakui, 'Saya sengaja tidak memberi notis?' Siapa hendak kata, "Saya sengaja tidak beri notis." Apabila anggota itu buat aduan, kompelin saya kata "oh saya tidak tahulah Pejabat Pos yang disalahkan, saya sudah kirimkan notis tetapi kalau tidak sampai bukan masalah saya, masalah *post office*. Sila pergi ke *post office*, *check* dan sebagainya. Siapa mahu mengakui salah bahawa, "Saya sebenarnya sengaja tidak kirimkan notis supaya anda tidak payah hadir saya tidak mahu anda ini hadir kerana akan tanya banyak soalan dalam mesyuarat dan saya tidak suka itu. Jadi saya hanya hantar surat kepada kawan-kawan saya yang akan meluluskan usul yang akan saya bentangkan itu. Yang lain itu tidak payah datang kerana ini menjadi gangguan kepada saya dan saya tidak suka melihat muka ini. Oleh kerana itu saya sengaja tidak kirimkan notis."

Tetapi kalau orang itu tanya saya, saya kata, "Saya sudah, sudah, sudah kirim, sudah, tengok you tanya orang lain sudah terima kenapa you tidak terima, saya tidak tahu jangan salahkan saya, salahkan *post office*. Posmen mungkin tunggu balik tunggu mungkin esok akan datang tetapi saya sudah kirimkan notis." Jadi di sini kita kata kalau mereka menyatakan demikian mesyuarat masih sah, masih sah. Kita sengaja memberi kelonggaran kepada pihak-pihak tertentu supaya menganiayakan anggota mereka dalam syarikat ini. Ini tidak patut, saya kata ini tidak patut, Tuan Yang di-Pertua. Kita

yang mahu rang undang-undang ini satu modal yang boleh kita banggakan dan kita harap akan membawa satu budaya ke negara kita yang boleh kita kata terbaik di sini. Kita tidak mahu bagi kelonggaran-kelonggaran ini. Jadi kegagalan yang tidak sengaja, siapa yang akan putusken sengaja atau tidak sengaja? Kalau tidak bagi notis yang mencukupi, bagi saya mesyuarat itu tidak sah, tidak sah supaya kita mahu pihak setiausaha syarikat atau pihak-pihak pengarah supaya tidak mempermainkan anggota mereka. Itu yang penting bagi ketulusan dan sebagainya. Kita harap jangan mengadakan peruntukan-peruntukan semacam ini yang mana perkara yang begitu penting iaitu notis mesyuarat tidak dihiraukan dan kita bagi sebab kita bagi kelonggaran, kita bagi *excuse* dan sebagainya supaya ini tidak diikuti.

Tuan Yang di-Pertua, adakah kita patut menggalakkan perkara-perkara sedemikian. Jadi saya berpendapat lebih baik kementerian memikirkan perkara ini kerana banyak masalah telah timbul akibat daripada pemberian notis mesyuarat, banyak - persatuan banyak, firma dan sebagainya, isu notis mesyuarat sangat penting. Kerap kali bukan sahaja beri notis yang mencukupi tetapi mereka ubah tarikh, dia bagi tahu ini nanti pengerusi atau setiausaha agong ubah tarikh dan tiba-tiba kita tidak boleh hadir kerana kita ada tugas lain, tidak boleh hadir. Dan itulah yang mereka harapkan supaya kita tidak hadir.

Oleh kerana itu, kalau kita ada peruntukan yang memberikan pengesahan oleh kerajaan sendiri, kerajaan sekarang, pendaftar akan melihat Seksyen 68 ini dan akan menyatakan mesyuarat itu sah. Sungguhpun ini tidak dibuat tetapi sah dari segi ini kerana ada peruntukan dalam Seksyen 68.

**Datuk Haji Karim Ghani:** Dato' Chin, macam mana tarikh dia bagi tetapi tempat mesyuarat dia ubah *last minute* pula?.

**Dato' Dr. Chin Fook Weng:** Itu pun satu perkara yang mungkin berlakulah, tetapi kalau dengan restu kerajaan setuju - setuju bahawa notis tidak cukup tidak apa, tidak sengaja okay tidak sengaja, macam mana Tuan Yang di-Pertua. Tempat pun mungkin tidak sebut, mungkin ubah okay mungkin tidak sebut atau mungkin di satu tempat yang begitu jauh dan sukar bagi orang itu hadir. Oleh kerana itu, maka kita kena memberi perhatian kepada perkara yang begitu rumit dan begitu penting dan boleh dipermainkan oleh pihak-pihak tertentu untuk kepentingan mereka. Dan ini adalah satu

perkara yang kita harus mengawasi dengan baik dan saya mahu lihat satu keadaan di mana notis mesyuarat dan berapa hari yang telah ditentukan mesti diikuti tanpa apa kelonggaran, itu yang mustahak. Adakah mesyuarat ini begitu mustahak sehingga perlu memberikan kelonggaran kepada notis mesyuarat, tidak perlu bagi saya.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi kuasa yang telah dicadangkan oleh rang undang-undang ini kepada pendaftar ialah Seksyen 1, 2, 3 di mana ada dikatakan kalau pendaftar itu memperakukan, maka menteri boleh mengecualikan sebarang syarikat Langkawi atau orang perseorangan daripada sebarang peruntukan akta ini. Ini satu lagi kuasa yang begitu luas. Jadi kita ada rang undang-undang ini. Ini akan menjadi satu undang-undang negara. Tetapi atas perakuan seorang sahaja dan persetujuan seorang lagi, ini boleh diketepikan.

Tidak payah, tidak payah, pendaftar kata saya memperakukan supaya menteri setuju, habis, undang-undang kita habis, tidak payah dikuatkuasakan. Jadi itu bermakna tidak ada undang-undang, mereka boleh melakukan sesuatu mengikut sesuka hati dan banyak daripada aspek yang perlukan ketelusan, tanggungjawab dan semuanya boleh diketepikan di atas perakuan seorang sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, saya lihat kuasa yang begitu luas itu boleh disalah guna dan kalau kita tidak mengawasi dengan baik, maka apabila disalah guna, kita sendiri yang salah. Saya juga salah kerana saya meluluskan ini. Saya luluskan ini dengan penuh kesedaran bahawa ini mungkin akan disalah guna supaya satu rang undang-undang yang begitu penting itu akan diketepikan demi atau apa-apalah sebabnya di atas perakuan seorang sahaja dan kalau seorang ini dipengaruhi dengan unsur-unsur yang tidak baik, saya pun tidak tahulah apa akan berlaku.

Tidak juga disebutkan dalam bahagian I, II dan III itu, tidak disebutkan langsung di bawah keadaan apa menteri boleh memberi pengecualian ini. Apakah sebabnya yang diguna di bawah 1, 2, 3 ini untuk membantu menteri membuat keputusan. Kita harap menteri yang bijaksana boleh buat keputusan selepas mendapat perakuan daripada pendaftar, tetapi bagaimana situasi yang akan membolehkan menteri itu buat keputusan ataupun mengikut sesuka hati selepas menerima perakuan daripada pendaftar.

Lebih baik kalau kita mahu kuasa ini diberi, kita mesti memikir dalam apa jua keadaan baru kita harus memberi kerana ini merupakan kedaulatan kita. Ini satu set perundangan yang diguna pakai kepada semua pihak yang ingin datang ke Malaysia, ke Langkawi untuk mendaftarkan syarikat mereka dan kalau kita mahu beri kelonggaran kepada pihak sesiapa juga, kita mesti tahu di bawah keadaan apa yang kelonggaran ini boleh diberikan. Saya harap penjelasan dalam perkara ini akan diberi kerana saya pun bimbang sama ada penyelewengan boleh berlaku di atas perkara ini kerana kuasa yang begitu luas itu dipertaruhkan di bawah tangan seorang pembuat perakuan dan kemudian satu pihaknya, saya tahu dalam prosedur biasanya menteri luluskan apa yang diperakukan.

Biasanya lulus sahaja kerana tidak mahu mempertikaikan komen daripada pegawai yang cukup arif, cukup bijaksana, tahu selok-belok dan sebagainya. Jadi apabila perakuan, yalah saya *sign* sahaja, tidak ada apa, bolehkah kita diberitahu di bawah apa keadaan perundangan semacam ini harus diguna dan adakah keadaan itu begitu besar sehingga kita perlukan peruntukan ini. Kalau tidak, mungkin lebih baik kita jangan ada satu peruntukan semacam ini. Ini juga satu perkara yang saya anggap penting.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi perkara yang saya ingin memberi sedikit pendapat saya ialah tentang Seksyen 99, subseksyen (3) dan ini berkenaan dengan hal pelikuidasian dan pembubaran syarikat Langkawi. Ini adalah dua tugas yang penting dan kita haraplah perkara ini sering kali berlaku. Kalau sesuatu syarikat itu dikenakan likuidasi, maka itu bermakna syarikat itu sudah tidak berjaya, mungkin ada golongan-golongan tertentu dalam syarikat ini akan menderita akibat gulung tikar syarikat tersebut dan kita tidak mahulah lihat perkara ini berlaku tetapi kerana semua ini ialah satu sektor swasta yang buat *business*, maka *business* ada keuntungan, ada kerugian dan keadaan naik turun dan sebagainya. Ini satu kebiasaan.

Kita juga ingin mengadakan prosedur sekiranya perkara yang tidak diingini itu berlaku. Jadi di bawah Seksyen 99, subseksyen (3) itu, pendaftar diberi tugas untuk melantik pelikuidasi dan tugas pelikuidasi ialah supaya mengagihkan aset syarikat yang ada itu mengikut kriteria-kriteria yang telah disebutkan. Aset tuntutan yang pertama, tuntutan kepada aset yang sedia ada ialah pendaftar. Itu pendaftar yang ada tuntutan

yang pertama. Kalau dia tinggal RM50 aset, pendaftar yang ada tuntutan pertama, dia boleh menuntut bayaran yang patut dikenakan kepada pihak pendaftar dahulu seperti penalti sekiranya ada penalti, kos, *fee*, caj dan sebagainya, ia ada tuntutan pertama.

So kalau tuntutan dia lebih daripada RM50, maka habislah yang lain itu tidak ada lagi tuntutan. Jadi keutamaan diberi kepada pendaftar. Saya memang bersetuju bahawa ini menjaga kepentingan pejabat pendaftar supaya segala kos yang terhutang kepada pendaftar itu harus dijelaskan terlebih dahulu. Itu memang baik dan harus diterima.

Pihak yang kedua yang mengikut keutamaan ialah Lembaga Hasil Dalam Negeri, itu pun patut kerana itu ialah duit yang hutang kepada negara. Jadi, di bawah Akta Cukai Pendapatan 1967 itu, maka tuntutan daripada Ketua Pengarah Lembaga Hasil Dalam Negeri pun kena diberi layanan iaitu tuntutan yang kedua dan saya juga amat bersetuju. Mereka di bawah golongan ketiga, Tuan Yang di-Pertua, ialah mana-mana orang, itu golongan yang ketiga, mana-mana orang yang bermastautin di Langkawi. Di Langkawi ini saya kurang bersetuju dan juga satu lagi perkara yang ada hutang bona fide berkenaan pembekalan perkhidmatan kepada syarikat ini.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, perkara yang ketiga ini, saya tidak tahu kenapa dihadkan kepada mereka yang bermastautin di Langkawi sahaja? Saya di Pulau Pinang mungkin juga membekalkan diesel kepada kapal-kapal dalam syarikat ini. Mungkin saya juga membekalkan makanan, kalau bot-bot dalam syarikat ini digunakan untuk membawa pelancong dan sebagainya, mungkin saya juga membekalkan makanan kepada bot-bot yang ada itu. Mungkin saya juga membekalkan peralatan ataupun mungkin enjin-enjin bot-bot itu saya hantar enjinnya, saya membaiki enjin dan sebagainya tetapi saya tidak bermastautin di Langkawi, saya bermastautin di Pulau Pinang dan mungkin satu pihak di Kuala Lumpur, di Johor pun terlibat dengan syarikat ini tetapi pihak-pihak ini tidak dilayan.

Kita mahu jaga rakyat Malaysia, Tuan Yang di-Pertua, kita tidak kira sama ada dia duduk di Langkawi, dia duduk di Negeri Sembilan, dia duduk di Pahang, Pulau Pinang. Selagi dia rakyat kita, kita mesti jaga kepentingan dia. Kenapa hanya dihadkan kepada Langkawi? Ini saya kurang bersetuju. Kita patut adil kepada semua rakyat kita. Kalau mereka semua dalam golongan ketiga, yang pertama saya sudah katakan saya

pendaftar, yang kedua Ketua Pengarah Lembaga Hasil Dalam Negeri. Golongan yang ketiga ialah mereka yang tidak layak membekalkan perkhidmatan tetapi tidak dibayar. Tetapi satu syarat bermastautin di Langkawi sahaja, adakah itu bermakna kami hanya memihakkan kepada orang Langkawi sahaja yang boleh buat *business* dengan syarikat-syarikat ini? Kalau orang luar buat *business*, di atas risiko sendiri. Kalau syarikat ini menghadapi masalah, maka tidak boleh ada tuntutan. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya dapati tidak patut adakan tiga perkataan – bermastautin di Langkawi. Kita kena bermastautin di Malaysia, okey; Sabah, Sarawak pun termasuk dalam sini, Kelantan, Terengganu semua boleh kita masukkan dalam bahagian ini selagi mereka ada tuntutan, mereka berhak membuat tuntutan.

Kemudian, satu lagi perkara di bawah C ini, Tuan Yang di-Pertua, ialah hutang bona fide, itu hutang sebenar. Jadi, bagaimana kita akan membuktikan hutang sebenar ataupun hutang palsu iaitu saya buat tuntutan. Saya tahu syarikat ini sudah menghadapi masalah, saya buat tuntutan, saya tulis kepada pendaftar. Tuan Pendaftar, orang ini hutang saya RM10 ribu, saya pun mahu buat tuntutan. Jadi, apakah *guidelines* ataupun garis panduan yang akan diguna untuk pendaftar untuk menentukan sama ada hutang *bona fide*, hutang tidak *bona fide* dan sebagainya. Ini juga satu perkara kerana hutang *bona fide* itu ada disebutkan dalam seksyen ini. Biarlah saya baca ini, apa beza hutang betul, hutang tidak sebenar dan sebagainya. Jadi, saya harap perkara ini juga diberi perhatian; di Langkawi, hutang *bona fide*. Semua ini adalah juga perkara yang penting.

Tuan Yang di-Pertua, seperti saya katakan tadi, saya ingin berucap lebih kurang satu jam dan sudah sampai satu jam dan saya hanya ada satu perkara lagi yang disebutkan di bawah Seksyen 113 iaitu tentang dividen yang kena dibayar daripada keuntungan sahaja. Semalam, bila membahaskan perkara ini, saya telah menyatakan bahawa kalau kita tidak mengawasi perkara ini dengan baik maka mungkin kita akan menggalakkan perkara yang kita haramkan di negara kita dan ini juga diharamkan di negara-negara lain kerana ini menjadi satu masalah antarabangsa iaitu *money laundering*. Kalau kita tidak melihat perkara ini dengan baik, maka banyak duit yang mungkin datang selepas itu diagihkan secara sah. Apabila diagihkan sebagai dividen, sudah menjadi sah. Duit haram yang datang itu sekarang sudah jadi sah bila ditanya,

“Ha, ini dari syarikat yang saya daftarkan di Langkawi, dia sudah agihkan kepada saya USD20 million. Ini duit sah, bukan duit yang datang dari sumber-sumber lain”.

Sebagai satu negara yang dalam barisan hadapan untuk mengatasi keganasan dan sebagainya, kita selalu tahu bahawa perkara macam ini boleh berlaku di negara kita. Baru-baru ini juga kita ada beberapa tindakan mahkamah yang telah diambil terhadap rakyat kita di atas perkara kelakuan *laundering* duit dan ini adalah satu masalah yang dihadapi di arena antarabangsa. Itu satu masalah global dan kita tidak mahu melihat perkara ini dipermainkan di Malaysia kerana ada dikatakan dividen kena dibayar daripada keuntungan sahaja. Jadi, kita kena mengawasi perkara ini dengan baik supaya tidak disalahgunakan. Sungguhpun Peruntukan 113 ini adalah baik dari segi hanya boleh menggunakan keuntungan untuk pengagihan tetapi kita kena mengawasi apa dia keuntungannya supaya perkara yang saya sebutkan tadi tidak timbul akibat kurang pengawasan kita sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, saya sudah berucap empat jam dalam perkara ini, maka saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Dr. S. Vijayaratnam yang sudah begitu sabar di hadapan saya, duduk di tempat sama, nampak saya yang membuat catatan. Semalam juga Setiausaha Parlimen, Yang Berhormat Hoo juga datang bersama dan saya lihat kedua-dua pakar ini rajin mencatat apa yang saya telah utarakan dan saya ucapkan berbilang-bilang terima kasih kepada pihak ini. Saya harap semua perhatian yang dibuat oleh saya itu adalah dibuat untuk kebaikan rang undang-undang ini dan saya harap dapat diambil kira sama ada di peringkat ini kalau boleh, kalau tidak boleh mungkin di peringkat pindaan nanti. Oleh itu, saya mohon menyokong.

**Datuk Haji Karim Ghani:** Sila Dato' S. Vijayaratnam

**12.11 tgh.**

**Dato' Dr. S. Vijayaratnam:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua di atas peluang yang diberikan kepada saya, saya tidak boleh lawan ucapan Dato' Dr. Chin dari segi *content* atau panjangnya. Saya ingin mengambil peluang ini untuk mengucapkan syabas dan tahniah kepada pihak kementerian di atas pembentangan satu Rang Undang-Undang Syarikat Kapal Layar Antarabangsa Langkawi.



Tuan Yang di-Pertua, semua aktiviti dan usaha –usaha yang akan menggalakkan sektor pelancongan di negara harus disokong. Pada tahun 2004, kalau tidak silap saya hasil dari sektor ini adalah lebih dari RM5 bilion. Aktiviti perkapalan layar ataupun *yachting*, dengan izin, ada satu kegiatan yang dihadkan kepada golongan orang kaya, atau pun *super rich*, dengan izin. Di antaranya adalah pelakon-pelakon Hollywood, sheikh-sheikh perniagaan petroleum dari Timur Tengah, kerabat raja–raja tempatan dari luar negeri, tokoh-tokoh korporat, multinasional dan sebagainya. Walaupun golongan ini kecil, modalnya besar, nisbah duit yang akan dibelanja oleh mereka pun besar apabila di banding oleh beberapa ramai pelancong biasa. Sambutan kapal-kapal layar yang mewah di Langkawi akan membawa hasil dan faedah yang besar dan ia akan memberi suntikan yang kuat kepada ekonomi Pulau Langkawi.

Perbelanjaan tuan-tuan punya kapal layar dan tetamu-tetamunya membeli-belah bukan beratus-ratus ringgit tetapi berpuluh-ribu ringgit. Misalnya di Langkawi, boleh beli kereta-kereta mewah seperti Rolls Royce, Mercedes. BMW, Ferrari dan sebagainya walaupun dia bebas cukai, kerajaan tidak dapat cukai tetapi tuan-tuan punya syarikat ini untung dan mereka ialah orang Malaysia. Dengan status bebas cukai Langkawi saya percaya mereka ditarik ke sana. Selain daripada itu, lawatan kapal-kapal layar akan menjana keuntungan-keuntungan selarasnya ataupun *spin of business*, dengan izin. Ini termasuk hotel, membeli-belah, hiburan dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan harus mengambil kira bahawa jika hasratnya adalah Langkawi menjadi satu pusat kapal layar antarabangsa, pulau yang indah tersebut mesti mempunyai kebolehan bersaing dengan tempat-tempat *marina* kapal layar di negara-negara lain. Di antaranya adalah pelabuhan-pelabuhan dan pulau-pulau yang cantik seperti Marshall Islands, Seychelles, Monte Carlo, Antigua dan Bermuda, ini adalah satu cabaran.

Tuan Yang di-Pertua, jika Langkawi akan menarik jutawan-jutawan dari kapal layar, dia mesti mengambil beberapa langkah untuk meningkatkan taraf kebersihan, kemudahan infrastruktur dan hiburan. Kebersihannya mesti sama taraf dengan negara-negara Barat, ataupun negara-negara Asian, macam Jepun, macam Korea, macam Taiwan, tidak boleh benarkan sebarang benda sampah pun, air laut mesti sentiasa jernih dan bersih.

Kita tidak boleh membiarkan sedikit pun pencemaran, pihak berkuasa perlu mengambil langkah-langkah dan bersiap sedia untuk menghadapi tumpahan minyak apabila perlu dengan serta-merta. Jalan-jalan raya di pulau mesti dinaikkan taraf *international standard*, Tuan Yang di-Pertua dengan izin. Rumput dan belukar mesti dikemaskinikan, tandas-tandas awam seperti sahabat saya Dr. Chin kata tadi, harus dibersihkan dan penyenggaraannya mesti sentiasa diuruskan seperti tandas-tandas di kawasan-kawasan rehat lebuhraya PLUS pun cukup bersih mengapa tidak boleh begitu di Langkawi?

Dari segi hiburan, pihak Majlis Tempatan diminta melonggarkan sedikit syarat-syaratnya. Pelancong-pelancong dan tuan-tuan punya kapal sudah biasa dengan cara hidup berbeza dengan kita. Di tempat-tempat lain yang disebutkan tadi seperti di Laut Caribbean dan di Laut Mediterranean dan juga di Seychelles, di Mauritius, hiburan malam cukup hebat dan menjanakan hasil yang begitu tinggi. Ia pun memberi banyak lagi peluang untuk pekerja-pekerja seperti tukang masak, pelayan restoran, kaki tangan hotel dan lain-lain kerja untuk rakyat kita Tuan Yang di-Pertua.

Pada masa ini kerajaan Singapura telah bercadang membina dua kasino di Republik itu. Ini akan menjana hasil berjuta-juta ringgit. Kalau saya cadangkan sebuah kasino di Langkawi saya tahu akan ramai yang akan marah. Tetapi apa salah jika dihadkan untuk orang asing sahaja. Kita mesti pandang dari segi hasil dan cukai untuk dana negara, pendapatan dari kasino di tempat-tempat lain macam Monaco, Las Vegas dan juga Macau dekat Hong Kong amat tinggi.

Tetapi Tuan Yang di-Pertua, jika dibenarkan, kawalan terhadap gejala-gejala sosial mesti ditingkatkan. Satu lagi Tuan Yang di-Pertua, ialah kemudahan untuk penyelenggaraan kapal-kapal layar, adakah ini disiapsediakan di Langkawi? Untuk jenteranya, adakah alat-alat gantinya ataupun *spare parts*, dengan izin? Adakah pakar-pakar untuk membaiki struktur bot dan komunikasi perkapalan, jurutera elektrik dan elektronik perkapalan, dahulu membaiki *design* dalaman dan perabot-perabot kapal iaitu *ship interior design*, dengan izin?

Semua ini mesti wujud di Langkawi, *full maintenance and repair facilities*, dengan izin, bukan untuk bot biasa tetapi khas untuk kapal-kapal layar mewah. Saya juga harap liputan untuk telefon bimbit dan *wireless broadband internet*, dengan izin, telah berfungsi

dengan cukup cekap di seluruh Pulau Langkawi bukan sahaja di darat tetapi di lautan sekitar juga. Ini adalah satu perkhidmatan yang dikehendaki yang dihargai oleh pelancong-pelancong kapal layar.

Tuan Yang di-Pertua, jika kita akan menarik pelancong-pelancong kaya, kita harus menawarkan apa yang dikehendaki. Satu lagi Tuan Yang di-Pertua, adakah dicadangkan oleh pihak kerajaan membuat Langkawi seperti Labuan iaitu dengan kemudahan-kemudahan perbankan *offshore* ataupun *offshore banking facilities*? Ini pun adalah satu yang akan menarik orang-orang kaya, tuan-tuan punya kapal layar, jika kita ada bank-bank antarabangsa di situ macam *Merrill Lynch, Morgan Stanley, Credit Suisse* dengan pengecualian cukai ataupun *tax haven* dan ini pun satu yang akan menarik orang-orang ini yang saya sebut tadi.

Tuan Yang di-Pertua, yang paling mustahak ialah sikap orang-orang tempatan mesti sesuatu yang memuaskan. Kempen budi bahasa dan nilai-nilai murni harus diutamakan. Rakyat kita mesti bersopan dan berbudi bahasa bukan sahaja kepada satu sama lain tetapi apabila menghadap dan melayan pelancong. Bila mereka ke pantai, bila pelancong ke pantai dan berenang, janganlah merenung sahaja atau usik-usik, yang ini jadi juga di Malaysia. Peniaga-peniaga mesti patuh dan jujur di dalam urusan masing-masing dan jangan menaikkan harga barang dan makanan sesuka hati atau ikut kewarganegaraan pelanggan. Saya harap juga pihak polis akan mengambil tindakan tegas di atas apa-apa kejadian jenayah macam kecurian, ragut dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya izinkanlah saya sebut jika mengharap Langkawi akan menjadi satu pusat kapal layar taraf antarabangsa, ada banyak yang kena dibuat, diubah dan meningkat taraf. Jika akan mencapai paras antarabangsa atau *international standard*, dengan izin, mesti ditubuhkan dan diberi ciri-ciri dan kemudahan-kemudahan antarabangsa. Kalau kata ini tidak boleh, itu tidak boleh, projek ini mesti gagal. Saya fikir tuan-tuan punya kapal layar akan terus ke tempat lain, jika Langkawi tidak berapa menarik, tidak akan menawarkan fasiliti-fasiliti dan kemudahan, mereka terus akan ke tempat lain yang dekat, di Phuket, Thailand atau Koh Samui, di Thailand juga.

Saya merayu kepada pihak kerajaan mengambil satu sikap yang lebih liberal dan sederhana. Jika akan menjemput pelancong-pelancong khasnya tuan-tuan punya kapal

layar yang kaya-raja. Dengan kata-kata itu Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Datuk Haji Karim Ghani:** Tuan Lee Sing Chooi, dipersilakan.

**12.25 tgh.**

**Tuan Lee Sing Chooi:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak membahaskan Rang Undang-undang Syarikat Kapal Layar Antarabangsa Langkawi 2005. Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang ini kita sudah tahu selepas lulusnya dan juga kalau dilaksanakan akan melibatkan kerajaan, menggunakan wang ringgit rakyat yang bukan sedikit untuk menjayakan projek itu kalau ada kemungkinan projek itu berjaya.

Adakah dan mungkinkah projek ini, Projek Kapal Layar Langkawi akan menjadi satu projek gajah putih, *white elephant*, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua. Itulah satu yang mesti kita tengok dan analisis kerana wang ringgit yang akan dibelanjakan itu adalah bukan sedikit. Adakah wang ringgit yang akan dibelanjakan itu lebih bermanfaat kalau dibelanjakan di tempat-tempat lain, projek-projek lain yang lebih bermanfaat kepada rakyat, Tuan Yang di-Pertua.

Inilah projek yang kemungkinan kejayaan itu tidak tentu, itulah kebimbangan saya. Kebimbangan ini juga disuarakan oleh kawan-kawan saya di Dewan ini, juga disuarakan oleh Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Chin Fook Weng semalam, Tuan Yang di-Pertua. Perdana Menteri kita sudah mengingatkan supaya setiap projek yang dikendalikan oleh kerajaan mesti ada kajian keberkesanan kos. Adakah projek ini dibuat kajian tersebut? Adakah kajian keberkesanan impak dibuat?

Marilah kita meninjau dan menganalisa *flexibility* dan juga *viability*, dengan izin, projek ini adakah Projek Kapal Layar Antarabangsa Langkawi ini dapat dilaksanakan dengan maju dan berjaya, Tuan Yang di-Pertua. Setiap kajian *flexibility* terutamanya memandangkan satu saiz pasaran. Kalau syarikat antarabangsa buat macam itu, saiz pasaran itu besar atau kecil. Umpamanya kita mesti tahu saiz dia, kalau kita menceburkan satu industri dan tidak tahu saiz sekarang dan saiz yang akan datang, tahun-tahun yang akan datang itu, berapa saiznya, berapa besarnya industri ini, kemungkinan kita akan gagal. Itu satu yang mustahak ialah kita mesti tahu saiz pasaran kapal layar ini, di serantau ini adalah sebesar mana, Tuan Yang di-Pertua.

Apakah saiz pasaran sekarang dan apakah juga saiz pasaran di masa hadapan, lima tahun, sepuluh tahun yang akan datang, lepas berapa. Syarikat akan mendaftarkan Syarikat Kapal Layar di serantau ini, Tuan Yang di-Pertua.

Soalan dua, buat analisa. Soalan yang pasti ditanya adalah saiz pasaran sekarang dapat gapainya, berapa besar sudah diperolehi oleh Langkawi sekarang ini. *Market* ini yang ada sekarang ini, berapa sudah diperolehi oleh Langkawi, satu pertanyaan. Nombor dua, adalah fasal masa hadapan, kemungkinan Langkawi memperoleh saiz berapa pada lima tahun, sepuluh tahun. Kemungkinan kita mendapat, memperoleh beberapa syarikat pendaftaran kapal layar.

Itu pasti juga dibuat oleh kerajaan Tuan Yang di-Pertua. Selepas Akta Pendaftaran Kapal Layar Antarabangsa Langkawi pada tahun 2003 dibuat dan dikuatkuasakan, Dewan ini diberitahu semalam, tadi saya sudah tanya Dato' Dr. Chin Fook Weng juga yang hanya satu syarikat yang berdaftar. Kalau dua tahun sudah lepas kita dapat satu syarikat sahaja yang mendaftar maka ini bukan satu *business* atau satu projek yang *viable* Tuan Yang di-Pertua. Kalau sudah dua tahun kita berusaha kita dan kita hanya dapat satu, kemungkinan kita akan tambah 10% pun, 100% pun kita dapat dua sahaja Tuan Yang di-Pertua. Ini bukan satu kejayaan yang boleh kita banggakan Tuan Yang di-Pertua, selepas rang undang-undang ini diluluskan apakah jangkaan dalam kajian kementerian bilangan pendaftaran akan dibuat di Langkawi, apa jangkaan itu? 5 tahun, tahun 2010 berapa syarikat dalam jangkaan dan kajian kementerian adakah berapa akan mendaftar, kita hendak tahu.

Selepas jangkaan itu dibuat, sesuatu jangkaan dibuat dan perolehi pasaran yang dibuat itu mestilah kita tahu juga. Dalam jangkaan itu apakah, di manakah *competitor* kita? *Competitors* rantau ini siapa dia? Dalam bidang perindustrian kapal layar siapa *competitors* kita? Kita tengok *competitors* yang dekat sekali dengan Langkawi dan Pulau Pinang, satu *competitor* dalaman di mana *facilities* dan kemudahan-kemudahan di Pulau Pinang dan juga di Langkawi. Adakah Langkawi itu lebih kompetitif dengan Pulau Pinang itu satu kajian telah dibuat dan juga *competitors* di serantau siapa dia? Phuket yang berdekatan dengan Langkawi, bolehkah Langkawi berdaya saing dengan Phuket? Bolehkah Langkawi berdaya saing dengan Singapura? Satu kajian mesti dibuat sebelum kita mengeluarkan wang ringgit yang banyak atas projek ini Tuan Yang di-

Pertua. Apakah pegangan Langkawi untuk bersaing dalam bidang ini? Apa dia? Adakah semua ini dengan jelas dan terang? Apakah kelebihan dan kelemahan Langkawi kalau dibanding dengan *competitors* yang ada setakat ini?

Tuan Yang di-Pertua Langkawi pasti bersaing atas kekuatannya sendiri kalau dia hendak maju, kalau projek ini mungkin berjaya dia mesti bersaing atas kekuatan Langkawi. Sudahkah kerajaan, sudahkah kementerian dapat tahu dan dapat menilai apakah kelebihan *competitors* sekarang? Kelebihan Singapura apa dia? Kelebihan Phuket apa dia? Supaya strategi dan tindakan-tindakan dapat dirancang dan dilaksanakan. Kalau kita tidak tahu pasaran ini semua faktor-faktor ini dan kita sahaja melaburkan maka kita akan menghadapi sesuatu yang tidak dijangkakan, sesuatu yang tidak akan berjaya.

Tuan Yang di-Pertua, dalam persaingan industri perkhidmatan, kesemua pasaran yang kompetitif, satu *golden rule*, Tuan Yang di-Pertua, kita mesti *satisfy our customers*. Mustahak itu, dengan izin Tuan Yang di-Pertua. Kita tahu kita hendak *satisfy our customers* ke sini orang-orang yang mempunyai kapal layar maka sudahkah kementerian mengumpul senarai kehendak-kehendak pelanggan kapal layar. Ini tuan punya kapal layar itu, apakah mereka hendak itu untuk.....

**Puan Wan Zubaidah binti Omar:** Pohon laluan. Terima kasih Yang Berhormat Senator Lee Sing Chooi. Saya cuma ingin tahu adakah pulau-pulau selain daripada Pulau Langkawi seperti Pulau Pinang atau Pulau Pangkor mempunyai kemudahan Marina sebagaimana yang ada di Langkawi dan sekiranya sudah ada, adakah perlu lagi untuk kita mewujudkan satu tempat pendaftaran syarikat-syarikat kapal layar kerana kita tahu prasarana macam Pulau Pinang contohnya mungkin lebih baik dan lebih menarik untuk pemilik-pemilik syarikat-syarikat kapal layar ini, terima kasih.

**Tuan Lee Sing Chooi:** Terima kasih Senator, ya kita tahu di Pulau Pinang ada juga *yachts*, kapal layar di situ, maka situ kalau Marina ada saya tidak berapa tahu tetapi saya ingat dari segi daya saing Pulau Pinang pada takat ini, pada masa kini lebih berdaya saing kalau dibanding dengan Langkawi, yang ini sahaja yang saya tahu Tuan Yang di-Pertua.

Yang tadi saya cakap itu adalah senarai-senarai kehendak-kehendak pelanggan kalau kita hendak bagi dan menjemput semua itu berdaftar di Langkawi. Selepas

mengadakan senarai setiap kehendak pelanggan itu, sudahkah kementerian kementerian menilai *rating* Langkawi dengan *rating competitors*? Setiap kehendak itu adakah *rating* dibuat dan kehendak ini Langkawi ini *rate* berapa? Phuket berapa? Singapura berapa? Setiap kehendak itu mesti disenaraikan dan dibuat kajian itu supaya kita tahu status Langkawi, status daya saing Langkawi sebelum kita buat satu keputusan untuk melabur di Langkawi Tuan Yang di-Pertua. Semua yang saya sebutkan itu adalah satu proses, proses sistematik untuk mengkaji dan analisis supaya projek itu *visible* atau *viable*, Tuan Yang di-Pertua.

Kalau kajian tidak dibuat dengan proses yang sistematik maka kita akan menghadapi satu yang tidak berjaya Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua selepas mempunyai *rating* untuk satu-satu kehendak itu, kesemua kehendak itu bagi *rating* dan semua kehendak ini yang ada *rating* ini kita juga kena asingkan, kategorikan kehendak yang pertama yang mesti kita buat yang kita mesti ada *competitive edge*, Tuan Yang di-Pertua, dengan izin.

**Dato' Dr. Chin Fook Weng:** Tuan Yang di-Pertua, saya minta laluan. Terima kasih Yang Berhormat Lee. Tentang isu sama ada sesuatu tempat itu harus dipilih atas selepas kajian-kajian tertentu dibuat oleh kerana kesesuaian dan sebagainya. Adakah dalam situasi ini Langkawi dipilih berasaskan kepada faktor-faktor politik dan bukan kepada faktor-faktor kesesuaian dan sebagainya. Apakah pendapat Yang Berhormat Lee? Terima kasih.

**Tuan Lee Sing Chooi:** Terima kasih, Yang Berhormat Dato' Dr. Chin. Ya kalau projek ini dibentangkan kerana kehendak politik, kerana fahaman politik, yang saya faham politik itu adalah untuk kebaikan rakyat. Kalau politik itu bukan untuk kebaikan rakyat, ini bukan politik yang betul, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita tengok macam ini, dalam Dewan ini, kalau kita lihat semula projek ini, kalau projek ini tidak ada memanfaatkan rakyat, ini akan mengalami kerugian untuk kerajaan, maka kementerian mesti kaji semula dan fikir semula atas pelaksanaan projek ini.

**Tuan Hassan bin Haji Shukri:** Tuan Yang di-Pertua,... [*bercakap tanpa mikrofon selama beberapa saat*].... .bukan menyentuh dari segi akta, tetapi menyentuh

perkara-perkara yang mungkin ada kaitan dengan pelaksanaan akta itu. Dan ada Yang Berhormat sahabat saya juga menyentuh apa kiranya ditentukan untuk...

Saya melihat adakah Yang Berhormat bersetuju kalau kita katalah, saya lihat dari segi undang-undang kita ubah dia punya tajuk dan beberapa yang lain yang berikutnya iaitu Undang-undang Syarikat Kapal Layar Antarabangsa Malaysia. Jadi pada masa yang akan datang kita tidak perlu menggubal suatu akta lagi kalau sekiranya tempat-tempat yang lain itu, katalah Pulau Ketam di negeri Selangor sesuai barangkali, maka kita boleh gunakan Akta ini untuk membuka syarikat kapal layar untuk Pulau Ketam berdasarkan kepada akta kerana akta yang saya sebut ini untuk kapal layar antarabangsa Malaysia.

Jadi pejabat untuk pendaftaran itu di Kuala Lumpur ke, di Klang, di Langkawi itu soal lain. Tapi maknanya supaya ia lebih luas membolehkan kerajaan pada masa-masa yang akan datang merancang untuk membuka pelabuhan ataupun syarikat-syarikat kapal layar ini di tempat-tempat yang munasabah yang sesuai. Barangkali Langkawi tenggelam, apa macam? Satu hari esok, Langkawi tenggelam, jadi adakah bila kita nak buat Pulau Ketam, Langkawi dah tak ada, tidak terpakai lagi akta ini. Kita kena buat satu akta baru kemudian kalau nak buka Pulau Ketam. Saya lebih suka kalau kita bahas, kita lihat dari segi secara umum, dari segi tajuk itu maknanya membolehkan pada masa yang akan datang kerajaan merancang di mana-mana tempat yang sesuai dan munasabah di Malaysia ini.

Saya melihat, saya pernah, barangkali Yang Berhormat daripada orang India, bukan orang India, keturunan India lah. Saya pernah naik kapal, kapal daripada Pulau Pinang ini namanya kapal layarlah, saya tanya Dato' Chin ini, kapal layar ini kalau faham orang Melayu dia ada layar. Sekarang ini mana ada layar, semua tak ada layar dah. Jadi saya naik kapal ini, namanya Rajular, barangkali Yang Berhormat tahu bila saya sebut Rajular ini. Ia ada yang selalu pergi India, Pulau Pinang – Madras ini satu Rajular, satu lagi State of Madras. Saya tertarik begini, Tuan Yang di-Pertua, apabila sampai ke suatu tempat namanya Nagapadnam, kapal itu mesti singgah di situ sebab dalam Akta Pelabuhan Langkawi ini juga, kalau nak buka syarikat sama ada kapal layar dari luar itu singgah di situ, dia boleh didaftar dengan sama-sama bermastautin, disebutkan dalam itu.



Jadi saya lihat di situ, kapal-kapal ini, kapal syarikat British ke, syarikat India ke, syarikat Belanda ke, dia mesti berhenti di tengah laut itu dan kebetulan pada waktu itu bila berhenti tu ada beberapa bot tunggu untuk orang naik ke Nagapadnam ini. Rupanya bila saya tanya, kemudian kebetulan bila sampai saya di Madras, saya pergi Madras satu kedai, orang-orang yang turun tadi membawa permit, jual permit di Madras. Permit apa? Permit arak, rupanya menurut sahabat saya semalam ada satu tempat di kawasan itu di bawah jajahan Perancis. Fasal di Perancis dekat tu, dia kena lalu situ nak pergi ke Madras, jadi di situlah mereka memberi permit arak, kemudian dia jual di Madras.

Jadi kerana permit itu maknanya kalau harga permit itu dijual dengan murah, dia boleh beli banyak arak di Madras. Tapi saya tidaklah hendak apabila nak buat syarikat kapal layar untuk menarik orang datang melancong sampai kita kena buat pula di Langkawi restoran-restoran yang khas untuk minum arak ni. Bukan itu maksud saya, maksud saya kadang-kadang daya penarik itu ada berbagai-bagai.

Ada juga orang India Muslim pula dia kata, saya tanya dia fasal apa dia singgah? Dia kata, saya ingat orang India Muslim tak ada sini ya? Kalau ada dia tahu Nagapadnam ni ada satu tempat perkuburan yang dikatakan orang India Muslim, dia ni orang sana anggap keramat. Dikatakan bahawa satu ketika dahulu, ada kapal sampai di situ dia tak boleh jalan dah. Dengan itu ia teradat, menjadi kebiasaan kapal itu berhenti, jadi barulah tadi ada sumber-sumber yang lain bagi orang-orang yang datang daripada Malaysia ini, nak balik ke India pertama sekali melalui Madras, kebanyakan melalui Nagapadnam. Jadi saya nak sebut di sini, supaya boleh tak setuju kalau akta ini kita luaskan, bukan Langkawi saja, antarabangsa maknanya Kapal Layar Antarabangsa Malaysia 2006. Jadi mana-mana nak buka lagi pada masa yang akan datang, gunakan akta ini, tak payah kita buat satu akta Pulau Ketam ke, akta apa lagi satu kalau ada pulau-pulau yang lainlah, maknanya tak payah lagi. Boleh setuju Yang Berhormat?

**Tuan Lee Sing Chooi:** Terima kasih Yang Berhormat Senator Haji Hassan Shukri kerana memberi pandangan. Tuan Yang di-Pertua, ya perkataan Langkawi ini yang saya bimbang ini kerana unsur-unsur kejayaan itu tidak kurang sekarang ini. Kalau kita nak bagi yang khusus, kita mesti pilih satu tempat yang ada unsur-unsur kejayaan, faktor-faktor kejayaan itu.

Kalau ada kejayaan kecil seperti Pulau Pinang, ya sudah ada sikit dan kita kembangkan dia, itu kemungkinan, itu yang satu keadaan yang betul, yang bagus. Kejayaan kecil kita besarkan supaya jadi lebih berjaya, itu yang saya nak bahaskan petang ini.

Tuan Yang di-Pertua, berbalik kepada perbahasan saya pula, tadi saya dah cakap dah, yang *rating* tu kena dibuat, buat atas kehendak pelanggan itu, yang *ratings* ini juga kena dikategorikan. *Rating* yang utama yang mesti ada, mesti kita mempunyai *competitive edge*, mesti ada, itu yang mustahak sekali, kehendak-kehendak yang utama. Dan juga kehendak-kehendak yang sederhana, dan juga kehendak-kehendak yang *minor* mungkin tidak berapa mustahak. Kesemua ini mesti dikategorikan, lepas itu kita tengoklah macam mana *rating* kesemuanya itu. Langkawi dapat atau tidak dapat bersaing dengan *competitors* serantau. Tuan Yang di-Pertua, ini adalah satu kerja dan kajian yang sangat-sangat mustahak kerana ini akan menentukan jaya atau tidak, maju atau tidak projek ini.

Tuan Yang di-Pertua, dengan penilaian kehendak-kehendak pelanggan sudah kita dapat tahu status daya saing Langkawi macam mana setandingnya Langkawi sekarang ini dan juga akan menentukan *viability* projek ini, projek kapal layar Langkawi. Kalau didapati tidak *viable* maka kita mesti hentikan projek ini Tuan Yang di-Pertua. Kalau tidak kita akan menuju kepada satu jalan yang akan membelanjakan duit banyak sahaja, tidak menguntungkan rakyat dan wang ini akan lebih manfaat kalau dibelanjakan di tempat-tempat yang menguntungkan, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, selepas penilaian kehendak-kehendak pelanggan dan bagi di mana *rating* Langkawi yang mana yang lemah itu terutama yang lemah atas kehendak-kehendak utama itu bolehkah Langkawi dapat ubah sampai tahap yang memuaskan. Tuan Yang di-Pertua, adakah Langkawi memperolehi keupayaan untuk meningkatkan dan apakah kosnya untuk meningkatkan sampai tahap itu dan menjadikan kehendak itu lebih baik dan melebihi *competitors* serantau. Tuan Yang di-Pertua, ini juga patut dikaji setiap kehendak-kehendak utama.

Tuan Yang di-Pertua, sesetengah yang hendak dipertingkatkan itu termasuk *facilities*, rekreasi, pengangkutan dan membaiki di semua di tempat Langkawi, kalau Langkawi dipilih dan akta ini memilih Langkawi kesemua ini mesti dipertingkatkan.

Semasa hendak mempertingkatkan kesemua ini kita juga berhadapan dengan kepertembungan nilai yang dibahaskan semalam. Yang satu ini cakap boleh, yang satu pihak cakap tidak boleh. Ini boleh buat, ini tidak boleh buat. Dengan berbeza-beza pandangan kerana rakyat kita itu pelbagai bangsa dan agama dan juga pelbagai nilai.

So, dengan persetujuan yang akan dicapai nanti dan mendapat satu keseimbangan dan persetujuan apa yang boleh dibuat, apa tidak boleh dibuat itu pasti yang hasil itu bolehkah hasil persetujuan itu dapat memenuhi kehendak-kehendak pelanggan. Tuan Yang di-Pertua, ini adalah satu yang berkaitan dengan sosial masyarakat tempatan, yang berkaitan dengan insan. Ini adalah satu perkara yang bukan wang ringgit yang boleh mengubah situasi ini. Ini adalah satu penimbangan yang mesti diambil kira. Tuan Yang di-Pertua, kemungkinan Langkawi memenuhi kehendak-kehendak pelanggan atas apa-apa yang disebut tadi.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan sikap orang dan apa cara hidup orang tempatan. Bolehkah orang tempatan itu sudi terima cara hidup yang akan dibawa kerana adanya kapal layar antarabangsa di Langkawi ini. Tuan Yang di-Pertua, dengan semua penilaian kehendak-kehendak ini perubahan yang boleh dibuat, peningkatan yang boleh dibuat sampai tahap yang kita boleh capai, masih bolehkah Langkawi bersaing. Masih bolehkah Langkawi bersaing dengan *competitors* Phuket, Singapura dan Filipina Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, saya sudah sentuh berkenaan dengan *feasibility* dan *viability* berkenaan dengan projek kapal layar Langkawi atas iaitu:-

- (i) saiz pasaran itu mesti diketahui;
- (ii) kemungkinan peratusan Langkawi memperolehi pasaran masa kini dan juga pada masa depan;
- (iii) *competitors* yang ada sekarang dan juga penentuan daya saing Langkawi mesti diketahui.

Kemungkinan Langkawi meningkatkan daya saingnya mesti dianalisis. Tuan Yang di-Pertua, dengan kajian dan analisis yang dibuat kalau hendak juga menjalankan maka pejabat-pejabat, *facilities* kerajaan juga peningkatan kemudahan-kemudahan awam dan juga gaji-gaji yang akan dibayar, imbuhan-imbuhan akan dibayar kepada kakitangan-kakitangan kerajaan yang dilantik untuk menguruskan perkara ini.

Berapakah bajet yang dikehendaki, itu Dewan juga hendak tahu. Berapa wang ringgit rakyat yang dibajetkan untuk semua ini.

Tuan Yang di-Pertua, ini semua melibatkan perbelanjaan kerajaan. Saya juga hendak tahu adakah kementerian sudah buat jangkaan atau bajet perbelanjaan dan berapakah amaun itu? Jangan kita laksanakan tanpa jangkaan dan bajet. Tuan Yang di-Pertua, kerana tiada satu jangkaan perbelanjaan janganlah mulakan projek ini. Tuan Yang di-Pertua, saya juga harap sebagai seorang senator, sebelum rang undang-undang yang akan melibatkan wang ringgit yang berterusan untuk satu projek maka *viability* dan juga bajet mesti ada dahulu sebelum rang undang-undang itu dibentangkan kerana kalau tidak ada dan lepas itu projek itu dikaji dan kesannya bahawa tidak *viable* maka kesemua usaha ini tidak akan menghasilkan apa-apa.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan pasti ada jangkaan dan bajet itu. Saya hendak tahu apa amaun itu. Untuk menjayakan satu projek dan juga untuk menjayakan satu produk-produk sekarang ini kita Langkawi satu pusat kapal layar. Untuk menjayakan produk itu apakah strategi promosi, satu promosi. Apakah promosi yang dirancangan? Apakah promosi dan pengiklanan yang dirancangan supaya kita dapat memberitahu kepada orang-orang yang berminat mendaftarkan kapal layar mereka di Langkawi.

**Datuk Haji Karim Ghani:** Yang Berhormat Senator Tuan Lee, masa dah cukup. Boleh sambung jam 2.30 petang nanti.

**Tuan Lee Sing Chooi:** Okey.

**Datuk Haji Karim Ghani:** Ahli-ahli Yang Berhormat Senator, masa sudah cukup jam 1.00, saya tangguhkan persidangan ini sehingga jam 2.30 petang nanti. Terima kasih.

***Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.00 petang.***

***Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.***

[Tuan Yang di-Pertua ***mempengerusikan Mesyuarat***]

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Lee Sing Chooi, sila sambung ucapan.

**2.31 ptg.**

**Tuan Lee Sing Chooi:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak sambungkan ucapan saya berkenaan dengan Rang Undang-undang Syarikat Kapal Layar Antarabangsa Langkawi 2005.

Tuan Yang di-Pertua, seksyen yang tadi saya sudah sentuh berkenaan dengan projek-projek yang mana kita hendak ada ini, kapal layar antarabangsa di Langkawi ini, sesuatu mesti dibuat iaitu *feasibility* dan *viability study*, kajian *feasibility* dan *viability* dibuat. Dalam kajian tersebut yang saya sudah sentuh, satu yang mustahak adalah saiz pasaran, *market size*, Tuan Yang di-Pertua dan juga kemungkinan peratusan Langkawi memperolehi pasaran pada masa ini dan juga pada masa hadapan, Tuan Yang di-Pertua. Saya sudah sentuh tentang ini dan kajian tersebut juga mesti ada melingkupi *competitors* yang ada sekarang seperti *competitors* dalaman Pulau Pinang dan juga *competitors* di serantau ini, seperti Phuket dan juga Singapura.

Saya menyentuh juga kemungkinan Langkawi meningkatkan daya saing kalau dibandingkan dengan *competitors* yang berada di rantau ini. Saya juga sentuh untuk meningkatkan daya saing Langkawi dalam bidang ini, maka wang rakyat kena dibelanjakan dan semasa, sebelum wang rakyat itu dibelanjakan, kita mesti tengok yang projek ini akan berjaya atau akan gagal kerana wang ringgit yang akan dibelanjakan itu, bukan wang ringgit yang sedikit. Saya juga sentuh kalau hendak menjayakan projek ini, maka promosi kena juga dibuat dan bajet-bajet promosi.....

**Datuk Jins Shamsudin:** Saya minta laluan, Tuan Lee Sing Chooi.

**Tuan Lee Sing Chooi:** Sila.

**Datuk Jins Shamsudin:** Berkemungkinan kerajaan telah membuat satu *study*, berkemungkinan ada *indication*, dengan izin, bahawa beberapa buah syarikat di luar negara telah memberikan *indication*, dengan izin, kepada kerajaan bahawa mereka akan berdaftar sekurang-kurangnya ada 20 atau 30 syarikat yang berkemungkinan akan berdaftar. Maka, itu barangkali kerajaan sedang mengkaji soal ini. Apa pandangan Yang Berhormat?

**Tuan Yang di-Pertua:** Biarlah saya pun sedikit memberi sepatah dua pandangan. Zahirnya rang undang-undang ini adalah menyentuh satu perkara yang cukup kecil. Tetapi, kerana secara tidak langsung ia menyentuh beberapa perkara asasi

dalam soal-soal memerintah dan mengendalikan pemerintahan, saya faham kenapa rang undang-undang ini dibahaskan dengan meluas.

Namun merujuk kepada apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat, lazimnya kita dalam proses memperundangkan, *when we legislate*, biasanya keputusan untuk memperundangkan ataupun *to legislate on a particular matter* ialah biasanya satu keputusan atau *physically a decision to legislate, usually a political decision arrived at no doubt by the Cabinet of the day, or the government of the day, nevertheless, masih a political decision*, bukan *an administrative decision*. Maka, Yang Berhormat yang sedikit sebanyak mempunyai latar belakang politik, tentu sedar bahawa dalam banyak perkara yang kita memperundangkan itu, kita tiada sesuatu yang dikatakan *feasibility study* atau kajian kemungkinan kerana sesuatu *political decision* itu adalah merupakan *response* kepada beberapa *political imperatives*. Itu pandangan saya.

**Tuan Lee Sing Chooi:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Senator. Tuan Yang di-Pertua, pertama sekali saya hendak sentuh berkenaan dengan kemungkinan kerajaan tidak ada juga kajian bahawa syarikat-syarikat atau pihak-pihak yang tertentu, yang mempunyai kapal layar mungkin sudah berminat untuk mendaftar di Langkawi, di sini.

Saya harap kalau ada kajian-kajian tersebut, yang juga saya tanyakan sepanjang perbahasan saya, kementerian bolehlah kemukakan kajian tersebut. Tetapi dengan apa yang nyata sekarang, Akta Pendaftaran Kapal Layar Antarabangsa Langkawi 2003 sudah sejak berkuasa sampai kini sudah dua tahun dan diberitahu di Dewan ini semalam, hanya satu syarikat yang mendaftar di bawah Akta Pendaftaran Kapal Layar Antarabangsa sejak 2003. Ini nampaknya kalau mereka hendak daftar pun boleh. Tetapi nampaknya bilangan itu adalah amat kecil, Tuan Yang di-Pertua. Yang kedua, berkenaan dengan apa yang dinasihatkan oleh Tuan Yang di-Pertua....

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, kalau Yang Berhormat izinkan saya.....

**Tuan Lee Sing Chooi:** Okey, ya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Seolah-olah, dengan izin, keputusan untuk memperundangkan perkara ini adalah sesuatu pernyataan aspirasi. Maka kita perundangkan perkataan ini kerana ianya menyentuh aspirasi kita untuk menjadikan Langkawi satu pusat pendaftaran kapal layar.

**Tuan Lee Sing Chooi:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya nampak juga aspirasi kerajaan untuk menjadikan Langkawi sebagai pusat yang mana banyak kapal layar itu akan berdaftar dan berada di sana, di pusat itu. Aspirasi dan *intention*, tujuan rang undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara saya ingat dalam urusan kerajaan, pihak kerajaan pasti mengambil perhatian bahawa kadang-kadang aspirasi dan realiti itu adalah amat jauh sekali, Tuan Yang di-Pertua. Kita mesti kaji yang aspirasi yang mana boleh kita mencapai, yang mustahak. Aspirasi yang mana kita mungkin tidak berkemungkinan berjaya itu. Satu *reality check* dan saya juga faham, rang undang-undang itu mungkin ada tujuan politik bahawa hendak jadikan Langkawi satu pusat yang mana kapal layar akan berada di sana, berkumpul berbulan itu.

Saya juga faham hasrat Perdana Menteri kita, di mana projek-projek yang dulu telah lulus pun kalau Pak Lah, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita merasa itu tidak akan bermanfaat kepada rakyat, Pak Lah pun sayangkan rakyat dan juga mengambil keputusan bahawa projek-projek tersebut pun juga diberhentikan. Apa tujuannya kerajaan untuk membantu rakyat supaya semua projek yang dilaksanakan oleh kerajaan itu betul-betul dan juga boleh dengan sepenuhnya memanfaatkan kepada rakyat.

Itu adalah garis panduan yang selalu kita ikut, Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, kalau kita hendak promosikan projek ini, maka wang ringgit juga perlu dibelanjakan dan juga pengiklanan perlu juga dibuat. Bukan sahaja di Malaysia tetapi juga di luar negeri. Ini bukan satu perbelanjaan yang kecil, Tuan Yang di-Pertua. Dengan perbelanjaan yang begini, apakah keuntungan kepada rakyat? Apakah kemungkinan keuntungan projek ini, Tuan Yang di-Pertua? Apakah *the value of money*, dengan izin, yang kita belanjakan atas projek ini, Tuan Yang di-Pertua?

**Datuk Jins Shamsudin:** Minta laluan sekali lagi, Yang Berhormat.

**Tuan Lee Sing Chooi:** Ya, silakan.

**Datuk Jins Shamsudin:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Kalau Yang Berhormat masih ingat, dulu apabila kita memulakan untuk mengadakan LIMA di Langkawi, banyak juga yang menyatakan ia bukan sebuah projek yang *viable*. Tetapi, apabila LIMA telah diwujudkan, mempunyai permintaan yang begitu banyak dan menjadi

begitu terkenal di seluruh dunia untuk memperkenalkan Langkawi khususnya dan Malaysia amnya kepada dunia. Mungkin di atas asas itu barangkali, kerajaan telah memikirkan bahawa pendaftaran kapal layar ini berkemungkinan akan membawa ramai pengunjung dan juga memperkenalkan Malaysia ke luar negara. Apa pandangan Yang Berhormat? Terima kasih.

**Tuan Lee Sing Chooi:** Terima kasih Yang Berhormat Datuk Jins Shamsudin. LIMA itu adalah satu yang agak berjaya. Itu adalah satu aktiviti untuk satu masa, ia bukan satu aktiviti yang berpanjangan, tidak ada setiap hari. Kalau kita hendak *organize* satu aktiviti itu adalah senang sedikit, tetapi kalau aktiviti yang berterusan, berbelanja berterusan itu adalah agak berlainan sedikit. Maka Tuan Yang di-Pertua, kesimpulannya projek kapal layar Langkawi .....

**Tuan Ismail bin Kasim:** Minta laluan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat sahabat saya. Saya ingin penjelasan dan pandangan daripada Yang Berhormat. Kalau kita lihat projek ini di peringkat awalnya ia adalah salah satu usaha untuk menarik pelancong dan menambah bilangan pelancong, ini adalah hasrat kerajaan di mana seorang pelancong dan seorang rakyat Malaysia. Bermakna kalau kita mempunyai penduduk sekitar 25 juta orang, maka kita berhasrat untuk menarik 25 juta orang pelancong yang dapat datang ke negara kita. Perkara ini telah dibangkitkan oleh mantan Tun Mahathir iaitu bekas Perdana Menteri kita. Dia melihat perkara ini dalam jangka masa yang panjang, sebab itu perkembangan sektor kapal layar ini bukan sahaja tertumpu kepada tarikan kepada kapal-kapal layar di peringkat antarabangsa, bahkan kita cuba hidupkan kumpulan-kumpulan yang berminat bukan sahaja terhad kepada golongan mewah seperti mana yang dibangkitkan oleh Tuan Yang di-Pertua semalam.

Sebab itulah kita lihat dalam kapal-kapal layar optimis yang dijadikan acara-acara sukan di peringkat Sea Games, Asian Games, Olimpik dan sebagainya, sudah mula negara-negara luar mengenali kita dan saya difahamkan kapal-kapal layar optimis yang kecil ini sudah mula dibina, dan dibuat di negara kita dan oleh rakyat tempatan sendiri. Ini bermakna kita mengembangkan sektor ini bukan sahaja dari segi persediaan prasarana, bahkan ia melibatkan juga penglibatan dan menimbulkan minat rakyat tempatan.



Jadi pada saya, walaupun di peringkat kita mengharapkan kesan keuntungan dengan kadar yang segera, saya rasa adalah amat sukar tetapi ia dalam jangka masa panjang dengan prasarana yang disediakan, yang mengikut kelas antarabangsa ini, sudah tentu kita akan dapat sekurang-kurangnya menyamai taraf tempat-tempat yang menjadi tarikan kapal layar terutama di kawasan Mediterranean dan sebagainya. Sebab itulah beberapa konsep Mediterranean telah juga kita ikut sedikit sebanyak dan semasa hari pertama pelancaran dan pendaftaran dibuat, kita lihat kapal layar pertama yang didaftar oleh Tan Sri Samsudin kalau tidak silap saya dan kapal layarnya bernama A. Khalid. Saya berpeluang naik ke atas kapal layar berkenaan dan ia cukup cantik. Ini menunjukkan bahawa minat ini kita timbulkan pada rakyat tempatan. Rehat ini bukan hanya di tempat-tempat rekreasi dan di tempat-tempat riadah yang telah disediakan, tetapi di dalam kapal layar juga merupakan tempat untuk kita berehat, tempat untuk kita mengadakan mesyuarat, tempat untuk kita berjumpa dengan *business partners* dan sebagai. Jadi perkara ini yang cuba dibangkitkan oleh kerajaan. Apa pandangan Yang Berhormat berhubung dengan perkara ini?

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah tidak kenakan kawalan ketat terhadap perbahasan sehingga perbahasan ini menghampiri jadi perbincangan. Ia lain, sebab itu lain istilah di antara “perbahasan” dengan “perbincangan”. Namun saya masih tidak mahu kenakan kawalan yang ketat memandangkan dalam urusan mesyuarat usul-usul kita terdapat beberapa rang undang-undang. Bermakna saya tidak nampak lagi barisan kerajaan sedia untuk membentangkannya. Dalam keadaan begitu rupa mungkin saya terpaksa tangguhkan Dewan kalau Yang Berhormat tidak teruskan perbahasan ini.

Kita masih lagi mempunyai 4 rang undang-undang, dan jika kerajaan memasuki semula Rang Undang-undang Kesalahan Penerbangan Awam Antarabangsa, jadi 5 yang akan diperbahaskan. Jadi apabila pihak-pihak kerajaan bersedia sahaja untuk membentangkan Rang Undang-undang Keterangan Mahkamah Syariah (Wilayah-wilayah Persekutuan) (Pindaan) 2005, maka dapat kemungkinan saya kenakan balik kawalan yang ketat dengan mengehadkan perbahasan. Sila ambil maklum. Terima kasih Yang Berhormat.

**Tuan Lee Sing Chooi:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Berkenaan dengan pandangan Yang Berhormat Senator Tuan Ismail berkenaan dengan aktiviti-aktiviti yang bersangkutan-paut dengan kapal layar, dan juga minat-minat baru tempatan berkenaan dengan aktiviti-aktiviti tersebut mungkin lebih berkembang. Itu adalah salah satu yang juga patut diambil kira dalam skop kajian tersebut yang telah saya sebutkan. Maka kesemua faktor-faktor ini diambil kira dan selepas itu kita tengoklah projek ini sama ada *feasible* dan *viable*.

Apakah kalau Langkawi dipilih sekarang, dan apakah *competitive edge*, dengan izin, yang diperolehi oleh Langkawi kalau dibandingkan dengan *competitors* rendah supaya tuan punya kapal layar akan suka mendaftar di Langkawi? Apakah daya saing dan kelebihan Langkawi dalam industri ini, Tuan Yang di-Pertua? Dalam kertas jangkaan pada 5 atau 10 tahun hadapan saya hendak tahu juga, apakah jangkaan bilangan syarikat yang akan mendaftar di Langkawi dengan adanya hanya satu syarikat mendaftar di Langkawi selepas 2 tahun? Yang juga pasti diambil perhatian ialah tentang apakah faktor-faktor kejayaan, apakah faktor-faktor pekerjaan utama *key success factors*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, projek ini akan berjaya. Itu mustahak. Apa pegangan Langkawi atas faktor-faktor kejayaan ini supaya ia berjaya dan maju.

Faktor-faktor kejayaan yang mana sudah diperolehi oleh Langkawi. Faktor-faktor kejayaan yang mana belum lagi diperolehi oleh Langkawi, dan apakah resolusi dalam projek ini supaya faktor-faktor kejayaan utama itu dapat diperolehi oleh Langkawi supaya industri itu boleh maju? Dengan fakta yang mana kalau hanya satu syarikat yang mendaftar sejak 2 tahun hingga sekarang saya khuatir, bimbang dan merasa tidak begitu senang atas kejayaan projek ini.

Saya harap kementerian bukan sahaja kementerian ini, juga kedua-dua kementerian yang bersangkutan-paut dengan projek ini dan juga Langkawi dapat mengkaji dengan teliti sebelum projek ini dilaksanakan supaya sebelum wang ringgit rakyat itu dibelanjakan ia dibahagi-bahagikan, supaya ia akan menguntungkan rakyat jelata.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga hendak *quote* nasihat daripada Tuan Yang di-Pertua semalam, "*If you think you cannot do it well, don't do it at all*".

**Tuan Yang di-Pertua:** *If you think you cannot rob a bank successfully, don't rob a bank at all.*

**Tuan Lee Sing Chooi:** Kalau tidak ditangkap dan masuk jail. Tuan Yang di-Pertua, betul, itu *the key of success* - kejayaan itu. Kemajuan itu bolehkah kita capai? Kita hendak buat penilaian. Lebih-lebih lagi kesemua ini yang melibatkan perbelanjaan wang ringgit rakyat. Timbalan Perdana Menteri kita Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd. Najib telah mengingatkan dana yang kita ada adalah terhad. Dana yang terhad ini di manakah kerajaan akan belanjakan, dana ini – wang ringgit ini. Jadi kerajaan harus ambil satu keputusan di mana dana yang dibelanjakan itu, yang akan mendatangkan keuntungan dan manfaat yang lebih tinggi kepada rakyat.

Projek yang manakah yang akan menguntungkan rakyat? Manakah projek yang lebih berkemungkinan berjaya dan maju. Negara kita sudah mengalami *budget* dan *deficit* pada tahun kebelakangan ini. Kita sudah pinjam duit untuk pembangunan. Duit yang kita hendak pinjam itu hendak letakkan di mana? Tuan Yang di-Pertua. Ini adalah soalan saya. Wang ringgit itu dibelanjakan atas projek kapal layar Langkawi yang kemungkinan .....

**Tuan Ismail bin Kasim:** Mohon laluan. Saya amat tertarik dengan hujah-hujah sahabat saya, kalau kajian terperinci tidak kita buat terhadap sesuatu .....

**Tuan Yang di-Pertua:** Nampaknya kedua-dua Yang Berhormat ini sedang membantu kerajaan supaya perbincangan berlarutan kerana masih belum ada pihak yang hendak membentangkan rang undang-undang, ya!

**Tuan Ismail bin Kasim:** Tuan Yang di-Pertua, kadang-kadang kita fikir perkara ini, bila menyebut soal pembaziran ini kadang-kadang kerajaan boleh bagi duit kepada rakyat dalam bentuk AP. Macam saya tidak ada apa-apa cuma ada "Ayah Pin" sahaja ataupun anak Perlis. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Lee.

Kalau kita melihat kepada banyak perkara Yang Berhormat bangkitkan tadi itu soal kajian terperinci. Saya cuma hendak bertanya kepada Yang Berhormat dan terus kepada pihak kementerian, iaitu siapa sebenarnya yang membiayai peruntukan pembinaan prasarana yang telah kita buat dengan begitu elok di tempat-tempat yang telah didirikan di Langkawi seperti di Pantai Kok, juga di Pulau Kilin dan sebagainya.

Siapa sebenarnya yang membiayainya, sama ada kerajaan terlibat ataupun projek ini sebenarnya telah diserahkan kepada pihak swasta untuk memajukannya dan kerajaan hanya memberi jaminan isi bon dan sebagainya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya kagum dengan semangat dua-dua Yang Berhormat ini. Biar nampak kurang bijak, biar terpaksa percakapkan benda-benda yang tidak relevan semata-mata kerana setia kepada kerajaan, hendak bantu kerajaan. Ini semangat yang saya..... Saya sedar susah Yang Berhormat hendak mengisi masa. Tetapi inilah saya kagum kesetiaan dua-dua Yang Berhormat.

**Tuan Tay Puay Chuan:** Saya juga ingin pohon minta laluan, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat pun setia juga. silakan.

**Tuan Tay Puay Chuan:** Terima kasih, kalau mengikut perbincangan Yang Berhormat sebentar tadi, nampaknya seolah-olah Yang Berhormat mempunyai kekhawatiran bahawa kemungkinan usaha kerajaan menjadikan Langkawi sebagai pusat pendaftaran dan juga persinggahan kapal layar menemui jalan buntu ataupun kegagalan. Dalam minda Yang Berhormat, apakah resolusi untuk mengatasi masalah tersebut agar penggubalan undang-undang ini tidak menjadi sia-sia. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat masih ingat dua persoalan itu?

**Tuan Lee Sing Chooi:** Ya. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingat apa yang ditanya oleh Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, ya kita juga setia kepada kerajaan dalam perbincangan Rang Undang-undang ini dan juga kita setia kepada rakyat.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya pun bela Yang Berhormat. Saya sedar Yang Berhormat faham maksud *political imperative* tadi, sahaja Yang Berhormat sebut mengenai *feasibility study* hendak mengisikan masa supaya saya membela imej Yang Berhormat, sebab itu saya sebut perkara itu.

**Tuan Lee Sing Chooi:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya ingat ini, kerana ini wang ringgit kerajaan telah terlibat yang kita membahaskan ini dan juga apa yang diutarakan oleh Senator Yang Berhormat Ismail bahawa ada juga di industri ini, industri kapal layar, ok, tidak boleh berkongsi tanggungannya dengan swasta atau orang yang

berminat supaya dia yang melabur. Risiko-risiko itu dibebankan oleh siapa yang minat. Maka, bebanan kerajaan itu tidak begitu berat. Itu adalah satu cara.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sebagai kerajaan, sudah bersedia untuk membenteng Rang Undang-undang sekarang ini. Ini telahan saya, saya belum pasti. Sila teruskan.

**Tuan Lee Sing Chooi:** ... dan juga Yang Berhormat, Tuan Tay Puay Chuan, apakah resolusi dengan kekhuatiran itu yang saya sebut tadi. Kajian yang terperinci, *we must know the facts, we must know the market*, dengan izin supaya ini kalau hendak dilaksanakan itu boleh dilaksanakan dengan berjaya. Tuan Yang di-Pertua,....

**Tuan Yang di-Pertua:** Berapa lama lagi Yang Berhormat akan mengambil masa?

**Tuan Lee Sing Chooi:** Ok, sudah hendak habis. Tuan Yang di-Pertua, apa yang dibahaskan itu supaya kajian dan *feasibility study* itu adalah supaya projek-projek ini jangan dijadikan satu projek 'gajah putih', *white elephant*. Itulah yang kita hendak beritahu...

Perdana Menteri kita yang kita sangat sayangkan, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Abdullah sudah memberi arahan yang sangat jelas. Setiap projek yang dikendalikan dan dilaksanakan oleh kerajaan mesti ada kajian terhadap keberkesanan kos.

Saya hendak juga tahu projek ini kajian tersebut dibuat atau tidak dan kos itu berapa, yang impak itu macam man? Impak bagi industri, impak bagi masyarakat tempatan, impak ke atas ekonomi, impak kepada cara hidup orang tempatan itu, apa dia. Adakah kajian tersebut dibuat? Saya harap kementerian dan juga dengan kementerian yang membentangkan Akta Pendaftaran boleh kerjasama membuat dan memberitahu Dewan ini apa yang ditanya, apa jangkakan *budget* yang akan dibelanjakan untuk projek ini dan juga hasil-hasil kajian yang saya harap sebelum mendapatkan yang mana kajian menunjukkan bahawa projek itu akan berjaya. Maka saya harap projek ini selepas kelulusan ini kena juga *take a break* dan juga menganalisis maka *market research* kena buat dengan betul-betul supaya kita menceburi satu bidang yang bukan satu belanja yang kecil Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan Yang di-Pertua:** Kalau Yang Berhormat....

**Tuan Lee Sing Chooi:** Dengan ini saya berharap ini dibuat dan data-data diberi, dengan ini saya menyokong dengan apa yang akan dibuat oleh kementerian. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Akhirnya sokong juga ya? Sekarang saya menjemput Setiausaha Parlimen atau Timbalan Menteri yang menjalankan kuasa-kuasa Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, untuk menjawab dan menggulung.

**3.07 ptg.**

**Dato' S. Veerasingam:** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Senator-senator yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan dalam meluluskan Rang Undang-undang Syarikat Kapal Layar Antarabangsa Langkawi 2005. Khasnya saya ingin mengucapkan tahniah dan syabas kepada Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Chin Fook Weng yang telah banyak menyumbangkan hujah-hujah beliau semasa beliau berucap selama empat jam.

Apa yang saya nampak dalam ucapan beliau itu, butir-butir dan pendapat beliau itu sangat bernas kepada rang undang-undang ini. Saya ingin memberitahu kepada Dewan yang mulia ini bahawa rang undang-undang ini juga kemudian akan mengadakan Undang-undang Kecil di mana apa sahaja maklumat dan beberapa teguran yang telah diberikan oleh Yang Berhormat itu akan diambil kira dan juga ramai yang telah mencelah, seramai tujuh orang senator telah mencelah dan telah memberi pendapat mereka saya ucapkan ribuan terima kasih kepada semua.

Daripada keadaan di Malaysia, kawasan Langkawi ini adalah satu kawasan yang cukup baik untuk kapal layar. Kita dilindungi oleh Sumatera, Philipines dan lain-lain tempat apabila ada taufan atau angin kuat kita sentiasa dilindungi. Kalau kita tidak menggunakan kawasan yang begitu cantik yang telah diberi oleh Tuhan yang Maha Kuasa, kita membuat satu yang merugikan penduduk-penduduk negara kita.

Saya ucapkan terima kasih kepada pemimpin-pemimpin kita, ucap tahniah kepada pemimpin-pemimpin khasnya Kabinet kita yang telah menasihatkan kita supaya mengadakan satu rang undang-undang di mana kita boleh membawa kapal layar dari seluruh dunia untuk berdaftar di Langkawi, sebab itu kita mengadakan undang-undang ini. Setakat ini apabila disebut hanya ada satu kapal sahaja yang didaftar kerana kita

tidak ada undang-undang di mana mereka suka berdaftar. Undang-undang yang kita buat mestilah sama atau lebih baik daripada undang-undang yang ada di tempat-tepat lain yang menawarkan kemudahan kepada kapal-kapal layar ini.

Maka undang-undang kita yang dibuat adalah supaya kita mempengaruhi kapal-kapal layar yang sedia ada sebanyak 5,000 di seluruh dunia ini datang dan daftar dan kita ada rangkaian berapa yang kita daftar. Setakat ini ada 10 buah yang sedang menunggu supaya apabila rang undang-undang ini diluluskan sahaja, mereka akan terus berdaftar dan ia menjadi satu angka yang lebih besar.

Ini adalah hasrat kerajaan dan apabila syarikat-syarikat ini berdaftar di Langkawi mereka akan menggunakan segala kemudahan yang ada di seluruh negara. Marina-marina yang ada dan juga mereka akan mengibarkan bendera Langkawi di seluruh dunia, ini akan membawa lebih banyak pelancong kepada negara kita. Ini akan bawa keuntungan yang besar kepada negara kita. Sebab itu kerajaan telah merancang supaya kita mengadakan satu undang-undang di mana ia boleh menari lebih banyak kapal layar boleh membawa lebih banyak pelancong-pelancong kepada negara kita sambil itu juga menjana ekonomi yang lain di mana penduduk-penduduk negara kita boleh mengambil bahagian.

Tuan Yang di-Pertua beberapa soalan telah ditimbulkan semasa berhujah dua hari ini, satu daripadanya adalah berkaitan dengan Seksyen 5 rang undang-undang ini di mana pengarah-pengarah syarikat dan program-program latihan yang patut diadakan yang diadakan di bawah Akta Syarikat 65. Sebenarnya Akta Syarikat 1965 tidak paksa supaya kita mengadakan latihan untuk pengarah-pengarah. Jika hanya kita buat *listing* syarikat-syarikat yang buat *listing*, pengarah-pengarah mereka mesti mengikut satu kursus sebelum boleh menjadi pengarah. Bagi kita syarikat....

**Tuan Yang di-Pertua:** Apa sebab Yang Berhormat menjawab dan menggulung dalam masa kita disaksikan pewaris-pewaris kita. Mereka dapat perhatikan bagaimana Yang Berhormat menguasai subjek dan menguasai bahasa.

**Dato' S. Veerasingam:** Terima kasih. Di bawah Akta Syarikat 65 tidak terdapat peruntukan yang wajibkan pengarah-pengarah mengambil kursus ini walau bagaimanapun kita menggalakkan mereka. Begitu juga dalam rang undang-undang ini apabila pengarah-pengarah dilantik nanti mereka adalah yang ada pengalaman, tidak

perlu mereka mengikut kursus-kursus. Yang Berhormat Dato' Chin juga telah menyebut apakah pengaruh budaya apabila kapal layar-kapal layar ini bagaimana orangnya, pakaian dan lain-lain.

Kita memang di Langkawi kita sudah ada undang-undang di negara kita pun kita sudah ada undang-undang di mana kita mesti bersopan-santun budaya kita semua kita ambil kira. Yang penting sekali di negara kita *multi-lingual*, dengan izin, kita boleh bercakap Malaysia, bahasa Cina, bahasa Inggeris, bahasa Melayu, bahasa-bahasa suku kaum dan ini ada banyak tarikan daripada luar negara. Kalau kita pergi negeri German pula kebanyakan mereka hanya cakap German sahaja. Apabila kita bertutur dalam Bahasa Inggeris mereka tidak faham jadi ini menjadi satu tarikan yang besar di negara kita dan kita perlu menjual tarikan ini. Saya minta supaya Senator Lee jangan bimbang wang rakyat tidak akan dibelanja, tidak akan dibazirkan.

Apa yang berlaku di situ adalah syarikat yang didaftarkan di Pulau Langkawi itu akan belanja duit sendiri. Mereka tidak boleh mengambil *shares* daripada orang tempatan sebagai pelaburan untuk membeli kapal-kapal dan lain-lain. Mereka akan membawa kapal mereka sendiri. Apabila orang tempatan apabila mereka nampak begitu lumayan mereka sendiri boleh beli kapal-kapal dan menyertai dalam perniagaan kapal layar ini. Ini bukan satu projek ini adalah satu kuasa pendaftaran syarikat kapal layar yang disebut Langkawi dan di hujung tiap-tiap syarikat itu akan ada perkataan Langkawi disebut di situ.

Yang Berhormat Dato' Chin juga telah pun minta dengan Rang Undang-undang Syarikat apakah aspek-aspek keselamatan jika ada syarikat kapal layar menjalankan kegiatan haram. Fasal 12(c) rang undang-undang ini menyatakan bahawa menteri mempunyai kuasa mengarahkan mana-mana syarikat Langkawi supaya diberhentikan dari menjalankan perniagaannya sama ada dengan serta-merta atau pada masa sebanyak arahan menteri itu.

Manakala berkenaan keselamatan kapal layar perkara ini ditadbir di bawah Akta Pendahuluan Kapal Layar LIYRA 2003 yang menyatakan tentang tanggungjawab untuk memastikan, dengan izin, "*Silver Dinners*". Kalau kita ikut tentang keselamatan keadaan perairan di situ kita ada Tentera Laut yang menjaga kawasan itu dan juga Marin Polis. Kawasan itu adalah satu kawasan yang cukup selamat apabila berlabuh selamat



daripada tiupan taufan atau selamat daripada ancaman daripada lanun dan lain-lain juga.

Satu lagi soalan yang telah ditanya adalah berapa banyak kapal layar yang didaftarkan dalam dua tahun ini. Saya sudah jawab pagi tadi masa mukadimah saya bahawa walaupun satu, sepuluh syarikat sedang menunggu untuk berdaftar dalam di bawah rang undang-undang ini.

Dalam tempoh 2010 kita jangka kita ada 100 buah kapal layar. Kalau kita menyewa 100 buah kapal layar keuntungan yang kita boleh capai adalah USD20 juta dan dalam tahun 2015 kita jangka kita akan mendaftarkan sebanyak 500 buah kapal layar. ini akan membawa banyak faedah kepada negara kita. Satu lagi soalan yang telah ditimbulkan adalah mengapa ada dua LIYRA dan juga undang-undang ini mengapa tidak disatukan dan mengapa kita bazirkan wang dengan mengadakan dua pejabat.

Di bawah LIYRA 2003, Pejabat Pendaftaran mendaftarkan kapal-kapal layar manakala di bawah rang undang-undang ini Pejabat Pendaftaran mendaftarkan syarikat-syarikat kapal layar. Di antara dua ini ada beza jadi kita perlu mengadakan satu entiti iaitu entiti pengurusan untuk menjaga kepentingan syarikat-syarikat ini. Mereka juga ada pengalaman dan mereka boleh bawa syarikat-syarikat kapal layar daripada luar negara untuk berdaftar di Langkawi.

Sebab itulah kabinet berfikir elok kita adakan satu undang-undang di mana kita boleh mengadakan satu entiti pengurusan untuk membuat tawaran kepada dunia kapal layar ini untuk berdaftar di Langkawi. Satu lagi soalan ini juga berapakah hasil dan berapakah anggaran yang kita boleh dapat pendapatan daripada industri kapal layar ini. *Spin-off* apa yang kita boleh menjana dalam ekonomi kita adalah syarikat pembinaan dan pembaikan kapal layar. Kita akan mengadakan syarikat untuk perkara itu, syarikat membekal enjin kapal layar seperti alat komunikasi dan alat ganti, industri pelancongan dan sewaan atau *chartered* kapal layar.

Untuk aktiviti perniagaan sewaan kapal layar contohnya kos sewaan adalah di antara USD8,000 hingga USD10,000 seminggu kos sewa dan ini akan meningkat sehingga USD250,000 jika kapal mewah. Sebuah kapal layar biasanya disewa selama 20 minggu dalam setahun. Bagi kapal layar yang disewa pada kadar USD 10,000

seminggu pendapatan setahun ialah USD200,000 . Jika 100 kapal layar didaftar di Langkawi maka pendapatan dijangka RM20 juta setahun.

Sumbangan kewangan kepada kerajaan pendapatan di pendaftaran kapal layar seperti yang ditentukan di bawah Undang-undang LIYRA 2003 dan Perbadanan Syarikat Kapal Layar yang didaftarkan di bawah rang undang-undang ini adalah mencukupi. Kerajaan tidak perlu belanja lebih banyak untuk mengadakan apa-apa aktiviti lain, sebab prasarana kita sudah ada. Banyak prasarana yang mencukupi yang tidak mencukupi pun kelab-kelab dan juga syarikat-syarikat sendiri akan juga melabur untuk membina prasarana-prasarana lain.

Yang Berhormat juga telah minta tentang *money laundering*. Adakah ini satu-satunya kita menggalakkan dengan adanya undang-undang tidak begitu ketat. Klausula 85 harus dibaca bersama-sama klausula 84 rang undang-undang ini yang sesungguhnya memerlukan, mewajibkan audit terhadap semua akaun, semua syarikat Langkawi. Keperluan audit hanya boleh dikecualikan dalam dua keadaan sahaja iaitu pengecualiannya adalah selaras dengan prinsip, dengan izin, *corporate governance* atau tadbir urus korporat iaitu jika syarikat tidak membuat tawaran kepada awam untuk melanggan *shares* syarikat itu.

Kalau syarikat itu tidak ada orang lain melabur dia duit sendiri dia menjalankan perniagaan dia tidak perlu mengadakan soalan audit. Jika anggota ahli-ahli sendiri membuat resolusi di mesyuarat anggota bahawa audit tidak diperlukan, ia juga boleh diambil kira. Kedua-dua pengecualian ini adalah sesungguhnya selaras dengan prinsip *corporate governance*, ini memang didukung oleh rang undang-undang ini. *Corporate governance* menyentuh hak anggota pemegang saham dan kepentingan awam yang berkemungkinan akan melanggar *shares* syarikat yang membuat pelawaan tawaran untuk melanggan *shares* syarikat itu. Maka jika syarikat itu tidak membuat pelawaan kepada awam seperti pengecualian di bawah Klausula 85(a) maka keperluan audit tidak perlu sama sekali maka inilah rasional keperluan ini.

Begitu juga jika anggota ini sendiri membuat resolusi bahawa akaun pada satu-satu tahun kewangan itu tidak perlu diaudit, maka adalah wajar bahawa pengecualian audit ini dibenarkan. Lebih-lebih lagi rang undang-undang ini mewajibkan akaun-akaun yang perlu disimpan dan bahawa akaun tersebut perlu dibentangkan di mesyuarat

agung adalah selaras dengan prinsip *corporate governance* yang baik. Berkenaan kegiatan *money laundering* di bawah rang undang-undang ini diperuntukkan kuasa pendaftar untuk memperoleh maklumat menjalankan pemeriksaan dan penyiasatan, klausa 8, 9, 10 dan 11 rang undang-undang.

Selain daripada itu, menteri diberi kuasa mengarahkan mana-mana syarikat Langkawi berhenti menjalankan perniagaannya, manakala pendaftar pula mempunyai kuasa menggulung syarikat Langkawi sebagaimana peruntukan Seksyen 217H dan 281M(n). Seterusnya jika aktiviti tersebut dilakukan di Langkawi, maka peruntukan Akta Pencegahan Wang Haram atau Anti Money Laundering Act 2001, Akta 613 akan berkuat kuasa dengan serta-merta.

Satu lagi soalan yang ditimbulkan adalah juruaudit adalah penting kerana perlu ada juruaudit bebas kepada syarikat di bawah rang undang-undang ini. Seorang pengarah bebas perlu duduk sebagai pengerusi jawatankuasa audit, apakah pandangan kementerian, soalan ini juga dikemukakan. Keperluan pengarah bebas (*independent director*) hanyalah diwajibkan terhadap syarikat-syarikat besar yang tersenarai yang menawarkan kepada awam untuk melanggan saham syarikat-syarikat tersenarai tersebut.

Ini adalah kerana kegiatan syarikat-syarikat tersenarai tersebut melibatkan kepentingan awam tetapi di bawah rang undang-undang ini, syarikat kapal layar tidak dibenarkan membuat tawaran kepada awam untuk mendapatkan sumber kewangan, *raise funds from the public*, dengan izin, mereka tidak dibenarkan. Sekatan ini diperuntukkan di bawah Klausa 47 yang menyatakan bahawa tawaran untuk awam melanggan syer syarikat Langkawi hanyalah terhad kepada syer yang membenarkan pelanggannya menikmati kemudahan yang berkaitan dengan aktiviti kapal layar sahaja dan tidak membenarkan syarikat Langkawi mendapatkan sumber kewangan untuk menampung operasi mereka.

Ini bermakna jika seseorang hendak beli syer katakan RM20,000, orang itu hanya naik kapal layar dan satu hari nanti dia kena pusing dunia. Jadi dia beli saham untuk perkara itu sahaja, bukan untuk operasi, tidak boleh membeli saham.

Berkenaan fi bagi juruaudit, Yang Berhormat telah mencadangkan supaya kerajaan menetapkan fi juruaudit kerajaan atau SSM membayar fi juruaudit. Tuan Yang

di-Pertua, fi juruaudit tidak ditetapkan oleh SSM atau kerajaan. Institusi Akauntan Malaysia mengawal selia profesion juruaudit telah menetapkan fi minimum bagi juruaudit di bawah *by-laws subsidiary legislation* di bawah Accountants Act 1967. Apakah rasionalnya rang undang-undang ini, mengapa kita mengehendkan tentang penambahan cawangan syarikat Langkawi, mengapa tidak menubuhkannya di Pulau Pinang, tidak buat di tempat-tempat lain, mengapa hanya di Langkawi sahaja?

Rasional melarang pembukaan cawangan adalah bagi membezakan syarikat Langkawi dengan syarikat-syarikat lain yang diperbadankan di bawah Akta Syarikat 1965. Larangan ini adalah bagi memastikan bahawa di Malaysia, syarikat Langkawi hanyalah beroperasi di Langkawi sahaja tetapi mereka boleh membuka mana-mana cawangan di negara lain. Rejim yang sama terdapat di dalam perundangan pesisir pantai, *offshore*, dengan izin, di Labuan dan adalah merupakan salah satu ciri rejim perundangan pesisir pantai. Ini adalah kerana di bawah *regime offshore*, dengan izin, syarikat akan menikmati kemudahan dalam keperluan pematuhan, *a more liberalized compliance regime*, dengan izin, bagi promosi dalam hal ini agar Malaysia dapat menawarkan kemudahan seperti yang terdapat di lain-lain pusat aktiviti kapal layar di dunia yang kesemuanya berasaskan rejim perundangan syarikat pesisir pantai.

Tuan Yang di-Pertua, Klausula 18(1) rang undang-undang ini menyatakan bahawa pendaftar boleh meluluskan mana-mana orang untuk menjadikan pelikuidasi ataupun dengan izin, *liquidator*. Ini adalah satu soalan yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Dato' Dr. Chin, apakah kriteria yang digunakan sama ada warganegara asing boleh dilantik berkenaan keutamaan pembayaran hutang, siapakah pemiutang yang diberi keutamaan kerana rang undang-undang ini tidak dinyatakan, siapakah orang yang perlu dibayar itu.

Klausula 18 rang undang-undang ini menyatakan bahawa pendaftar diberi kuasa untuk meluluskan seorang pelikuidator, dengan izin, *liquidator*. Dalam hal ini pelikuidator tempatan yang akan diluluskan oleh pendaftar akan kemungkinannya berasaskan kriteria seperti yang diperuntukkan di bawah Akta Syarikat 1965. Manakala bagi pelikuidator asing, kriteria akan berasaskan kelayakan menurut piawaian antarabangsa iaitu berdasarkan dengan izin, *prudential chat and internationally recognized professional qualification*.

Berkenaan keutamaan pembayaran hutang, peruntukannya adalah sebagaimana yang dinyatakan di bawah Akta Syarikat 1965. Rang undang-undang ini telah menyatakan di bawah Klausula 104 bahawa peruntukan Bahagian 8 dan 10, Akta Syarikat 1965 dan Kaedah-kaedah Syarikat Penggulangan 1972 hendaklah terpakai bagi penerimaan dan penggulangan sebuah syarikat Langkawi.

Apakah kebaikan Seksyen 23 undang-undang ini, mengapa perlu ada dua peringkat. Pada pendapat Yang Berhormat Dato' Dr. Chin ini akan membazir masa dan tenaga. Klausula 23 mesti dibaca bersama Klausula 22 yang membenarkan syarikat asing yang diperbadankan di luar negara untuk berpindah *domicilinya* ke Langkawi. Oleh yang demikian, perlu ada tapisan terlebih dahulu oleh pendaftar untuk memastikan ciri dan status syarikat tersebut dan perundangan negara ini di mana ia diperbadankan.

Setelah pendaftar berpuas hati, barulah ia boleh dipindahkan *domicilinya* ke Langkawi dan ia akan menikmati status sebagai sebuah syarikat Langkawi, seolah-olah ianya diperbadankan di bawah Akta Rang Undang-undang ini. Itu sebab diambil masa selama enam bulan itu kita ada satu *period* di mana kita dapat mengkaji tentang perkara-perkara ini.

Satu lagi soalan yang telah ditimbulkan adalah berkaitan dengan Klausula 27 (2)(a) berkenaan pendaftaran pemerbadanan tentang nama-nama syarikat tidak difahami dan bahawa Klausula 27 memperkatakan LGK. Seterusnya Klausula 21 tidak menyatakan garis panduan nama-nama yang ditolak dan tiada peruntukan tentang rayuan. LGK sebenarnya adalah *short form for* Langkawi, dengan izin. Dan sesiapa jika ditolak, jika nama itu ditolak, mereka boleh membuat rayuan kepada menteri dan menteri ada kuasa untuk meluluskan nama yang mereka pohon itu.

Kadangkala sudah ada syarikat dengan nama yang sama di mana kita terpaksa menolak. Kadangkala dia memberi satu nama yang boleh menghina sesuatu kaum di dunia, maka kita perlu menolak permintaan seperti itu. Sebab itu kita ada klausula itu tetapi ada kuasa kepada menteri untuk memberi kelulusan kemudian.

Lagi satu soalan yang telah dikemukakan, mengapa Klausula 6 melarang syarikat Langkawi menjalankan apa-apa perniagaan dengan pemastautin Malaysia selain daripada ekuiti yang dinyatakan di bawah Klausula 6(4). Ini adalah satu aktiviti kapal layar sahaja. Semua perniagaan adalah berkaitan dengan kapal layar. Rasional Klausula 6 ini

adalah untuk memastikan had aktiviti perniagaan yang dijalankan oleh syarikat Langkawi supaya ia terhad kepada aktiviti perniagaan yang berkaitan kapal layar sahaja. Ini adalah kerana rejim perundangan pesisir pantai, dengan izin, *offshore regime* yang dinikmati oleh syarikat Langkawi agar tidak dikelirukan dengan syarikat-syarikat yang diperbadankan di negara ini di bawah Akta Syarikat 1965. Ini adalah juga satu kaedah bagi memastikan kejayaan mempromosikan Langkawi sebagai pusat perniagaan berkaitan aktiviti kapal layar di rantau ini.

Yang Berhormat Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir juga telah mencelah dan dia telah menyoal bagaimana syarikat-syarikat boleh ditubuhkan tanpa memerlukan juruaudit dengan tidak menitikberatkan aspek ini akan mewujudkan isu keselamatan dan menghalang pelancong ke Langkawi. Rang undang-undang ini mewajibkan pelantikan juruaudit di bawah Klausula 84 seperti yang akan dijelaskan sebentar lagi. Nampaknya pengecualian di bawah Klausula 85 yang tidak bertentangan dengan prinsip *corporate governance*. Pengecualian ini adalah insentif yang diberi untuk mempromosikan Langkawi yang juga selaras atau wujud di perundangan sama di lain-lain pusat aktiviti kapal layar seperti di Cayman Islands, Gibraltar Bahamas dan juga British Virgin Islands. Jadi undang-undang yang kita buat itu adalah serupa dengan undang-undang yang ada di tempat-tempat lain. Marina-marina awam yang telah dibina di lokasi-lokasi strategik di mana kapal layar-kapal layar ini boleh melabuh, boleh mengambil bahagian, boleh juga buat lawatan dan dengan cara itu boleh juga mempercepatkan perniagaan pelancong di kawasan-kawasan di Kuala Kedah, Batu Uban (Pulau Pinang), Church Street pier (Pulau Pinang), Pulau Pangkor, Muar (Johor), Tanjung Gemok dan Pulau Tioman. Marina-marina yang akan dibina adalah di Pelabuhan Klang, Melaka, Tanjong Pengelih, Johor dan Wilayah Persekutuan Labuan.

Marina-marina ini akan memberi satu kemudahan yang selamat dan selesa untuk kapal layar singgah di Malaysia. Pada kebiasaannya marina-marina dibina dengan pemecah ombak supaya kapal layar selamat berlabuh. Selain daripada menyediakan kemudahan yang selamat, kemudahan utiliti seperti bekalan air tawar, bekalan elektrik, pembuangan sampah dan sisa minyak terpakai terus disediakan. Marina-marina di Malaysia mempunyai sistem kawalan keselamatan dan pasukan keselamatan yang

bertanggungjawab untuk memastikan agar semua kapal layar dilindungi daripada apa-apa tindakan jenayah termasuk pencerobohan.

Di perairan Malaysia pula, pihak berkuasa termasuk polis marin bertanggungjawab menjaga keselamatan perairan Malaysia. Agensi penguat kuasa maritim Malaysia akan beroperasi pada November 2005 turut menyumbang ke arah memastikan keselamatan perairan Malaysia dan Jabatan Laut juga sedang memuktamadkan satu laluan khas, rutin sistem untuk kapal layar yang belayar di perairan Malaysia bagi membolehkan agensi penguat kuasa memastikan keselamatan kapal layar adalah lebih terpelihara.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Tuan Ismail bin Kasim juga telah menyoal siapakah yang membiayai kemudahan prasarana yang telah dibuat di Langkawi sama ada kerajaan atau pihak swasta. Pejabat pendaftaran kapal layar yang telah diwujudkan di Langkawi ini di bawah Akta Pendaftaran Kapal Layar Antarabangsa Langkawi 2003 dibiayai oleh Kementerian Pengangkutan Malaysia. Maka, kebanyakan undang-undang ini akan digunakan oleh Kementerian Pengangkutan Malaysia dan kementerian saya akan menentukan ia dijalankan dengan baik sebagai satu syarikat yang bertanggungjawab dan kementerian saya melalui Suruhanjaya Syarikat Malaysia akan menentukan segala aspek undang-undang ini dikuatkuasakan dan juga akan menentukan bahawa undang-undang ini diguna pakai dengan baik dan membawa seberapa banyak syarikat-syarikat kapal layar untuk berdaftar di Pulau Langkawi. Dengan cara ini kita boleh mengembangkan perniagaan kapal layar ini.

Kita bukan orang baru. Tadi Senator Tuan Hassan bin Haji Shukri ada sebut tentang "Rajula" and "State of Madras". Yang Berhormat, saya tidak kenal kedua-dua kapal ini kerana saya pergi India baru lima tahun dahulu sahaja. Sebelum itu tidak pernah pergi India sebab bapa saya lahir di sini, emak kepada bapa saya lahir di dalam negara ini. Kita datang barangkali dalam masa 1856 ke negara ini dan kita tidak ada saudara mara di India. Saya hanya ada sebuah negara sahaja, Malaysia sahaja. Sebab itu saya tidak kenal kapal "Rajula" dengan "State of Madras". Ada ramai macam itu, Tuan Yang di-Pertua, yang tinggal di sini: "Di mana bumi dipijak, di situ langit dijunjung". Saya ucapkan ribuan terima kasih kepada semua senator yang mengambil bahagian dalam....

**Tuan Lee Sing Chooi:** Tuan Yang di-Pertua, minta penjelasan.

**Dato' S. Veerasingam:** Ya.

**Tuan Lee Sing Chooi:** Terima kasih. Apa yang saya cakapkan tadi, saya harap akan dapat diambil kira dan juga jangkaan yang optimistik yang diberi oleh kementerian tadi adalah sangat optimistik; lima tahun dan sepuluh tahun. Ini adalah satu berita yang baik. Saya hendak tahu Tuan Yang di-Pertua apakah asas-asas jangkaan bilangan pendaftaran itu yang optimistik itu dibuat? Terima kasih.

**Dato' S. Veerasingam:** Tuan Yang di-Pertua, saya telah sebutkan *climatical conditions* di Malaysia; orangnya, kebudayaannya yang pandai bertutur beberapa bahasa dan *the willingness to work of the Malaysian people*, dengan izin. Mereka bersedia untuk bekerja dan kita merdeka tahun 1957, kalau kita bandingkan dengan negara-negara yang merdeka pada masa itu, Malaysialah sebuah negara yang begitu pesat maju kerana penduduknya, perpaduan yang ada dalam negara kita yang kita sanggup bekerja, ini akan membawa kejayaan kepada negara kita.

Saya ucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator dan kita sama-sama akan menentukan syarikat kapal layar ini akan berjaya. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-Ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Tuan Yang di-Pertua ***mempengerusikan Jawatankuasa***]

Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa.

**Fasal-fasal 1 hingga 127** diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

**Jadual** diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.



Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

## **RANG UNDANG-UNDANG KETERANGAN MAHKAMAH SYARIAH (WILAYAH-WILAYAH PERSEKUTUAN) (PINDAAN) 2005**

### **Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

**3.40 ptg.**

**Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu bahawa rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Keterangan Mahkamah Syariah (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1997 dibacakan kali yang kedua sekarang.

**Tuan Yang di-Pertua:** Diminta Yang Berhormat memberikan huraian.

**Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim:** Tuan Yang di-Pertua, kerajaan telah bersetuju untuk menyeragamkan undang-undang Islam di seluruh Malaysia. Justeru itu Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan Jabatan Peguam Negara (JPN) telah menyediakan suatu model undang-undang Keterangan Mahkamah Syariah yang seragam untuk diterima pakai di seluruh Malaysia. Pada 9 Februari 2000, majlis jemaah menteri telah bersetuju supaya model undang-undang Keterangan Mahkamah Syariah diseragam dan dibentangkan di mesyuarat Majlis Raja-raja Melayu.

Pada 22hb Mac 2001, Mesyuarat Majlis Raja-raja Melayu Kali ke-188 telah memperkenan penyeragaman undang-undang Keterangan Mahkamah Syariah di seluruh Malaysia. Bagi merealisasikan penyeragaman undang-undang tersebut di Wilayah-Wilayah Persekutuan, Jabatan Peguam Negara telah membuat semakan dan perbandingan antara Akta Keterangan Mahkamah Syariah (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1997 [Akta 561] dengan model undang-undang Keterangan Mahkamah Syariah yang telah disediakan.

Jabatan Peguam Negara mendapati tiada banyak perbezaan antara model undang-undang seragam dengan [Akta 561] tersebut. Oleh yang demikian, Jabatan Peguam Negara telah mencadangkan supaya [Akta 561] diselaraskan dengan model undang-undang seragam dengan cara membuat pindaan. Adalah wajar pindaan dibuat

terhadap Akta Keterangan Mahkamah Syariah (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1997 bagi menyelaraskannya dengan model undang-undang seragam kerana ia tiada banyak perbezaan di antara kedua-dua undang-undang tersebut. Pindaan-pindaan yang dicadangkan di dalam Rang Undang-Undang Keterangan Mahkamah Syariah (Wilayah-wilayah Persekutuan) (Pindaan) 2005 adalah seperti berikut;

- (a) Fasal 1 mengandungi tajuk ringkas akta yang dicadangkan iaitu Akta Keterangan Mahkamah Syariah (Wilayah-wilayah Persekutuan) (Pindaan) 2005.
- (b) Fasal 2 ialah pindaan am untuk menggantikan perkataan di dalam Akta Ibu, teks bahasa Inggeris di mana-mana terdapat di dalamnya. Kecuali dalam takrif "*Administration Act*" dalam subseksyen 3(1), perkataan *Islamic Law* dengan perkataan 'Hukum Syarak'. Manakala dalam teks bahasa kebangsaan dengan menggantikan perkataan 'prosedur' di mana-mana jua terdapat dengan perkataan "tatacara". Pindaan ini adalah untuk menyeragamkan penggunaan istilah.
- (c) Fasal 3 untuk menggantikan takrif "Hukum Syarak" dalam subseksyen 3(1) Akta ibu dengan memasukkan takrif baru "Hukum Syarak".
- (d) Fasal 4 bertujuan untuk meminda Seksyen 76, Akta ibu teks bahasa Inggeris dengan memotong perkataan "*to*" yang terdapat selepas perkataan "*evidence of any*".
- (e) Fasal 5 bertujuan untuk meminda subseksyen 83(1) Akta ibu teks bahasa Inggeris dengan memasukkan koma (,) selepas perkataan "adil".
- (f) Fasal 6 bertujuan untuk meminda subseksyen 97(2) Akta ibu teks bahasa Inggeris dengan menggantikan perkataan "*cross-examination*" dengan perkataan "*cross-examining*".
- (g) Fasal 7 bertujuan untuk meminda subseksyen 130(2), Akta ibu dengan subseksyen (2) yang baru. Pindaan ini bertujuan untuk menjelaskan bahawa Hukum Syarak akan dipakai jika terdapat apa-apa lakon atau ketidakselarasan dalam Akta ibu.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Bolehkah Yang Berhormat memberitahu sebagai kesimpulan apakah kesan ataupun efek kalau pindaan-pindaan ini pada keadaan yang sedia ada.

**Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim:** Antaranya Tuan Yang di-Pertua, ia akan memudahkan terutama di dalam undang-undang kekeluargaan daripada satu negeri ke satu negeri jika berlaku penceraian, ia akan memudahkan proses-proses mahkamah.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya harap Yang Berhormat ambil maklum perkara ini.

**Timbalan Menteri Pengangkutan [Datuk Douglas Uggah Embas]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-Ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Keterangan Mahkamah Syariah (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1997 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Tuan Hassan bin Haji Shukri silakan.

**3.45 ptg.**

**Tuan Hassan bin Haji Shukri:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, dan terima kasih kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen yang telah membentangkan akta pindaan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat ...

**Tuan Hassan bin Haji Shukri:** Akta ini seperti yang disebutkan..

**Tuan Yang di-Pertua:.....**kalau saya diizinkan ganggu Yang Berhormat sebentar. Saya bertanya kepada Yang Berhormat tadi mempunyai maksud yang tersirat iaitu saya harapkan perbahasan mengenai rang undang-undang ini dikhususkan kepada perkara yang dihuraikan oleh Yang Berhormat kerana apabila rang undang-undang begini rupa dibentangkan dalam Dewan-dewan kerap juga polemik mengabui keadaan. Jadi, biarlah sebagai sumbangan kita kepada soal perundangan, mengambil kira apa yang dihuraikan oleh Yang Berhormat tadi, supaya jangan polemik mengabui keadaan. Sekian.

**Tuan Hassan bin Haji Shukri:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Insya Allah saya akan cuba mengelakkan di atas perbahasan Akta Keterangan Mahkamah Syariah (Wilayah-wilayah Persekutuan) (Pindaan) 2005 ini. Yang pertama Tuan Yang

di-Pertua, saya hendak menyokong pindaan-pindaan yang telah dibuat, jadi tidak timbullah saya ingat polemik kerana saya sokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Bukan polemik itu salah, kadang-kadang terlalu banyak polemik hilang maksud yang sebenarnya.

**Tuan Hassan bin Haji Shukri:** Insya Allah, saya akan kurangkan seboleh mungkin. Tuan Yang di-Pertua, saya lihat pindaan-pindaan yang dicadangkan ini kebanyakannya berkaitan dengan istilah-istilah yang digunakan. Sebagaimana yang telah disebutkan tadi bahawa tujuan pindaan ini ialah untuk menyeragamkan undang-undang ataupun enakmen-enakmen yang ada di negara kita ini dan ianya tentu Wilayah Persekutuan-Wilayah Persekutuan yang lebih ke hadapan daripada negeri-negeri yang lain yang mengamalkan enakmen-enakmen syariah negeri-negeri masing-masing ataupun enakmen perundangan syariah di negeri masing-masing.

Tuan Yang di-Pertua, tetapi oleh kerana pindaan-pindaan ini walaupun ianya menyentuh persoalan istilah dan istilah itu sendiri mempunyai pengertian-pengertian yang mungkin berlainan misalnya perkataan *Islamic Law* dengan Hukum Syarak mungkin ada perbezaan daripada istilah itu ataupun hasil dari pindaan istilah itu ianya akan menimbulkan suatu takrifan yang berlainan daripada *Islamic Law* dengan Hukum Syarak dan dengan sebab itulah saya sekali gus menyokong juga pindaan yang telah dicadangkan ini iaitu pindaan ke atas Akta ibu 1997 iaitu [Akta 561] di mana dalam takrif Akta ibu bahawa Hukum Syarak yang dimaksudkan Hukum Syarak itu ertinya ialah mengikut mana-mana mazhab yang diiktiraf. Dalam Akta ibu tidak menyebutkan apakah mazhab-mazhab yang diiktiraf. Ini barangkali menimbulkan kesulitan kepada peguam-peguam dan hakim-hakim Mahkamah Syariah apabila timbul persoalan-persoalan yang dihadapi kepada mereka kerana di dalam negara kita ini ada beberapa rakyat negara kita ini mengamalkan beberapa mazhab. Orang Melayu misalnya kebanyakannya mazhab Syafie, orang India, India Muslim dan juga Pakistan mengamalkan mazhab Hanafi.

Negeri Perlis, maaf Tuan Yang di-Pertua, dia agak berbeza sedikit, ia mengamalkan apa yang dipanggil saya panggil Salafi, amalkan maknanya negeri Perlis mengamalkan barangkali di dalam Enakmen Pentadbiran Hukum Islam Negeri Perlis banyak mengambil roh ataupun semangat daripada Ahli Sunnah-waljammah dan ianya

lebih mirip kepada yang dikatakan oleh ulama'-ulama' Islam ataupun ahli-ahli undang-undang Islam sebagai golongan Salafi, mereka hanya berlandaskan kepada Al-Quran dan Hadis ataupun Al-Quran dan Sunah.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ungkapan yang digunakan selalu ialah tidak terikat kepada mana-mana mazhab.

**Tuan Hassan bin Haji Shukri: Ya.** Ataupun, saya sebenarnya hendak sambung, Tuan Yang di-Pertua - Ataupun negeri Perlis dia tidak terikat kepada mana-mana mazhab. Dia tidak terikat kepada Mazhab Shafie, tidak terikat kepada Mazhab Hanafi, tidak terikat kepada Mazhab Maliki dan juga tidak terikat kepada Mazhab Hambali, apalagi aliran Syiah.

Tuan Yang di-Pertua, apabila kita menyebutkan tarif yang baru iaitu hukum syarak itu ertinya tarif yang baru ialah mengikut hukum-hukum Mazhab Syafie, Mazhab Maliki, Mazhab Hanafi dan juga Mazhab Hambali.

**Dato' Dr. Chin Fook Weng:** Saya minta laluan tentang isu ini kerana saya juga berminat menanya sama ada oleh kerana tidak ada satu keterangan yang sebenar dan kita sekarang memerlukan satu lagi definisi berasaskan kepada hukum syarak. Oleh yang demikian adakah pada pendapat Yang Berhormat Tuan Hassan bin Haji Shukri itu adalah lebih baik kalau kita kekalkan perkataan lama iaitu *Islamic law* dalam teks bahasa Inggeris. Adakah lebih baik, mungkin tidak membawa banyak pertikaian sama ada kita ikut mazhab ini, mazhab itu dan sebagainya. Adakah itu mungkin lebih baik? Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya tambah di sini kerana masalah di hadapan ialah masalah, dengan izin, *jurisprudence*. Adakah kupasan dengan pendekatan mazhab itu betul-betul terdapat pembahagian yang nyata mengenai interpretasi dalam soal-soal *jurisprudence* daripada satu mazhab ke satu mazhab.

**Tuan Hassan bin Haji Shukri:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Dr. Chin Fook Weng yang telah turut sama walaupun beliau bukanlah orang yang beragama Islam tetapi saya sahabat beliau banyak saya membekalkan kepada beliau benda-benda yang berkaitan dengan syariah inilah. Baru-baru ini saya telah bekalkan kepada hampir.....

**Tuan Yang di-Pertua:** Adakah Yang Berhormat sebut tadi dia sahabat saya walaupun dia bukan Islam.

**Tuan Hassan bin Haji Shukri:** Sahabat.

**Tuan Yang di-Pertua:** Noktah itu dia sahabat saya noktah. Tidak ada walaupun dia bukan orang Islam.

**Tuan Hassan bin Haji Shukri:** Tetapi saya ingat kenyataan itu adalah kenyataan tepat dan benar. *[Ketawa]* Tuan Yang di-Pertua, sebab itulah sebelum ini pada sesi yang lalu, saya telah menghadihkan kepada semua sahabat-sahabat yang beragama Kristian, Hindu dan Buddha sebuah terjemahan Al-Quran. Tujuan saya sebenarnya ialah untuk mendekatkan pandangan, mungkin kita tidak berbanyak-banyak berbeza, ada perkara-perkara yang kita boleh lihat bersama untuk menjinakkan hati kita ini supaya kita melihat yang baik itu adalah sebagai satu perkara yang baik.

Balik kepada perbincangan ini, Tuan Yang di-Pertua, tadi saya telah menyebutkan bahawa tarif yang baru ini dinyatakan dengan secara jelas. Mazhab-mazhab yang diiktiraf, tadi diiktiraf sahaja. Ini mungkin boleh menimbulkan apabila berlaku pendakwaan dalam tatacara pendakwaan dan apabila Peguam Syarie membawa kes ini dan dia mewakili, sebab peguam ini dia mewakili anak guaman dia. Yang diwakili misalnya seorang yang bermazhab Hanafi.

Dia membawa hujah-hujah, keterangan-keterangan yang berlandaskan, yang berasaskan kepada Mazhab Hanafi. Oleh yang demikian, apabila perkara ini dimasukkan dalam tarif dan hakim mengetahui pula bahawa orang yang membawa kes ini bermazhab Hanafi, mungkin memberikan kemudahan kepadanya untuk memutuskan di mahkamah itu berlandaskan kepada aliran ataupun pandangan Mazhab Hanafi. Itu sahaja, saya ....

**Tuan Ismail bin Kasim:** Mohon laluan.

**Tuan Hassan bin Haji Shukri:** Terima kasih.

**Tuan Ismail bin Kasim:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Tuan Hassan bin Haji Shukri. Dalam persidangan ulama di Jordan baru-baru ini telah dibuat satu resolusi ataupun ketetapan bahawa perpecahan dan juga masalah besar di kalangan umat Islam di seluruh dunia sekarang ini telah disebabkan oleh

penganut ataupun perbezaan mazhab yang dianuti oleh umat Islam dipelbagai negara ini. Apa pandangan Tuan Hassan bin Haji Shukri berhubung perkara ini?

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat boleh jawab tetapi tumpukan kepada perbezaan menjuruskan kepada *jurisprudence*. Dalam bahasa Arab apanya? *Fiq. Jurisprudence* dalam bahasa Arab, dalam bahasa Arab apakah diterjemahkan *jurisprudence*? Yang Berhormat.

**Tuan Hassan bin Haji Shukri:** Syariah ataupun penghakiman. Baik, terima kasih atas yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat. Memanglah tetapi saya memakai apa yang telah dinasihatkan oleh Baginda S.A.W walaupun setengah Ahli Hadis menyebutkan bahawa nasihat itu adalah hadis yang dhoif tetapi ianya sebagai sandaran untuk menerima nasihat itu adalah baik iaitulah [*Bercakap dalam bahasa Arab*] Dia kata, [*Bercakap dalam bahasa Arab*] perselisihan pendapat di antara umat Ku itu adalah rahmat.

Memang ianya menjadi rahmat di mana apabila pendapat-pendapat daripada mazhab-mazhab ini pun mempunyai sandaran yang kuat. Semua mazhab ini sandaran adalah:

- (i) dasarnya, asasnya ialah Al-Quran, itu tidak berbeza;
- (ii) As-Sunnah; dan
- (iii) Ijmak. Sama ada Ijmak itu, Ijmak sahabat atau disebut dalam istilah perundangan Islam ataupun fikah Islam dikatakan dia itu Ijmak Syahabi.

**Tuan Yang di-Pertua:** Jadi, apa respons Yang Berhormat kepada yang diperkatakan oleh Tuan Ismail bin Kasim tadi?

**Tuan Hassan bin Haji Shukri:** Saya sudah jawab. Sama ada [*Bercakap dalam bahasa Arab*] Walaupun iktilab itu ada tetapi ianya adalah merupakan satu rahmat cuma oleh kerana tidak faham. Saya rasa yang timbul ketegangan ini ialah kerana tidak memahami di antara satu dengan yang lain. Saya hendak bagi contoh, sebenarnya saya ingat Kerajaan Malaysia pun dalam undang-undang tanah, aturan tanah.

Dia mengambil yang diamalkan sekarang ini ialah pandangan Imam Hanafi ataupun Mazhab Hanafi. Dalam Mazhab Syafie menyebutkan sesiapa yang membuka tanah, tanah itu adalah hak miliknya. Siapa yang datang mencero boh ke atas tanahnya

itu, dia boleh potong kepalanya sampai diharuskan oleh Syafie begitu. Tetapi ini ialah kerana Imam Syafie apabila dia daripada Yaman pergi ke Baghdad dia melihat padang pasir yang begitu luas, maka dia berpendapat bahawa siapa yang buka tanah itu, maka tanah itu milik dialah.

Berbeza dengan Imam Hanafi, ini contoh sahajalah. Berbeza dengan Imam Hanafi dia tinggal di bandar Baghdad dan masjidnya di Baghdad sekarang ini di pinggir Sungai Daijilah yang jambatan, dekat jambatan itu sudah dibom oleh Amerika pada krisis Perang Teluk itu hari. Hanafi dia melihat oleh kerana rumah-rumah rakyat begitu sesak di antara bandar Baghdad dengan Samarak. Samarak ini kira-kira 120km, *Baghdad* ke Samarak itu lebih kurang 120km, naik teksi satu jam setengahlah.

Jadi, Hanafi berpendapat bahawa rakyat ataupun mana-mana orang boleh membuka tanah tetapi hendaklah dengan kebenaran imam. Imam itu maknanya kerajaanlah. Ini bermakna pandangan Mazhab Hanafi lebih sesuai dari jika dibandingkan dengan pendapat Imam Syafie ialah kerana suasana, macam kita bahas Langkawi tadi. Kalau Langkawi terlampau besar Akta Langkawi mungkin satu rang undang-undang baru akan dibentangkan berkaitan dengan soal bagaimana tempat kediaman Langkawi ini.

Perbezaan-perbezaan inilah yang dikatakan ianya satu rahmat. Jadi, kita melihat bahawa Islam itu adalah suatu ataupun pemikir-pemikir Islam ini melihat sesuatu itu berlandaskan kepada suasana dan keadaan semasa, selama ianya tidak bercanggah dengan kehendak Al-Quran, Sunah Rasul S.A.W. Itu yang pertama asasnya. Apa pun pemikiran, apa pun mazhab kerana disebut sini Mazhab Syafie, Maliki, Hanafi dan Hambali.

Keempat-empat mazhab ini bersetuju bahawa asas undang-undang yang mereka buat adalah bersandarkan kepada Al-Quran, sunnah, ijmak dan qias ataupun ijtihad. Di dalam Islam ini apa pun asasnya mestilah Al-Quran. Ini bermakna hukum syarak yang hendak dijalankan itu mestilah bersandarkan kepada Al-Quran, sunnah, ijmak dan qias.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya mohon ganggu sebentar Yang Berhormat, Ahli-ahli Yang Berhormat mengikut peraturan Mesyuarat 63 dengan ini saya memohon



menjemput Yang Berhormat Datuk Haji Karim Ghani mempengerusikan Majlis Mesyuarat Dewan Negara selanjutnya.

[Datuk Haji Karim Ghani *mempengerusikan Mesyuarat*]

**Datuk Haji Karim Ghani:** Teruskan Yang Berhormat Senator Hassan bin Haji Shukri.

**Tuan Hassan bin Haji Shukri:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih, tadi saya telah menyebutkan tentang undang-undang tanah ataupun kanun tanah yang diamalkan, yang dipakai oleh sebahagian negara dalam dunia ini terutama sekali saya melihat undang-undang Perancis. Undang-undang Perancis kebanyakannya mengambil daripada fikah Mazhab Maliki. Mazhab Maliki juga banyak membahaskan soal-soal yang demikian, jadi saya hendak sebut di sini bahawa hukum syarak itu tidak kekurangan tempat rujukannya. Saya hendak bagi contoh lagi Tuan Yang di-Pertua walaupun barangkali ini tidak banyak kaitannya dengan persoalan perundangan tetapi ianya merupakan suatu amalan sahaja, suatu ibadah sahaja ataupun ianya juga sangkut paut dengan kitalah.

Saya ingat kalau Tuan Yang di-Pertua Dewan tadi masa ada dia pun suka dengan pandangan saya iaitu perselisihan di antara mazhab sama ada orang lelaki menyentuh perempuan batal ataupun tidak batal wuduknya? Ini ada perbahasan di sisi Mazhab Syafie batal, di sisi Mazhab Hanafi tidak batal dan begitu juga *based* dari segi amalannya yang ada mazhab rasmi di Perlis ataupun di Perlis yang tidak ada mazhab ini dia juga tidak batal. Apakah mereka ini yang berpendapat ini tidak berasaskan kepada Al-Quran? Saya jawab asasnya juga kepada ayat Al-Quran cuma tafsirannya berbeza. Kedua-duanya mengambil [*Membaca sepotong ayat Al-Quran*] tetapi perkataan [*Membaca sepotong ayat Al-Quran*] itu Mazhab Hanafi dia mentafsirkan [*Membaca sepotong ayat Al-Quran*] kalau kamu bersetubuh dengan perempuan baru batal.

Tetapi Hanafi kata sentuh begini pun sudah batal, mazhab Hanafi diperkukuhkan dengan amalan yang telah dibuat, yang telah berlaku kepada Baginda s.a.w. Satu ketika Rasulullah sembahyang, sembahyang entah macam mana ialah dahulu tidak elektrik ya, isteri dia Saidatul Nisa' gagau-gagau dia tergagau kaki, terkena kaki dia Rasulullah sembahyang juga. Ini mazhab saya hendak sebut mazhab sealiran yang

dipakai rasmi di negeri Perlis ini saya ingat dia tidak batal ya. Barangkali Yang Berhormat dia tidak pakai yang itu.....

**Datuk Haji Karim Ghani:** Yang Berhormat Tuan Hassan,

**Tuan Hassan bin Haji Shukri:** Ya.

**Datuk Haji Karim Ghani:** Bukankah dia ini dalam Mazhab Hanafi dia tidak batal kalau orang yang sudah halal umpamanya isteri yang sudah di nikah tetapi kalau orang lain? Batal juga.

**Tuan Hassan bin Haji Shukri:** Tidak Hanafi dia tidak batal semua itu. Yang Berhormat, itu ada lagi taksiran lagi, ada kata dengan isteri dia banyak pandangan. Dia dengan isterinya sahaja tapi dengan orang lain tetap juga batal.

Tuan Yang di-Pertua ini contoh-contoh saya hendak gambarkan bahawa Islam itu satu agama yang mudah, bukan dia susah sangat ya, saya minta maaflah kepada sahabat-sahabat yang bukan beragama Islam supaya melihat contoh-contoh gambaran-gambaran ini dengan jelas dan melihat bagaimana luasnya ahli-ahli fikir ataupun ahli undang-undang itu meletakkan sesuatu asas. Tuan Yang di-Pertua, itu dari segi saya kata tidak membatalkan wuduk, saya ambil sedikit-sedikit untuk menjimatkan waktu.

Tuan Yang di-Pertua, tali perundangan Islam ini dia meletakkan beberapa kaedah, beberapa asas bagi menentukan sesuatu perkara. Di antara kaedah-kaedah yang digunakan dan ini biasa digunakan di mana-mana saya ingat dia kata, [*Membaca sepotong ayat Al-Quran*] sesuatu yang tidak sempurna oleh yang wajib, saya pakai bahasa lama sedikit, sesuatu yang tidak sempurna oleh yang wajib maka ianya juga adalah wajib. Ini dia berkembang sampai pada bila-bila masa misalnya.

Di dalam Islam seseorang yang hendak sembahyang mestilah menutup aurat, aurat ini bezalah lelaki dan perempuan saya tidak hendak terang soal aurat lelaki dan perempuan tetapi tutup aurat. Menutup aurat ini saya bagi contoh misalnya kalau zaman kita ini mestilah dengan kain.

Maka mengadakan kain itu juga adalah hukumnya wajib kerana menutup aurat itu wajib untuk menutup aurat itu mesti ada kain maka kain itu juga hukumnya adalah wajib. Untuk ada kain itu misalnya mesti ada orang yang mengadakan dalam dunialah bukan Malaysia sahaja ladang-ladang kapas maka dari segi hukumnya mengadakan ladang kapas itu juga adalah hukumnya wajib. Ladang kapas sahaja ada, kilang hendak

buat kain tidak ataupun memproses kapas itu tidak ada maka kilang memproses kapas itu juga dari segi pandangan Islam hukumnya adalah wajib sampai begitu. Tuan Yang di-Pertua, ini adalah gambaran-gambaran, contoh-contoh bagaimana kaedah perundangan Islam itu berlaku.

Selain daripada itu misalnya kalau ada kerosakan kita ada dua kepentingan, kita hendak buat, tadi kalau bahas pasal akta saya hendak masukkan dalam itu tadi Langkawi ini. Kita hendak ambil manfaat, hendak cari manfaat hendak cari keuntungan tetapi di situ akan berlaku kerosakan, kerosakan masyarakat, sosial dan sebagainya jadi ulama-ulama perundangan Islam ini dia meletakkan sesuatu asas untuk menjadi sandaran membiarkan kita berfikir. Dia kata [*bercakap dalam Bahasa Arab*] Menolak kerosakan itu lebih utama dari mendapatkan *masalkin* itu maknanya kepentingan, kaedah, jadi kalau ada dua maka tutup kerosakan itu dahulu jangan kita dahulukan untuk mencari keuntungan. Ini kaedah-kaedah yang digunakan oleh Ahli-ahli Perundangan Islam.

Dalam akta pindaan kita ini yang saya sentuh tadi ialah mengenai pindaan ke atas takrif pindaan Seksyen 3 yang dahulunya tidak disebutkan tentang takrif hukum syarak dan memasukkan perkataan-perkataan mengikut mana-mana satu mazhab, Syafie, Hanafi, Maliki dan juga Hambali dahulu tidak dimasukkan tetapi sekarang dimasukkan. Ini bukanlah suatu perkara yang boleh menyekat sebenarnya, saya mengharapkan dengan pindaan ini lebih menjelaskan lagi perjalanan perundangan Islam itu terutama sekali bagi mereka yang mengendalikan misalnya peguam sebab yang ada kaitan dengan pindaan Tatacara ini ialah peguam dan juga hakim-hakim Mahkamah Syariah itu dan bagaimana mereka hendak menubuhkan hujah-hujah dan alasan-alasan apabila ada sesuatu aduan ataupun tuntutan yang dikemukakan oleh pihak-pihak yang bertelingkah di antara satu dengan yang lain.

Sebab itulah di katakan tadi tujuan utamanya ialah hendak menyeragamkan undang-undang keluarga di seluruh negara terutama sekali di Wilayah Persekutuan dan undang-undang ini pun hanya terpakai buat sementara ini hanya terpakai di Wilayah-wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan. Mungkin masih ada perbezaan-perbezaan antara akta keterangan Mahkamah Syariah Wilayah-Wilayah Persekutuan 1997 ini dengan akta keterangan Mahkamah-mahkamah Syariah Negeri-

negeri mungkin ada beza dan kita mengharapkan supaya suatu pindaan yang menyeluruh yang kemudiannya akan dibawa ke dalam Dewan-dewan Undangan Negeri supaya akta itu dipinda ataupun kalau sekiranya ianya hanya sebagai suatu peraturan, peraturan itu diperbaiki dari masa ke semasa.

Tetapi oleh kerana Wilayah Persekutuan ini terletak di bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong maka dengan sebab itulah sebarang apa jua perkara yang mengenai Syariah Islam mestilah dibawa ke dalam Dewan Rakyat dan juga mestilah diluluskan oleh Dewan Negara sebelum ianya diangkat kepada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu tadi dikatakan sebagai untuk menyelaraskan maka dengan sebab itu kita melihat pindaan Seksyen 130, Seksyen 13 akta ibu dipinda dengan menggantikan Seksyen 2 dengan subseksyen berikut 2 baru, ini 2 baru digantikan. 2 baru ini jika terdapat "*lakuna*" atau jika apa-apa perkara tidak diperuntukkan dengan nyata di dalam akta ini mahkamah hendaklah memakai hukum syarak.

Ini bermakna jika sekiranya dalam Akta Keterangan ini, tidak terdapat fasal-fasal ataupun cerai-ceraian yang tertentu bagi menghuraikan sesuatu yang berkaitan dengan keterangan ini maka Mahkamah Syariah boleh mengambil suatu ketetapan sebagai panduan bahawa ia hendaklah bersandarkan kepada hukum syarak. Ini memberi makna bahawa sesungguhnya institut yang terlibat ialah peguam, pendakwa, hakim mestilah menerima kehendak pemakaian ini di mana mereka boleh menerima mana-mana salah satu mazhab sama ada Syafie, Maliki, Hanafi ataupun Hambali. Saya minta maaf kerana mungkin ini agak *confused* kalau tidak biasa memang susah sikit.

Jadi dengan sebab itu ini juga memberikan kemudahan, memberikan ruang yang luas kepada peguam-peguam dan juga kepada pendakwa dan hakim mana-mana Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan ini dalam menjalankan tugas mereka. Dan begitu juga ada pindaan kecil sahaja iaitu saya ingat ada satu perkataan ditukar dengan perkataan adil, saya nak terangkan dari segi Islam perkataan adil ini.

Dari segi pandangan Syariah Islam adil itu ialah apabila kita meletakkan sesuatu perkara pada tempatnya. Dan di dalam Islam adil itu apabila mahkamah itu melaksanakan kehendak-kehendak yang telah ditentukan oleh syarak yang

bersandarkan kepada Al-Quran dan Sunah ataupun Ijmak dan Qiyas ataupun ijtihad itu adil.

Saya nak bagi contoh, saya cadang esok nak bahas contoh tapi tak apalah saya bagi hari ini. Ini biasanya dibincangkan oleh wanita-wanita iaitu tentang pembahagian harta. Berdasarkan kepada Al-Quran apabila seseorang mati, meninggalkan suami, jadi yang mati itu ialah isteri, seseorang mati dia kata, [*menyebut perkataan dalam bahasa Arab*] mati oleh seseorang, jadi kalau isteri yang mati maka yang dia tinggalkan suami dan anak-anak. Kalau suami yang mati, dia tinggalkan isteri dengan anak, biasalah tu. Kalau suami mati meninggalkan seorang isteri, dengan seorang anak lelaki misalnya dan dua orang anak perempuan. Padahal si isteri ini dalam hukum asalnya menurut Al-Quran dia boleh mendapat 1/4 jika sekiranya dia tidak ada anak. Tetapi bila dia ada anak, kurang habuan dia, daripada 1/4 jadi 1/8. Sementara suami pula kalau sekiranya isterinya mati asalnya suami mendapat 1/2 tetapi apabila ada anak habuan suami tu kurang daripada 1/2 tinggal 1/4.

Dilihat sekali mungkin orang tentu berkata ini hukum tidak adil, tetapi inilah hukum yang ditentukan secara nas di dalam Al-Quran, insya-Allah esok saya akan bacakanlah nas Quran. Tapi sebagai contoh itulah yang saya nak sebutkan di sini bahawa Akta Tatacara Mahkamah Syariah ini biasanya selain daripada keluarga tadi ini, dia juga ada kaitan dengan Akta Tatacara Mal, dia ada dekat-dekat kesemua itu, ada tiga lagi, esok dua lagi pindaan, ia lebih kurang sahaja pindaan itu.

Tetapi apa yang penting bagi kita, saya nak sebut tentang perkataan adil, saya sangat setuju dimasukkan perkataan adil ini kerana supaya kita dapat memperkenalkan. Cuma tanggungjawab saya rasa terutama sekali Ahli-ahli Dewan Negara yang beragama Islam ini mendengar apa dia yang dikatakan adil itu walaupun ada perbezaan. Ada orang sebut pada saya bahawa sesungguhnya ini tidak adil, kenapa perempuan dapat sikit, lelaki dapat banyak. Ini saya punya bacaan sajalah, sekadar melihat dari sudut rahsia dan hikmat.

Orang perempuan apabila suaminya mati, tinggallah isteri tu, isteri tu tak ada suamilah, suami dia mati. Bila dia mati, dia boleh kahwin maka bila dia kahwin, kehidupannya ditanggung oleh suami baru dia, nasiblah kata kahwin tiga bulan, suami yang baru tu mati pula, dia dapat lagi 1/8 lagi kalau ada anak suami dia. Tiga bulan

kahwin, mati lagi suami dapat lagi 1/8. Itu saya nak cerita, itu barangkali hikmatnya. Tidak seperti orang lelaki, suami ini bila isteri mati, kahwin, maka isteri baru tu kalau ada anak pun anak tirilah, di bawah tanggungan, dia kena tanggung juga sedikit sebanyak walaupun anak tiri terutama sekali anak tiri ya.

Jadi inilah Tuhan yang menjadikan kita makhluk, makna Tuhan Maha Mengetahui apa juga yang kita buat sebab itulah Tuhan menyebutkan dalam Al-Quran, dia kata kita tidak boleh sembunyilah. *[Membaca ayat Al-Quran]* Tuhan menjelaskan kepada kita manusia ini iaitu tiada rahsia orang bertiga, melainkan Dia yang keempatnya. Kalau orang Melayu ini jumpa satu orang, ha ini rahsia jangan beritahu orang, lepas tu kawan yang dia beritahu tu, beritahu orang lain, ini rahsia, jangan beritahu, dah tiga dah. Tapi Tuhan mengatakan tiada rahsia bagi orang bertiga melainkan Dia yang keempat dan tiada rahsia orang berlima melainkan Dia yang keenam. *[Membaca sepotong ayat Al-Quran]*, dan tiada rahsia orang yang kurang daripada 2, 3, 4, 5, 6, 7 hingga 10 melainkan Tuhan bersama-sama mereka.

Dia sebut lagi *[membaca ayat Al-Quran]*, di mana saja kamu berada, dalam Dewan ini kah, di luar Dewan kah, tadi dibahaskan pasal apa ke, puntung rokok ke, semua tuhan tahu, buang tepi tandas ke, luar tandas ke, dalam tandas ke, di mana sahaja tahu, *[membaca ayat Al-Quran]*. Bagi seorang Muslim yang pentingnya *[membaca ayat Al-Quran]* kemudian Tuhan akan tunjukkan gambarkan semula apa yang kamu buat pada hari kiamat, ini bagi orang yang beriman pada hari kiamat, dia kena faham lah begitu.

Dan ada ayat yang lain, *[membaca ayat Al-Quran]*, barang siapa membuat kebaikan dalam dunia ini walaupun sebesar debu atom, kitab tua-tua dia terjemah sebesar biji sawi, kerana orang tua dulu dia tengok yang paling kecil ialah biji sawi, zaman sekarang, buku-buku sekarang dia tulis sebesar debu atom, orang tua dulu tak tahu atom, dia tahu biji sawi saja jadi dia sebesar biji sawi kamu akan dihadapkan. Dan apa juga perbuatan tidak baik kamu juga akan dilihat pada hari akhirat.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu, pindaan yang dikemukakan kepada kita pada hari ini untuk kita luluskan ialah mengenai istilah-istilah yang saya katakan tadi yang akan digunakan kelak oleh pihak-pihak yang berkaitan kerana pihak-pihak yang berkaitan dengan Akta Keterangan ini kebanyakannya ialah seperti yang

saya sebutkan tadi. Dan bagaimana keterangan itu hendak dikemukakan kerana keterangan ini di antara keterangan-keterangan di dalam Mahkamah Syariah ini yang mesti dikemukakan pertama sekali, dia ada kaedah juga yang disebutkan oleh Ahli-ahli Perundangan Islam, dia kata [*bercakap dalam bahasa Arab*], minta maaf lah guna bahasa Arab, ini bahasa asli Perundangan Islam itu sendiri. [*Bercakap dalam bahasa Arab*].

Fakta bukti atas orang yang mendakwa. Kalau kita hendak dakwa orang, ini maknanya pendakwa raya hendak dakwa satu orang dia mesti mengemukakan fakta-fakta dan bukti-bukti yang terang. Dari segi kita, barangkali dalam akta induk ada ditulis, di antara bukti-bukti itu ialah misalnya tulisan. Dia kena kemukakan. Misalnya satu orang yang kalau dalam Akta Mal - Kanun Mal mungkin saya mewasiatkan harta saya ataupun tadi si suami sebelum dia mati mewasiatkan harta dia. Dia ada simpanan dalam bank, dia kata RM150,000. Dia wasiatkan setengah daripada hartanya itu untuk rumah anak yatim dan wasiat ini boleh dilakukan pertama sekali di hadapan ataupun melalui wakilnya yang disebut juga, dipinda sini Wakalah, ada perkataan Inggerisnya dan diguna wakil.

Peguam ini sejak dahulu dibenarkan oleh Islam, seorang yang apabila dia berdepan di mahkamah dia tidak boleh bercakap, maka dia boleh mewakilkan. Wakilnya itulah peguam. Jadi, buat surat bahawa dia telah mewasiatkan harta dia misalnya RM150,000 dia wasiatkan RM60,000, ada wakil dia melalui ..... ataupun tidak ada *lawyer* tetapi ada saksi. Kemudian dituntut oleh warisnya bawa ke mahkamah. Bukti memang adalah dia mewakafkan ataupun mewasiatkan hartanya sebanyak sekian, sekian. Tetapi apabila dibawa ke mahkamah ada keterangan-keterangan dan dia berwasiat itu kalau wang RM150,000, wasiat RM60,000 dia tidak boleh diluluskan oleh mahkamah.

Mahkamah Syariah, walaupun ada keterangan dia boleh tolak wasiat itu tetapi tidak boleh semua. Dia hanya boleh meluluskan setakat yang dibenarkan oleh syarak ia itulah setiap wasiat itu hanya boleh diluluskan 1/3. Kalau RM150,000 mahkamah boleh memutuskan RM50,000, tidak boleh memutuskan RM60,000 walaupun ada saksi dan sebagainya tetapi dari segi hendak menerima wasiat seseorang itu tadilah. Maknanya melalui peguam, kalau tidak ada peguam dengan dua orang saksi yang hadir.

Tetapi dalam ke Mal, ini wanitalah, dia boleh juga saksinya seorang lelaki, dua orang perempuan. Itu dalam kes yang berkaitan dengan harta ataupun kes mal, sama ada harta alih ataupun harta tidak alih. Harta alih misalnya, harta tidak alih itu macam rumah, tanah dan sebagainya, itu harta tidak alihlah, harta tidak boleh alih. Adapun macam wang ringgit simpanan itu boleh alih, dia boleh membawa dua orang saksi lelaki ataupun seorang lelaki ataupun dua orang perempuan, sebab ada kaitan. Apabila pembahagian harta nanti berlaku, nanti akan ditanya kalau sampai ke mahkamah akan ditanya. Suami yang mati tadi - kalau ada surat wasiat dia akan ditanyalah.

Kalau ada wasiatnya yang sah, maka hendaklah RM50,000 tadi kena bagi rumah anak yatim mana, kena bagi. Maka, yang boleh dibagi kepada waris-warisnya ialah RM100,000 itu sahaja. Itulah yang akan didapati jika yang mati itu suami, isterinya  $\frac{1}{8}$ , jika sekiranya tidak ada anak kalau tidak ada anak dia mendapat  $\frac{1}{4}$ . Ini insya-Allah, barangkali pada bahas Pindaan Tatacara Mal besok saya akan bahaskan sedikit sebanyak. Secara ringkas saya akan menunjukkan bagaimana pembahagian harta itu dilakukan, ini mengenai mal.

Tuan Yang di-Pertua, implikasi daripada pindaan ini bermakna setiap orang yang hendak menjadi Peguam Syarie dan setiap pendakwa dan setiap hakim - ini pada pandangan sayalah, perlulah memahami, mempelajari pandangan ataupun pendapat-pendapat mazhab yang disebutkan ini. Kalau dahulu kita boleh lari kerana mazhab yang diiktiraf, okey kita kata Maliki kita tidak diiktiraf. Sekarang ini sudah di naskan dalam pindaan ini bahawa Mazhab Hanafi itu, maka dengan sebab itulah maknanya ianya melibatkan kepada orang-orang yang bertanggungjawab seperti Peguam Syarie, Pendakwa Mahkamah Syariah dan juga Hakim-hakim Mahkamah Syariah ini mestilah memahami, mengetahui sedikit sebanyak kalau pun tidak mahir dalam perkara-perkara ataupun dalam perkara-perkara yang berkaitan dengan hukum-hakam mengikut pendapat ataupun Mazhab Syafie, Mazhab Maliki, Mazhab Hanafi dan juga Mazhab Hambali.

Ini kesan daripada pindaan ini. Saya mengharap supaya kerajaan akan mengambil langkah-langkah bagi mempertingkatkan, bagi mencari jalan untuk mempertingkatkan kita punya Peguam-peguam Syarie, Pendakwa-pendakwa Mahkamah Syariah dan juga Hakim-hakim Mahkamah Syariah supaya mereka nanti



akan dapat membuat pembelaan bagi peguam dan juga untuk pendakwa dapat membuat pendakwaan. Sesuai - mungkin ada permohonan-permohonan saya katakan daripada orang India Muslim, mungkin dia meminta supaya penghakimannya hendaklah dijalankan mengikut Mazhab Hanafi.

Oleh kerana ianya diakui saya rasa kita tidak boleh tolaklah. Dengan sebab itu semua orang yang terlibat dalam Mahkamah Syariah ini mestilah diberitahu ataupun ditingkatkan keilmuan mereka dalam mazhab-mazhab yang saya sebutkan tadi. Memanglah kalau dia kata tadi ianya banyak melibatkan dengan Undang-undang Keluarga. Ini sebagai pengetahuan sahaja tetapi jangan tirulah apa yang saya cakap ini. Sebagai ilmu, nikah misalnya menikah ya. Jangan tirulah ini saya beritahu sudah siap-siap tetapi kalau buat pun, kalau ikut kehendak pindaan akta ini boleh.

Dalam Mazhab Hanafi seseorang perempuan itu boleh menikahkan dirinya sendiri, dia boleh menikahkan diri. Tetapi biasanya orang perempuan dia tidak boleh, aku nikahkan kamu ada dua orang saksi dan saya kata okey lulus, sah nikah dia, tidak payah ada wali, nampak tidak? Itu dalam Mazhab Hanafi. Tetapi biasanya yang berlaku terutama di luar negerilah yang saya tahu di Amerika ada orang-orang kita di sini yang kahwin, nikah di Amerika dia pakai juga ini sebab Amerika itu dan juga mungkin kebanyakan orang-orang yang beragama Islam menganut mazhab yang bukan Mazhab Syafie.

Si perempuan itu dia boleh mewakili, katalah perempuan itu B, A itu lelaki. Kata si B saya wakilkan kepada kamu untuk menikahkan saya dengan polan bin polan dengan mas kahwinnya RM100 berhutang, berhutang pula itu. Dia tulis berhutang. Boleh tidak berhutang mas kahwin? Boleh tetapi kena naskan dalam nikah itu. Orang itu pun terima, saya terima dia kata, wakil yang kamu itu, saya pun pergi majlis nikah.

**Datuk Haji Karim Ghani:** Ustaz, kalau hutang boleh, ansur-ansur boleh juga.

**Tuan Hassan bin Haji Shukri:** Boleh, boleh. Itulah dia kemudahan Islam itu. Bukan ansur sahaja, *free* terus pun boleh. Itu nanti saya terangkan. Tuan Yang di-Pertua, ...*[Ketawa]* Datuk ini memang dia tahu bila sebut itu. Saya faham sangat Tuan Yang di-Pertua. Dia cukup minat.

Si A tadi, katalah si A itu saya - ini sebagai contoh sahaja untuk pendekatan. Saya pun terima wakil dia. Katakan yang saya terima itu namanya Fatimah, saya terimalah wakil daripada Fatimah, saya pun nikahkanlah. Lelakinya itu nama Halim. Selepas saya istigfar, selepas saya suruh mengucap itu semua, saya pun nikahkan. Saya katakan, "Halim, aku nikahkan..." - ini bahasa lama saya gunakan ini, saya semua bahasa lama. "Aku nikahkan akan dikau akan Fatimah yang berwakil dia akan daku dengan mas kahwinnya RM100 berhutang." Halim pun kata, "Aku terima nikahnya sebanyak yang tersebut itu," Tanya saksi-saksi, okey? Okey. Sah nikahnya, dia berhutang.

Bila dia berhutang-hutang itu, dia pergi dua, tiga, empat malam, dia pun sudah cerita, dia kata tidak apalah hutang itu tidak payah bayarlah dia kata, isteri dia cakap itu, mas kahwin itu isteri itu punya. Dia kata hutang itu abang tidak payah bayarlah, nampaknya kita pun sudah hidup bagus in tidak payahlah, *freelah* kahwin itu. Itu dia.

Tetapi dia kena sebut, mahar itu mesti disebut dalam akad. Tetapi dia sudah halalkan. Macamlah tadi saya hendak sebut lagi sebagai suatu contoh, faraid ini. Ilmu faraid ini suatu ilmu yang hilang. Saya juga minta pihak kerajaan, JAKIM, Jabatan Perdana Menteri supaya menggalakkan orang-orang mempelajari ilmu faraid, ilmu pembahagian harta ini yang mana saya melihat dalam undang-undang Islam ini, yang paling *detail* ialah mengenai pembahagian harta. Sebut satu-satu. Saya bagi contoh misalnya. Bagi-bagi katalah RM100 ribu. Saya ada sebenarnya perkiraan, saya sudah buat. Nanti saya bagi contoh, sebagai suatu contoh sahaja, [*Sambil mencari kertas*] yang lain pun sambil-sambil kiralah takut perkiraan saya secara cepat hari ini tidak betul. Pokoknya apabila si suami mati, meninggalkan isteri. Ada anak, anak dia katalah seorang lelaki dua orang perempuan. Yang mati ialah suami, yang ditinggalkan harta tak alih, senang saya hendak bagi contoh RM100 ribu. Maka isteri ini akan mendapat 1/8 daripada RM100 ribu. Ini bermakna isteri mendapat RM12,500.

Baki hartanya lagi ialah RM87,500. Dalam Al-Quran menyebutkan [*Membaca sepotong ayat dari Al-Quran*] kita tidak boleh tentukan. Tuha sudah tentukan lelaki itu adalah seperti dua habuan perempuan. Maka, ini bermakna anak lelaki akan mendapat RM43,750. Anak-anak perempuannya yang pertama mendapat RM21,875 dan anak perempuan yang kedua juga mendapat RM21,875. Jadi bakinya semua untuk

anak dia ini lelaki dan perempuan RM87,500. Ibunya isteri kepada si mati 1/8 dapat RM12,500. Saya hendak menjawab persoalan yang dikemukakan oleh Tuan Yang di-Pertua, sebagai satu contoh dalam pembahagian harta.

Anak lelaki ini dia dapat RM43,750, tetapi lima bulan sebelum ayahnya mati, atau dua bulan sebelum ayahnya mati, dia dapat AP RM500. Satu AP berapa? Semalam ada sebut RM30 ribu. 500 kali RM30 ribu dia jual dari awal itu RM1 juta setengah, dia pun cakap pada emak dia, dia kata tidak payahlah bagi pada saya yang RM43 ribu ini tidak payahlah, saya jadi korporat besar dah, saya mendapat AP 500. Dia kata "Mak, habuan saya ini bagilah sama rata." Mak dia, dua orang adik perempuan dia, suruh bagi RM43 ribu ini sama rata. Bolehkah tidak boleh? Jawabnya boleh kerana dia sudah mengetahui habuannya RM43,753 dia boleh bagi sama. Namanya reda dengan sesama reda. Tetapi sebelum harta itu dinyatakan kepada kamu dapat sekian, kamu dapat sekian, itu belum boleh lagi. Itu masih lagi sebagai harta pusaka yang perlu diagih-agihkan sekiranya ada pergaduhan mesti dibawa melalui Mahkamah Syariah.

Macam sekarang ini saya biasa ditemui oleh orang untuk membahagikan harta-harta ini. Tetapi apabila saya sudah buat saya kata pergi ke Mahkamah Syariah tolong sahkan bahawa pembahagian yang telah saya buat ini betul dan mahkamah ataupun mana-mana kadi, hakim dia cop dia kata pembahagian itu betul. Baru boleh terpakai walaupun kadang-kadang kita diminta untuk membantu mereka membahagi-bahagikan harta pusaka ini. itu sebagai contoh Tuan Yang di-Pertua.

Jadi, dalam Akta Keterangan Mahkamah Syariah ini ia banyak membahaskan tentang tanggungjawab peguam, tanggungjawab pendakwa dan juga tanggungjawab hakim bagaimana penghakiman itu mesti dijalankan. Maka dengan sebab itulah, bagi memudahkan, saya melihat akta-akta ini macam-macam borang ada disediakan, mengikut jadualnya itu supaya memudahkan orang-orang yang terlibat ataupun orang-orang yang memohon bantuannya supaya kes-kes sama ada kes keluarga ataupun kes mal ini hendak dibawa ke Mahkamah Syariah. Timbul satu persoalan. Ada seorang sahabat saya *non-Muslim*, dia tanya saya, dia kata, "Bolehkah agaknya orang bukan Islam tengok Quran." Hari tu saya sudah hadiah Al-Quran, dia baca dia kata nampak baguslah pembahagian harta mengikut Quran ini. Kemudian, dia mohon supaya

pembahagian harta di antara kerabat-kerabat itu mengikut apa yang dikehendaki oleh Al-Quran sebagaimana yang dia baca.

Sahabat saya itu bertanya, bolehkah dia kata perkara yang seperti ini dimohon supaya ingin dibahagi-bahagikan oleh Mahkamah Syariah. Susah juga kerana dalam Perlembagaan saya tidak ingat perkara berapa, saya ingat Perkara 121 lebih kurang. Dalam Perlembagaan seakan-akan ianya menghalang *non-Muslim* itu membawa kes ini kehendaknya walaupun dia melihat itu adalah suatu perkara yang baik. Tetapi, walau bagaimanapun, dalam akta ini tidak ada. Dia *silent* sahaja. Inilah sebab itu bergantunglah saya punya faham, kalau sekiranya dilihat oleh peguamnya, pendakwaanya dan hakimnya tidak akan ada berbangkit apa-apa saya rasa boleh diselesaikan. Dia mengambil, meniru sahaja dia hendak mengikut Islam itu tadi, mengikut pembahagian yang telah ditentukan oleh Al-Quran. Boleh. Tetapi kalau boleh sampai melibatkan pindaan Perlembagaan, saya rasa kena pindalah Perlembagaan. Bukan makna hendak paksa, hanya memberikan kebenaran. Memberikan keharusan bahawa orang lain yang bukan Islam di dalam negara kita ini boleh mengambil Mahkamah Syariah itu sebagai salah satu mahkamah yang boleh menyelesaikan masalah mereka. Ini persoalan juga saya minta kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen supaya ambil perhatian.

Kalau ini dapat dilakukan, saya kira ini adalah suatu kemudahan dan kita juga akan dapat menggambarkan tentang keadilan itu kepada masyarakat Malaysia yang majmuk ini. Tidak melihat sebagai suatu perkara yang ianya merupakan suatu perkara perkauman, tetapi Islam itu mampu, maknanya hatta Mahkamah Syariah itu pun mampu menyelesaikan masalah-masalah warga negara yang menjadi rakyat negara kita ini sama ada dia beragama Islam ataupun tidak beragama Islam, tetapi mereka diberikan pilihan sahaja, mereka boleh memilih.

**Tuan Wan Nordin bin Che Murat:** Minta laluan Yang Berhormat. Terima kasih Yang Berhormat Tuan Hassan bin Haji Shukri, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya tertarik dengan hujah-hujah yang dibangkitkan oleh Tuan Hassan bin Haji Shukri dan begitu juga dengan penjelasan dan tujuan pindaan ini dibuat yang mana ia akan memudahkan urusan penghakiman atau prosedur-prosedur di Mahkamah Syariah. Cuma apabila Ustaz Hassan membangkitkan masalah mazhab-mazhab yang ada oleh

penganut-penganut Islam di Malaysia seolah-olah ini merupakan satu masalah yang perlu diberi pertimbangan dalam penyediaan masalah-masalah yang dibangkitkan dengan keperluan pindaan perundangan ini.

Begitu juga dengan saya hendak minta penjelasan daripada Yang Berhormat Tuan Hassan bin Haji Shukri apabila membicarakan soal harta peninggalan pusaka umpamanya bagaimanakah pandangan mazhab-mazhab yang disebutkan. Adakah perbezaan dalam menghadapi isu pembahagian harta, terima kasih.

**Tuan Hassan bin Haji Shukri:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Dalam hal pembahagian harta ini nasnya jelas tidak dipertikaikan. Nasnya semua disebut satu persatu di dalam Al-Quran. Saya ingat mana-mana mazhab pun kalau sekiranya diputuskan mengikut nas Al-Quran maka mereka tidak boleh menolak nas itu kerana disepakati. Mana-mana nas yang bersandarkan kepada Al-Quran ianya tidak boleh ditolak walaupun ianya seorang imam mujtahid, tidak boleh ditolak. Sebab ianya disebutkan oleh Al-Quran, ya. Saya hendak sebut sebagai suatu contoh yang saya sebutkan tadi sekali lagi, insya-Allah, esok kita akan terangkan sekali lagi.

Misalnya tentang tadi lelaki sebutkan, Tuhan sebutkan dalam Al-Quran ini Surah An-Nisa ayat 11, *[Membaca sepotong ayat Al-Quran]* tetapi tidak boleh ditolak itu nas al-Quran kecuali orang yang sesat sahaja yang boleh menolak nas Al-Quran. *[Membaca sepotong ayat Al-Quran]* Kalau perempuan itu dua orang maka dia kongsi dua pertiga, ini nas Al-Quran. *[Membaca sepotong ayat Al-Quran]* Kalau perempuan itu seorang maka dia setengah. *[Membaca sepotong ayat Al-Quran]* Bagi kedua orang ibu bapanya, katalah dia bahagi-bahagi, tidak habis hartanya tetapi ada dua ibu bapanya maka dua ibu bapanya itu boleh diberikan sudut-sudut, maknanya satu per enam.

Banyak lagi perkara-perkara yang boleh disebutkan, insya-Allah, esok dalam membahaskan pindaan keterangan mengenai Mal saya akan menerangkan satu persatu tentang yang berkaitan perkara dengan pembahagian harta ini sama ada harta alih atau harta tidak alih kerana ini ada kaitan dengan pindaan yang akan dikemukakan besok, insya-Allah, besok boleh, ya, mengenai Akta Tatacara Mal, Tuan Yang di-Pertua.. Jadi, Tuan Yang di-Pertua saya rasa walaupun disebutkan takrif tadi ini, mazhab-mazhab, sebenarnya itu untuk memudahkan, cuma yang kita harapkan ialah pendakwa tadi ini, peguam pendakwa dan hakim itu sendiri kerana ia sudah diaktakan.

Sekarang sudah diaktakan. Mazhab-mazhab itu sudah diaktakan. Kita tidak boleh lagi, apa orang kata, hendak lari daripada apa yang diaktakan dan ianya bukanlah satu perkara yang salah. Cuma hendaklah orang-orang yang terlibat seperti yang saya mohonkan tadi diberikan latihan juga tentang ilmu pengetahuan yang berkaitan dengan pandangan dan pendapat mazhab-mazhab ini, terutama sekali tatacara mahkamah dan juga hukum-hukum yang mungkin akan diputuskan.

Hukum yang ada nas dalam Al-Quran dan juga hadis yang nyata saya rasa tidak dipertikaikan. Cuma ada perkara-perkara yang boleh dipertikaikan seperti yang saya katakan tadi orang Hanafi dia datang sini hendak menikah di sini tetapi dia kata saya tidak ada wali, perempuan itu. Datang, "*Saya hendak wakil kepada polan bin polan*". Dari segi mazhab Hanafi boleh. Jadi, ini yang kena ada ilmu tetapi kalau tidak ada ilmu tentang feqah ini dia tolaklah, pada hal akta kita mengikut pindaan yang baru ini membenarkan dia menikahkan orang ini. Tuan Yang di-Pertua...

**Datuk Haji Karim Ghani:** Ustaz, kalau perempuan itu Shafie, dia tidak ada wali, dia boleh katakan, saya hendak sekarang jadi Hanafi.

**Tuan Hassan bin Haji Shukri:** Tuan Yang di-Pertua, itulah dia luasnya ilmu Islam. Dia boleh, dia bukan mesti isytihar saya keluar Mazhab Hanafi, tidak. Eh! daripada Mazhab Shafie. Dia berkeyakinan bahawa sesungguhnya Mazhab Hanafi itu juga bersandarkan kepada al-Quran dan sunah diambil mazhab itu untuk – tidak apa. Tetapi dalam Islam dia kata, kita kena taqliklah. Macam kita, orang pergi haji dia bagi kursus, bukan kursus orang pergi haji, bila waktu tawaf, waktu pergi hajilah tawaf saie, sentuh orang perempuan tidak batal, betul tidak? Itu Tabung Haji, orang-orang Tabung Haji bagi kursus. Pasal apa?

Kalau kita batal di situ, ikut Mazhab Shafie kita kena ambil wuduk semula. Manusia rapat sesak macam mana hendak ambil, hendak pula dimulakan di tempat di mana kita keluar tadi. Itu kemudahan-kemudahan mazhab ini ada yang kita boleh pakai. Untuk pengetahuan kita bersama Yang Berhormat sekalian ada banyak lagi saya hendak tunjukkan kemudahan-kemudahan kalau kita, saya sebenarnya terbuka dalam hal-hal yang seperti ini.

Saya pun mengajar semua mazhab. Jadi, bukan ini sahaja ada lagi pandangan-pandangan Daud Zahirin misalnya, ada. Tetapi Daud Zahirin ini dia ahli hadis, al-Quran

tidak boleh ditakwil. Ada pandangan-pandangan misalnya, kita ini semua Ahli Yang Berhormat, hari itu ramai, saya dikerumuni oleh Ahli-ahli Dewan Negara wanita minta saya terangkan tentang sembahyang jamak, qasar, sembahyang qasar, jamak dan qasar. Saya kata dalam Mazhab Shafie kita:

Pertama, perjalanan itu hendaklah ditentukan bukan tujuan untuk maksiat. Datang Dewan ini boleh qasarlah. Orang Johor, Yang Berhormat Sharifah dia boleh jamak lah, ya. Dia datang daripada Batu Pahat, dia boleh jamak, daripada Kluang boleh jamak. Lebih daripada dua marhalah, dua marhalah itu dalam Mazhab Shafie, lebih kurang 57 kilometer. 60 kilometerlah senang ya, dia boleh jamak. Maknanya, dia boleh kumpulkan sembahyang, sekarang Zuhur, dia hendak balik ini tidak sempat, dia kumpulkan Zuhur dengan Asar, boleh.

Dan boleh pula diqasar, dua. Zuhur dua rakaat, Asar pun dua rakaat. Taqdimkan, Jamak Taqdim Asar di bawah ke Zuhur, boleh, tetapi sebelum dia sampai ke rumah. Yang Berhormat itu mesti, kalau dia sampai dalam qariah dia, dia tidak boleh jamak dah. Tetapi ada pendapat hadis-hadis, siapa hendak pakai, pakailah kalau dia yakin, ada hadis dia kata kita boleh jamak. Macam saya, saya kata pukul satu saya hendak keluar, saya di rumah ini. Saya pun sembahyang Zuhur, sampai waktu saya sembahyang Zuhur empat rakaat, kemudian saya jamak Asar itu di rumah sahaja tetapi tidak boleh di qasar, itu mazhab Ahli Hadis tidak boleh diqasar, nampak tidak?

Itu kemudahan yang saya hendak menerangkan tentang kemudahan-kemudahan yang diberikan oleh pendapat mazhab-mazhab. Jadi, kita sembahyang siap jadi kita jalan tidak apa, kita sembahyang dah Tetapi tidak boleh Zuhur tidak boleh diqasar dua rakaat dipendekkan kepada dua rakaat, Asar juga tidak boleh dipendekkan kepada dua rakaat, kita boleh jamak di rumah. Begitu juga kalau kita balik. Ini pendapat, saya hendak sebut pendapat orang-orang yang berlandaskan kepada Ahli Hadis. Dia boleh sembahyang juga jamak taakhir di rumah, kita jalan sampai mana orang azan Maghrib, kita tengah jalan pandu kereta ini.

Maknanya kita akan sampai rumah pukul 9.00, kita pun niat waktu Maghrib itu saya hendak jamak Maghrib ini kepada Isyak, di rumahlah di rumah. Dalam Mazhab Shafie tidak boleh kerana kita sudah masuk kita punya kawasan, qariah kita, tidak boleh tetapi ada mazhab lain yang membolehkan. Cuma kalau boleh itu kita kena yakin

jangan ragu bahawa itu adalah..... Ini contoh-contoh yang saya hendak sebutkan betapa penting, apa lagi peguam, tadi saya sebutkan peguam, pendakwa dan hakim-hakim apabila akta yang dipinda ini kita luluskan di sini maka mungkin ini boleh berlaku.

Saya sangat setuju kerana ini memberikan suatu kemudahan dan keluasan, kita boleh melaksanakan ataupun mengamalkan semua pandangan-pandangan mazhab apabila kita melalui kesukaran-kesukaran tertentu dalam melaksanakan tugas-tugas bagi melaksanakan kehendak-kehendak syariat Islam ini. Tetapi barang diingat walau apa pun jua keadaannya sebarang keputusan yang kita hendak buat dia tidak boleh bercanggah dengan apa yang telah diperintahkan oleh Allah S.W.T. dalam Al-Quran dan Rasulullah s.a.w. dalam hadisnya.

Dan hadis ini pun ada ilmu juga lagi. Hadis ini dia, jadi ini bukanlah kuliah kerana ada kaitan, hadis ini kita boleh pakai satu hadis qauli. Nabi kata [*Bercakap dalam bahasa Arab*] itu qinaf juga yang dia kata. Ada lagi namanya hadis *feqli*. *Feqli* itu sudah jelas. Rasulullah sembahyang, isteri dia gagau dia punya kaki, dia terus sembahyang, itu *feqli*, dia tak ada cakap apa, terus sembahyang maknanya hadis *feqli*, perbuatan. Ataupun dia pergi berjihad itu pun juga perbuatan walaupun tidak ada perintah tetapi jihad itu ada dalam al-Quran, perbuatan. Satu lagi taqriri, perakuan. Perakuan Nabi. Contohnya, satu kali sahabat-sahabat mengadakan satu perayaan satu sambutan menang perang, diadakan jamuan.

Boleh buat jamuan ini, bukan tidak boleh diadakan jamuan. Dalam jamuan itu dihidangkan ada satu jenis binatang. Di sini banyaklah jual minyak dia, apa nama? [*Disampuk*] Ha, minyak dhab. Saya pun tidak tahu khasiat minyak dhab ini, saya tidak tahu tetapi nampaknya minyak dia ada juga kadang-kadang dia bawa dari Siam, binatang dhab itu. Orang Melayu terjemah dhab ini sebagai biawak padang pasir. Bila dia tengok biawak di sini, dia tidak makanlah dhab itu. Nampak tidak orang Melayu di sini.

Tetapi minyaknya dia beli. Laku betul minyak dia ini. Saya pun tidak tahu khasiat dia, saya pun hendak tanya kawan-kawan yang tahu tentang minyak dhab ini apa khasiatnya pasal dia laku. Jadi dihidangkan binatang dhab in dalam satu majlis jamuan yang dihadiri oleh para sahabat. Diriwayatkan bahawa yang hadir sama itu Nabi



Muhammad S.A.W, Saidatina Aisyah, ini isteri muda dia, minta maaf lah ya. Dia letak pipi dia ke pipi Rasulullah, jadi romantis jugalah kira-kiranya.

Dia letak itu, Rasulullah tidak suruh “Makanlah kamu”, tidak, dia tidak suruh dan dia tidak kata juga “Kamu jangan makan dhab”, dia diam. Nampak tidak? Diam sahaja dia, dia tengok Saidatina Aisyah, dia tengok orang makan, dia diam. Diam itu oleh ahli undang-undang ataupun ahli-ahli fikah Islam diambil kesimpulan bahawa hukum memakan dhab itu adalah harus ataupun mubah, boleh makan. Nampak tidak? Tetapi kita di sini tidak adalah, tidak berani hendak makan ataupun kita geli di hati hendak makan.

Itu ada satu cerita, adalah yang mengharuskan dhab ini. Jadi orang Melayu kata dhab ini biawak. Jadi satu hari dia *test*. Barangkali siapa yang dia suruh, dia gulai biawak itu. Siapa yang dia suruh, kita tidak tahulah. Jadi dia tudung. Dia panggil orang yang menghalalkan biawak ini, dia panggil makan kenduri. Panggil dia, buka, gulai biawak itu, nampak kepala biawak, tidak jadi kawan itu makan. Tengok, bukan kerana apa tetapi dia geli tengok biawak. Itu dari satu segi tetapi kalau dhab itu dari Islamnya diharuskan. Sama ada kita upaya atau tidak upaya, itu soal lain.

Macam pelanduklah, ada setengah orang makan, ada setengah orang tengok pelanduk itu pun sudah geli. Begitu juga arnab. Tetapi hukumnya dari segi Islam berdasarkan kepada nas, namanya *takriri*, perakuan Rasulullah itu adalah harus. Jadi kita melihat nas hadis ini juga ada yang dinamakan *qauli*, ada yang dinamakan *fi’li* dan ada juga yang makan *takriri*. *Takriri* itu adalah perakuan yang diakui oleh Baginda S.A.W. Jika perakuan itu sah, dia adalah boleh dijadikan sebagai suatu nas untuk Hakim Mahkamah Syariah yang dibenarkan berpandu kepada Mazhab Shafie, Mazhab Maliki, Mazhab Hanafi dan juga Mazhab Hambali ini untuk mengambil mana-mana hukum yang berkaitan jika sekiranya perkara yang seperti ini kita kata harus, kemudian dibawa ke mahkamah.

Ada satu perkara lagi yang saya hendak sebutkan, saya tidak tahu di mana letaknya rang undang-undang ini ataupun fasal ini iaitu seseorang Islam yang diisytiharkan oleh mana-mana Majlis Fatwa Negeri bahawa dia telah keluar daripada Islam kerana menganut sesuatu ajaran. Sudah menjadi satu kes yang dibawa ke mahkamah kalau tidak silap saya Mahkamah Tinggi Alor Setar, seorang itu saya tidak

mahu sebutlah iaitu penganut-penganut Kadian ini, mungkin Yang Berhormat Setiausaha Parlimen tahulah penganut Kadian telah didakwa di Mahkamah Syariah.

Kemudian dia telah membawa kesnya itu ke Mahkamah Tinggi. Oleh kerana dia telah isytiharkan, difatwakan bukan Islam, maka mahkamah syariah tidak berhak membicarakan kesnya di Mahkamah Syariah kerana dia telah diisytiharkan sudah terkeluar daripada agama Islam. Dia minta permohonan ini dibuat kalau tidak silap ingatan saya, ke Mahkamah Tinggi. Mahkamah tinggi telah memutuskan bahawa mahkamah syariah tidak berhak membicarakan orang itu tadi kerana dia telah diisytiharkan oleh Majlis Fatwa sebagai orang yang sudah keluar daripada Islam, maknanya murtadlah.

Ini satu kes yang saya tidak tahulah hari ini dibuat pendakwaan. Ini pun satu *trial* juga kalau kita tengoklah, kita akan melihat bagaimana dan sejauh manakah maknanya kekuatan undang-undang yang berlandaskan ataupun penghakiman undang-undang Mahkamah Syariah ini.

**Puan Siti Zailah binti Mohd Yusoff:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Tuan Hassan kerana memberi laluan kepada saya. Saya tertarik kepada apa yang menteri sebut oleh Yang Berhormat berkenaan dengan undang-undang murtad yang ada dalam negara kita. Kita lihat dengan suasana yang ada sekarang ini disebabkan kelemahan undang-undang syariah kita hanya terbatas berkaitan dengan masalah kekeluargaan, masalah nikah cerai, masalah harta pusaka dan sebagainya. Tetapi undang-undang yang menguatkuasakan tentang masalah murtad tidak dikuatkuasakan dalam negara kita.

Kita lihat hari in menularnya penyakit murtad dalam negara dan yang ketara sekarang ini ialah masalah ajaran yang dibawa oleh Ayah Pin yang sekarang ini sudah ribuan pengikut yang telah mengikut ajaran beliau. Apa pandangan yang Tuan Hassan, bagaimanakah sebenarnya kedudukan undang-undang murtad ini seharusnya dilaksanakan dalam sebuah negara terutama negara yang mengamalkan sebagai sebuah negara Islam? Terima kasih.

**Tuan Hassan bin Haji Shukri:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Dari segi hukum syarak ini, kalau sekiranya Mahkamah Syariah itu mengamalkan undang-undang syarak yang sebenarnya. Jika didapati seseorang yang telah murtad itu dia boleh

dihukum sampai hukum bunuhlah hukumannya. Dia boleh dihukum bunuh tetapi itu dalam negara kita dari segi undang-undangnya tidak ada. Dalam Kanun Jenayah Syariah ataupun Undang-undang Jenayah Syariah Malaysia ini, saya ingat saya di Persekutuan sepanjang ingatan saya hanya boleh menghukum kesalahan-kesalahan jenayah ataupun hakim boleh hatta Mahkamah Tinggi pun hanya boleh menghukum kalau sekiranya kesalahan itu kesalahan yang berbentuk jenayah hanya boleh menghukum 356, jangan kira nombor ekor pula 356 ini. Maknanya 3 tahun penjara – 3 itu tiga tahun penjara, 5 itu, RM5,000 denda, 6 itu 6 kali sebatan. Itu sahaja. Yang lebih daripada itu tidak boleh dihukum oleh mana-mana Hakim Mahkamah Syariah sepanjang ingatan saya, hatta di Wilayah Persekutuan ini pun tidak boleh juga dan juga di negeri-negeri.

Sebabnya ini ada kaitan dengan undang-undang yang lain, akta yang lain yang berjalan di negara kita ini. Maknanya kalau hendak dimasukkan perkara ini ke dalam perbicaraan atau boleh dibicarakan di Mahkamah Syariah, maka akta itu kena pinda. Akta itu hendaklah saya ingat akta itu ialah Kanun Keseksaan. Bermakna Kanun Tatacara Jenayah Malaysia membenarkan Mahkamah Syariah ini menghukum sebagaimana yang dikehendaki oleh syarak tetapi sekarang ini ada halangan itu, maka walaupun Mahkamah Syariah mendapati seseorang itu bersalah misalnya, yang boleh disebut sampai 100 kali sebatan, maknanya di Mahkamah Syariah orang itu dituduh berzina, disabitkan oleh Mahkamah Syariah bahawa dia berzina dengan keterangan, cukup saksi dengan bukti-bukti yang dibawa. Semualah dia bawa bukti-bukti daripada doktor pakar.

Kita boleh menggunakan doktor pakar untuk membuktikan kesalahan-kesalahan ini, maknanya pendakwa boleh bawa semua itu. Dibicarakan sebulan atau dua bulan, Hakim Mahkamah Syariah berpuas hati bahawa fulan bin fulan atau fulanah binti fulanah telah melakukan kesalahan zina. Maka jika sekiranya orang itu belum berkahwin, mahkamah boleh menjatuhkan hukuman 100 kali sebatan. Bermakna yang disebutkan oleh al-Quran. *[Membaca sepotong ayat al-Quran]* Tetapi saya hendak terangkan bila sebut *jaldah* (rotan) ini orang takut.

Sebenarnya rotan yang saya tahu dalam Islam ini bukan rotan seperti yang ada di lokap sekarang ini ataupun di penjara. Rotan itu sampai disebutkan, ini saya baca

kitab kuning, minta maaf atau kita tualah (kuning) itu. Tidak boleh orang yang merotan itu kena diberi kursus. Dia tidak boleh sampai mengangkat tangan. Ada ibarat, kitab tua itu kata bila dia angkat itu sampai jangan nampak ketiak putihnya. Barangkali tukang sebat itu bulu ketiaknya putih, penulis kitab itu dia tulis macam itulah. Tetapi hendak mengisyaratkan sebat itu benar-benar 100 kali sebat.

Bezanya sebatan itu mestilah dilakukan di khalayak ramai dengan sekarang ini, dalam jel, siapa hendak tahu? Sampai orang kata kalau dia tahan lapan kali sebat, katalah 20 kali sebat, dijalankan lapan, kalau tahan lapan, itu cukup hebat orang itu. Biasanya selepas lapan itu, doktor akan menasihatkan berhenti, sebatan yang itu akan dibuat pada beberapa bulan yang akan datang. Itu yang saya diberitahu. Dahulu saya pun ada kursus di penjara dahulu, jadi saya tahu sedikit-sedikit, bukan kursus tukang sebat, tidak - tahu perjalanan penjara itu.

**Puan Wan Ubaidah binti Omar:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya cuma ingin minta penjelasan sedikit lagi daripada Yang Berhormat Senator mengenai dengan hukum murtad tadi, adakah semua orang murtad itu hukumnya dibunuh? Atau adakah ia hanya murtad apabila dia mengisytiharkan dirinya murtad seperti mendaftarkan dirinya sebagai seorang yang sudah keluar daripada Islam ataupun murtad yang bersembunyi ataupun bagaimana pula dengan kes orang yang murtad kerana diceraikan kerana dahulu, masuknya ke dalam Islam pun, bukan kerana kefahaman yang sebenar tetapi kerana keperluan untuk mendirikan rumah tangga. Pohon penjelasan, terima kasih.

**Tuan Hassan bin Haji Shukri:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kalau kita melihat secara mendalam, rang undang-undang syarak ini, kita tidak boleh menghukum seseorang itu tanpa bukti yang jelas. Sebab itulah dikatakan tadi, saya gunakan istilah [*menyebut istilah dalam bahasa Arab*] – Pendakwa mestilah membuktikan dengan jelas, nyata dan terang dengan berbagai-bagai bukti. Pertama sekali cara dia beramal. Kalau ada bukti-bukti misalnya dia buat apa di situ, rekaan-rekaan atau gambar-gambar, itu boleh dijadikan barang bukti, bawa ke mahkamah, dibicarakan, dipanggil saksi-saksi. Kalau sekiranya bicara, mahkamah memutuskan bahawa sesungguhnya orang itu telah melakukan suatu kesalahan jenayah yang berat di dalam Islam iaitu mereka itu keluar daripada agama, keluar daripada Islam. Maksudnya kalau dia isytihar, dia hendak ada

saksi mendengar bahawa dia telah mengisytiharkan yang dia itu terkeluar ataupun dia kata dia tidak percaya Al-Quran dan Hadis, mesti ada orang yang menjadi saksi mendengar ucapan itu, boleh dibawa ke mahkamah dan mahkamah boleh menjatuhkan hukuman bahawa ia telah murtad.

Walau bagaimanapun, jika sekiranya ia dihukum telah murtad, dari segi Islam, masih diberi ruang dan peluang lagi untuk dia bertaubat, minta dia bertaubat. Selepas itu dia tidak mahu juga taubat. Taubat ini dalam Islam, dia tidak boleh taubat seorang begitu, upacara taubat ini hendaklah dilakukan, ada sesetengah mukahad kata waktu hendak sembahyang Asar, dia isytiharkan bahawa dia bertaubat depan orang ramai. Sekarang ini barangkali lebih senang dia isytiharkan melalui TV yang di sisinya ada beberapa orang hakim dan sebagainya sebagai saksi yang dia bertaubat.

Jadi, kaedah-kaedah ini maknanya tidaklah kita bila kita dengar dia murtad, kita terus ambil tindakan begitu. Maka, dengan sebab itu di dalam Islam ada kita kata tadi, orang mencuri, minta maafah kerana ada kaitan dengan undang-undang. Mencuri memanglah dalam Al-Quran. Tengok Quran ini dia punya nas undang-undang itu cukup cermat. Tadi zina ya, dia dahulukan perempuan, saya minta maafah. *[Membaca sepotong hadis]* Kenapa perempuan didahulukan dalam kes zina? Ha, yang ini Yang Berhormat semua boleh baca halus-halus, saya tidak mahu terangkan. Tetapi perkataan perempuan itu, azianatun, penzina perempuan baru penzina lelaki.

Tetapi dalam kes kesalahan mencuri, dia tidak dahulukan perempuan. Dia kata, assyariku, pencuri lelaki, wassyarikatu, pencuri perempuan. Apabila disabitkan oleh mahkamah, maka barulah boleh dijalankan hukuman. Tidak boleh dia curi basikal anak kita, kita pegang lima, enam orang kita potong tangan dia, tidak boleh. Itu kita pula yang salah, bukan pencuri itu yang salah. Dia memanglah mencuri salah, kita menjatuhkan hukuman itu pun salah. Dari segi syarak pun salah, dari segi undang-undang pun salah. Kita kena hadapkan dia ke mahkamah, itu dari segi hukum syarak, hadapkan dia ke mahkamah. Kalau mahkamah mensabitkan dia mencuri, barulah boleh dihukum mengikut apa yang dikehendaki oleh Al-Quran. Saya menyebut ini hukum Quran, saya pun tidak berani memilih yang lain hukumannya kerana Tuhan menyatakan begitu walaupun ia tidak berjalan tetapi kita orang Islam, pertamanya harus tahu dan orang

bukan Islam juga boleh ambil tahu kerana orang bukan Islam pun bukan menjadi pencuri semua. Ya, Senator Datuk ya, tidak ada jadi pencuri, tidak ada.

Jadi, ini peringatan-peringatan cuma pasal assyaruku ini saya berani hendak sebut sedikit, azianatun itu, dulukan perempuan. Saya tahu dia punya falsafah, rahsia dia, saya ambil pencuri. Saya orang kampung - pohon kelapa dan ada durian, sebab tadi bahas fasal durian, Kementerian Pertanian. Selama saya di kampung kebun kelapa ini, saya tidak pernah dengar orang perempuan panjat pokok kelapa hendak curi buah kelapa, tidak ada. Ada dengar tidak kalau ada kebun kelapa, orang perempuan panjat pohon kelapa, hendak curi buah kelapa, ada? Ataupun dalam kebun, dia hendak curi kelapa, dia kupas-kupas, masuk guni, dia pikul kelapa itu bawa keluar, ada dengar? Tidak ada. Yang saya dengar, curi kelapa, panjat pokok kelapa ini orang lelaki, orang lelaki dia panjat. Fasal apa perempuan tidak panjat kelapa, saya pun tidak tahulah. Kenapa? Yang Berhormat boleh jawablah. Ha, itu dia. Tetapi orang lelaki dia panjat pokok kelapa, itu saya melihat rahsia, nas Quran itu, kenapa dalam kes curi disuruh didahulukan lelaki, dalam kes zina didahulukan perempuan.

Dalam akta kita di Malaysia ini, ditulis dan disebutkan begitu sahaja, mana-mana orang, semua mana-mana atau apa-apa. Kalau barangkali dari segi *man*, dia kata apa-apa, mana-mana orang atau pun sesiapa ataupun digunakan perkataan *ma* – bahasa Arabnya, apa-apa. Apa-apa itu macam-macam. Tetapi Quran itu lain, dia memberikan penjelasan kepada kita, bagi orang yang mahu memikirkan, dia boleh melihat kenapa rahsia dalam dua kategori ini berbeza orang yang didahulukan dari segi hukuman.

Tetapi saya hendak beritahu, walaupun akta yang dipinda ini saya katakan ialah akta keterangan mahkamah syariah maka keterangan-keterangan yang hendak dikemukakan itu mestilah bersandarkan pertama sekali kepada akta. Tetapi kalau tidak ada dalam akta telah dipinda di sini. Mana-mana yang tidak ada hendaklah mengikut hukum syarak, ini bermakna .....

**Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain:** Mohon laluan. Saya tidak berani bercakap kalau Timbalan Yang di-Pertua tidak mengizinkan. Yang Berhormat, terima kasih. Saya ingin tanya Yang Berhormat, apa pandangan Yang Berhormat tentang hukuman yang dikenakan hari ini terhadap penzina, pencuri dan lain-lain

kesalahan jenayah? Adakah hukuman ini harus diberikan mengikut ayat yang disebutkan oleh Yang Berhormat? Maksudnya bila pezina itu lebih daripada wanita, ayat itu didahulukan kepada wanita, maka hukumannya harus diringankan sedikit sebab orang perempuan ini kaum yang lemah? Saya mohon pendapat Yang Berhormat, terima kasih.

**Tuan Hassan bin Haji Shukri:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang pertama, sepatutnya hukuman yang terkandung ataupun deraan-deraan yang terkandung dalam Al-Quran ini kita kena faham bahawa ia bukan semata-mata begitu. Tujuannya ialah untuk dijadikan pengajaran dan kesedaran. Oleh yang demikian, sepatutnya negara kita ini sudah diisytiharkan negara Islam. Saya tidak minta banyak, barangkali ada dua, tiga perkara yang disebutkan dalam Quran ini kita cuba laksanakan, kita cuba perundangan dan supaya masyarakat melihat pelaksanaannya. Mereka boleh jadi kes-kes yang berat; rompak, samun, itu dan ini boleh jadi tidak akan berkurangan.

Tapi kita tidak pernah hendak mencuba, cuma kita menyalahkan, kadang-kadang orang Islam sendiri menyalahkan apabila dilaksanakan undang-undang Islam yang berteraskan ataupun bersandarkan kepada Al-Quran ini, zalim dan sebagainya. Itu pun satu kesalahan juga mengatakan hukum Allah itu zalim, itu suatu kesalahan, dari segi jenayah syariah itu pun sudah salah juga, tetapi hendaklah dibuktikanlah.

**Datuk Haji Karim Ghani:** Yang Berhormat, saya difahamkan dari apa yang Yang Berhormat katakan itu mungkin menghalakan hudud dan hudud itu kalau yang saya pernah difahamkan adalah limit tetapi ada pertimbangan (*consideration*) lagi untuk meringankan, apakah itu betul?

**Tuan Hassan bin Haji Shukri:** Tuan Yang di-Pertua, dalam undang-undang syarak ataupun hukum syarak sebarang amalan ataupun sebarang undang-undang yang hendak digubal oleh sesebuah negara itu jika sekiranya hendak berpandukan kepada hukum syarak, undang-undang itu terbahagi dua. Satu qisas, qisas ini biasanya ialah kesalahan yang dilakukan oleh seseorang - dia akan dihukum mengikut apa yang dia lakukan, kalau bunuh balas bunuh itu yang dipanggil qisas, istilah sahaja itu. Ada pun hudud, ialah hukuman-hukuman, hukum dia telah ditentukan oleh Allah SWT, ditentukan macam kita memandu, had laju 120, itu 'had', kata nahu Zaaba' iaitu satu,

tetapi kalau banyak itu namanya kata majmuk di panggil 'hudud'. Jadi had-had yang ditentukan itu maknanya ialah nas-nas dan hukuman yang ditentukan oleh Allah SWT sendiri di dalam Al-Quran, itu yang dikatakan hudud, tetapi sekarang ini telah disilap tafsirkan atau silap gambarkan apabila sebut hudud itu macam hebat, macam ganas, tidak.

Satu bahagian lagi dipanggil takzir, takzir ini segala undang-undang yang kita buat ini diluluskan oleh Parlimen ini, itulah dia undang-undang takzir. Takzir itu yang tidak ada nas di dalam Al-Quran dan sunah Rasul, secara jelas kita buat undang-undang atau aturan peraturan yang kemudiannya kita laksanakan di dalam negara ataupun di dalam kehidupan kita. Maka itu namanya dipanggilkan takzir, maknanya undang-undang yang diperbuat di dalam dunia ini yang kebanyakannya adalah bersandarkan kepada takzir tetapi persoalannya Islam mengharuskan takzir itu.

Kita lihat kesalahan-kesalahan, misalnya kesalahan dia curi 5 sen atau 10 sen bolehkah kita, potong tangan? Itu kita kena timbang, maka adalah di situ boleh ditentukan, maknanya undang-undang yang kita cipta kalau ikutkan kita diluluskan oleh Dewan Rakyat kemudian bawa Dewan Negara kita luluskan itulah yang dinamakan undang-undang kanun takzir ataupun undang-undang takzir. Tetapi undang-undang yang hukuman kesalahannya telah ditentukan oleh Allah SWT dalam Al-Quran sebagai seorang Muslim dan Mukmin kita harapkan tidak ada seorang yang cuba mengeluarkan perkataan-perkataan yang tidak baik seperti zalim, ganas dan sebagainya kerana itu boleh menyentuh akidahnya. Ini yang kita harapkan, saya yang mengharap, itu. Oleh yang demikian, Tuan Yang di-Pertua, ....

**Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain:** Mohon laluan Yang Berhormat.

**Datuk Haji Karim Ghani:** Silakan Senator Azizah.

**Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain:** Terima kasih, maksud Yang Berhormat tadi, maknanya bahawa dalam Islam ini tidak ada paksaan dan ianya lebih kepada kehendak ataupun keadaan masyarakat setempat, itu maksud Yang Berhormat kah? Terima kasih.

**Tuan Hassan bin Haji Shukri:** Saya pun tidak faham, apa yang dimaksudkan itu. Dalam Islam memang kita tidak boleh paksa, nas ada, 'la-ikrahafiddin', "tiada



paksaan dalam agama,” kita berikan kebebasan, tidak ada paksa, kita tidak pernah memaksa, tetapi menerangkan tentang syariah Islam, apa lagi dengan aktanya ada, sekarang ini Kanun Tatacara Syariah ini dibentangkan di sini. Tentulah siapa yang hendak membahaskannya mesti bersandarkan kepada hukum syarak tadi. Jadi saya kira apa yang saya bahaskan ini adalah berdasarkan kepada hukum syarak yang dibawa oleh mazhab-mazhab dihurai dan ditafsir iaitu berlandaskan kepada Al-Quran dan sunah tadi, apatah lagi yang saya kemukakan, saya beri pandangan, ini berdasarkan kepada nas Al-Quran betul-betul, dari segi harta pusaka tadi, nas pembahagiannya yang ditentukan oleh Allah SWT.

Sebab itu di belakang selepas pembahagian harta ini, Tuhan sebutkan [*sambil menyebut ayat Al-Quran*] yang bermaksud “Itulah dia ketentuan-ketentuan Allah,” Bahasa Melayu hudud ini bermakna ketentuan dan ketetapan oleh yang 130 itu apa nama? Di bawah kementerian apa? Pengangkutankah? Itulah dia boleh lari 110 sahaja, ya pengangkutan kan? Kementerian sudah menentukan had laju 110, kita pun bawa 130, 150 jumpa trafik, dia tangkaplah. Kenapa apa dia tangkap kerana kita melanggar had laju. Apabila dalam Al-Quran kata [*Tilka hududullah*] yang bermaksud. itu dialah ketentuan-ketentuan, apabila kita langgar ketentuan Allah hukum dia adalah salah, kita telah melakukan kesalahan. Tetapi bagi orang atau bagi manusia ini Tuhan tentukan ada kadang-kadang kita bicara, loyar kita pandai walaupun kita melakukan kesalahan kita menang. Terlepas di dunia tetapi barang diingat, dalam Islam kita tidak boleh lepas, kita akan diseksa oleh Allah di Akhirat.

**Puan Siw Chun a/p Eam:** Minta laluan Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Hassan bin Haji Shukri:** Sila.

**Puan Siw Chun a/p Eam:** Saya memang kagum tentang penjelasan dan kefahaman agama daripada Yang Berhormat ustaz mungkin saya tidak setuju dengan kefahaman politik tetapi kefahaman dari segi agama Islam saya memang kagum dan saya memang beri perhatian dan mendengar penjelasan daripada Yang Berhormat Ustaz yang memang arif dalam agama Islam. Jadi saya ada beberapa soalan ataupun kekeliruan yang ada di dalam kepala otak saya. [*Ketawa*] Jadi saya ingin mendengar penjelasan daripada Yang Berhormat yang arif; satu ialah mengenai dengan murtad, saya ingin tanya kepada Yang Berhormat, sekiranya saya ambil contoh sayalah, saya

tidak mahu ambil contoh orang lain, tetapi perkara ini terjadi di kalangan masyarakat kawasan saya. Katakanlah saya ini seorang Siam dan saya jatuh cinta kepada seorang Melayu. Kemudian saya pun berkahwin dengan beliau kemudian saya pun menganut agama Islam, jadi tukarlah nama saya Roslinda binti Abdullah apakah... *[Ketawa]*

Kemudian, dua tiga tahun selepas itu berlakunya penceraian, saya bercerai dengan suami saya, jadi saya hendak patah balik kepada agama asal saya, bolehkah? Siapa yang buat keputusan ini? Itu satu.

Yang kedua, apabila satu pasangan melakukan maksiat atau berzina maksudnya. Apabila ditangkap, yang lelaki itu Islam dan yang pasangannya bukan Islam, jadi saya tidak faham kenapa yang bukan Islam terlepas dan yang Islam kena denda? Itu satu kekeliruan.

Satu lagi apabila saya menganut agama Islam, selepas itu saya hendak beralih balik kepada agama asal saya, mereka kata tidak boleh. Apabila tidak boleh tetapi amalan kehidupan seharian saya ini, saya makan daging babi yang diharamkan oleh agama Islam, saya pergi wad Siam saya pergi tokong sembahyang tetapi dari segi undang-undang, saya nama Islam lagi. Apabila saya mati, pejabat agama merebut mayat, ini berlaku *[Ketawa]* Ini berlaku jangan ketawa, dan saya susah hendak buat hal ini sampaikan mayat itu telah diletakkan di atas krematorium hendak bakar dah, pejabat agama ambil van, *parking* di situ tarik keranda, buang keranda itu ambil mayat dan hendak ambil balik. Tetapi bagi saya agama itu adalah satu akidah. Satu kepercayaan yang memang agung, ya satu kepercayaan yang agung. Saya tidak kiralah agama apa, Buddhakah, Kristiankah, Islam? Itu satu kepercayaan yang agung? Tetapi bila seseorang itu hendak menganut agama apa pun, kepercayaan agama apa pun biarlah dia daripada sanubari daripada batin, bukan kerana atas nama.

**Seorang Ahli:** *[Menyampuk]*

**Puan Siw Chun a/p Eam:** Ah, batin apa? Jeritan batin. Ia kena keluar dari dalaman, ia bukan atas nama. Kalau pejabat agama merebut mayat kerana dia bernama kata macam saya Roslinda binti Abdullah, ini tidak bermakna dia bukan Islam yang betul. Macam mana pandangan ustaz, bolehkah beri saya satu penjelasan yang jelas. Terima kasih.

**Tuan Hassan bin Haji Shukri:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak beri jawapan ni pun kena cermat. Kalau saya silap jawab nanti orang kata saya sebagai mufti memberi fatwa. Saya tidak berhak dari segi akta memberi apa-apa fatwa walaupun di dalam Dewan ini. Apa yang akan saya bagi ini adalah pandangan yang berlandaskan kepada Islam itu sendiri.

Yang pertama, kalau negara itu sebagai sebuah negara Islam, sebab sebuah negara Islam, kita pun sudah di isytihar sebagai negara Islam – Tun Dr Mahathir sudah isytihar negara Islam. Negara Islam itu ialah sebuah negara yang terlaksana di dalamnya hukum-hukum dan nilai-nilai Islam. Matlamatnya semua orang hendak mencari keredaan Allah Subhanahu Wa Ta'ala. Itu kita kena faham dahulu. Persoalannya di negara kita ini, bukan negara kita sahaja malah banyak negara lain di mana ada dua undang-undang iaitu undang-undang Sivil dan undang-undang Syariah.

Itu yang saya sebutkan tadi, oleh kerana kita ada dua undang-undang, siapa yang salah tidak tahulah pasal apa kita jalankan dua undang-undang. Kalau ikut Islam semua orang yang tinggal dalam sesebuah negara Islam itu sama ada dia beragama Islam ataupun tidak beragama Islam, sebarang kes perbicaraan kalau namanya Mahkamah Syariah maka hendaklah dibicarakan di Mahkamah Syariah. Hatta orang yang negeri itu berperang, katakanlah Malaysia berperang dengan negeri lain, rakyat negeri lain itu datang ke negeri kita sama ada kerana melancong atau kerana berniaga, kewajipan negara itu melindungi mereka walaupun negeri dia berperang dengan negeri kita atau kerana berniaga.

Malah ada sesetengah mazhab dia hendaklah diberi perlindungan keamanan selama enam bulan, dia boleh berniaga selam enam bulan dan ada juga mazhab yang berpendapat boleh diberikan perlindungan keamanan atau kesejahteraan selama satu tahun. Itu ikut Imigresen, itu di negeri kita sekarang di bawah Akta Imigresen yang menentukan. Imigresen kita di sini selama sebulan, selepas kena mohon baru, lalu beri sebulan lagi. Itu akta tidak mengapa tetapi dalam undang-undang Islam begitu, ada undang-undang kalau kita hendak ambil undang-undang itu. Ini namanya boleh dimasukkan ke dalam suatu undang-undang yang dikatakan undang-undang takzir, kalau takzir tadi, kalau kita hendak tetap enam bulan.

Tetapi orang ini apabila dia melakukan sesuatu kesalahan di dalam negara itu ketika dia melancong di negara itu maka dia mestilah tunduk dan patuh kepada undang-undang yang berjalan di negara itu walaupun dia datang daripada luar negeri. Ini disebutkan dalam kaedah Islam orang ini dipanggil *mustakman* yang bermakna orang yang memohon keamanan dan kesejahteraan dalam sebuah negara Islam. Atau kalau ramai kita panggil mereka sebagai *mustakmanin*. Dia boleh hidup, itulah keadilan yang diberikan oleh Islam kepada *non-Muslim* hatta dia sebagai pelancong kita kena jaga selamatkan dia.

Soalnya tadi ialah bila dia masuk Islam, itu saya setujulah bila hendak masuk Islam tu kena berfikir panjanglah, jangan kerana cinta sahaja. Yang banyak ni masuk Islam fasal hendak kahwin sahajalah. Niatnya itu tidak betul, masuk Islam itu kerana hendak kahwin. Sebab itulah bila kita hendak masuk Islam ni sebaiknya kita baca dahulu. Sebab itu banyak saya bagikan hadiah-hadiah, ini ada buku-buku syariah [*Sambil menunjukkan beberapa buku*] saya suka memberi hadiah-hadiah buku ini. Bukan saya hendak paksa supaya dia masuk Islam. Tuan Yang di-Pertua, ni saya bagi tadi satu set [*bermaksud Datuk Ratnam a/l Muthiah*]. Saya bukan hendak memaksa dia masuk Islam tetapi supaya sahabat saya ini baca buku mengenai Islam ini, sekurang-kurangnya kalau Yang Berhormat tidak masuk tetapi tahu tentang Islam. Saya pun baca mengenai agama Hindu dan Buddha. Sedikit sebanyak saya boleh interaksi mengenai hal-hal agama ini dengan orang yang menganut agama lain.

Jadi persoalannya sekarang ini kalau orang itu tadi, siapa namanya, Haslinda? Haslinda Abdullah, Roslinda Abdullah, tidak kiralah, ini tidak berkaitan dengan nama-nama orang hidup ataupun mati, cuma sebagai contoh sahaja. Roslinda Abdullah ini pun kahwin, setelah kahwin selama tiga tahun bercerai. Nama tidak ubah tetapi dia pergi watt Siam, pergi macam-macam, dia makan babi saya tidak kiralah tetapi pokoknya dia masih lagi pergi watt Siam tu. Yang pejabat agama pula dengar nama Haslinda bila mati dia ambil, hendak dikebumikan juga di perkuburan orang Islam. Inilah persoalan yang ada kaitan dengan tatacara Mahkamah Syariah ini. Orang yang telah keluar dari agama Islam hendaklah disiasat dengan baik. Tetapi kita tidak boleh walaupun hukumannya sangat berat tetapi kita tidak boleh menghukum. Bawa dia dahulu kita pujuk dia, berikan suami lain ke dengan percuma, hari ini majlis agama

hendak bagi kahwin percuma ada tabung. Kita latih dan didik dia tetapi kalau dia masih juga macam itu saya rasa barulah dia dengan keterangan-keterangannya yang cukup boleh di bawah di bawah Mahkamah Syariah. Bolehlah dia diisytiharkan sebagai orang yang sudah keluar dari agama Islam.

Tetapi persoalannya di negara kita ini, bila orang itu sudah isytihar dirinya keluar daripada agama Islam dia tidak boleh lagi dibicarakan oleh Mahkamah Syariah, itu undang-undang yang ada di dalam negara kita ini. Ada dua undang-undang. Dia tidak boleh dibicarakan di Mahkamah Syariah, kalau orang itu sudah isytihar dia sudah tidak hendak, dia isytihar dia keluar dari Islam. Yang ada ini bukan isytihar tetapi diisytiharkan, faham tak, inilah yang berlaku. Ayah Pin ini diisytiharkan dia telah keluar dari agama Islam maka Ayah Pin ini, mungkin kalau dengar cakap saya ini dia akan cari *lawyer* lah, dia minta Mahkamah Tinggi isytihar bahawa dakwaan di Mahkamah Syariah itu tidak sah kerana dia bukan beragama Islam sebab seorang yang bukan Islam tidak boleh didakwa di Mahkamah Syariah, itulah perbezaan. Tetapi di dalam undang-undang syarak sama ada kamu Islam atau tidak Islam, kalau undang-undang itu satu maka satulah.

Okey, kita kata berat hukum bunuh, sekarang ini ada dadah berapa kilogram bawa sabit hukum bunuh, sedangkan dalam Islam tidaklah sampai hukuman bunuh. Orang yang boleh dibunuh ialah orang yang membunuh orang lain. Itu lagi berat. Tetapi oleh kerana kita tidak berkesempatan untuk memperkenalkan hukum-hukum syarat ataupun Undang-undang Syariah ini maka dengan sebab itu terutama sekali Barat apa juga yang orang Islam buat dia kata ganas. Padahal Barat itu, contohnya undang-undang di Perancis banyak mengambil daripada pandangan-pandangan mazhab Maliki, fikah mazhab Maliki itu dijadikan undang-undang di Perancis. Kemudian kita ambil pula daripada Britain ke Perancis kita jadikan itu sebagai asas pembentukan atau penggubalan undang-undang kita. Asalnya daripada Islam tetapi ramai orang Islam tidak tahu hal ini.

Jadi saya ambil kesempatan ini sebagai tanggungjawab saya sebagai seorang Muslim, saya ambil tanggungjawablah. Saya terangkan dalam Dewan yang mulia ini supaya saya kira saya sudah menyampaikan pandangan ini di dalam Dewan yang mulia

ini. Saya tidak mengharapkan orang terima atau tidak tetapi itu tanggungjawab saya untuk menyampaikan.

Tuan Yang di-Pertua, saya sangat gembiralah kerana dia kata dia tidak bertanya fasal politik, saya pun tahu dia bukan UMNO.

**Puan Siw Chun a/p Eam:** Saya UMNO.

**Tuan Hassan bin Haji Shukri:** Oh! UMNO, UMNO Siamlah. Oh! Betul-betul, Siam diiktiraf sebagai bumiputera dia boleh jadi UMNO saya baru teringat. Tak apalah, parti ini sebab itu saya adalah di antara orang yang tidak pernah sebut parti di Dewan yang mulia ini. Sepanjang ingatan saya kalau orang usik saya sebutlah tetapi kalau tidak diusik saya tidak sebut. Adalah satu dua kali tetapi tidaklah, kerana Dato' usik saya jadi saya jawablah. Tugas saya sebagai Ahli Dewan negara ini kita hendak meluluskan undang-undang yang telah diluluskan oleh Dewan Rakyat.

**Dato' Haji Kamarudin bin Haji Ambok:** Minta laluan ustaz. Terima kasih. Apa pandangan Yang Berhormat ustaz mengenai pindaan istilah untuk memudah cara pembicaraan. Tetapi di Wilayah Persekutuan ini terdapat satu hakim, satu hakim lagi menunggu watakah, jadi apakah keutamaan harus diberikan sama ada membanyakkan hakim atau pun menukar istilah.

**Tuan Hassan bin Haji Shukri:** Satu lagi saya tidak tahu, yang kedua apa dia? Hakim?

**Dato' Haji Kamarudin bin Haji Ambok:** Ketika ini satu hakim sahaja di Wilayah Persekutuan, sementara satu hakim lagi masih menunggu watakah untuk menjadi hakim. Jadi apakah keutamaan harus diberikan sama ada membanyakkan hakim ataupun pindaan istilah.

**Tuan Hassan bin Haji Shukri:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Apabila disebut mahkamah dalam istilah kita ini termasuklah Mahkamah Rendah Syariah, Mahkamah Tinggi Syariah dan Mahkamah Persekutuan Syariah. Sekarang ini syariah pun ada mahkamah, Persekutuan pun ada mahkamah.

**Datuk Haji Karim Ghani:** Ustaz .....

**Tuan Hassan bin Haji Shukri:** Dari segi Wilayah Persekutuan, saya hendak sebut dahulu, saya tidak tahu bahawa seluruh Wilayah Persekutuan ini ada seorang

sahaja hakim. Saya difahamkan ada banyak Mahkamah Rendah Syariah di Wilayah Persekutuan tentulah ....

**Datuk Haji Karim Ghani:** Yang Berhormat Senator Hassan, oleh sebab masa sudah habis, boleh saya minta disambung pada hari Isnin yang akan datang?

**Tuan Hassan bin Haji Shukri:** Boleh.

**Datuk Haji Karim Ghani:** Terima kasih. Oleh yang demikian saya tangguhkan sidang ini sehingga hari Isnin. Terima kasih.

***Mesyuarat ditangguhkan pada pukul 5.31 petang.***